



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 16

Isnin

29 Julai 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019	(Halaman 29)
Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 2019	(Halaman 97)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan	
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 85)
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah Peraturan Mesyuarat 15(3)	(Halaman 110)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Kanak-kanak Merogol Kerana Pengaruh Media Sosial	
- <i>YB. Puan Asmak binti Husin</i>	(Halaman 110)
Isu Birokrasi Pembukaan Klinik Swasta	
- <i>YB. Puan Asmak binti Husin</i>	(Halaman 113)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 29 Julai 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Selamat pagi dan salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat.
Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Sri Khairudin Samad minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh manakah usaha yang telah diambil oleh kementerian dalam menangani ancaman cili import beracun dari Vietnam yang masuk ke negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian telah membuat penggantungan sementara pengeluaran Permit Import iaitu IP cili merah daripada negara Vietnam berkuat kuasa pada 14 September 2018, berikutan daripada pemantauan pensampelan cili merah yang menunjukkan kandungan MRL iaitu *maximum residue limit* racun perosak yang tinggi melebihi paras yang dibenarkan.

Sepanjang tempoh Januari hingga September 2018, sebanyak 42,339 metrik tan cili merah daripada negara Vietnam telah diimport masuk ke Malaysia. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019, tiada pengimportan cili merah dari negara Vietnam yang dibenarkan.

Kementerian juga telah mengambil langkah-langkah berikut bagi menangani ancaman cili import beracun daripada negara Vietnam dengan:

- (i) menghantar notifikasi kepada pihak berkuasa pertanian Vietnam untuk mengambil tindakan sewajarnya dan melaporkan tindakan pencegahan yang diambil bagi membolehkan penggantungan *Import Permit* ditamatkan;
- (ii) mengetatkan syarat-syarat sanitasi dan fitosanitasi (SPS) bagi kemasukan cili segar dari Vietnam seperti mensyaratkan pensijilan Amalan Pertanian Baik atau *Good Agricultural Practice* (GAP), mendaftarkan ladang dengan pihak berkuasa pertanian

Vietnam, menyertakan sijil analisa makmal dan mengenakan syarat rawatan yang sesuai; dan

- (iii) menggalakkan penanaman dan meningkatkan pengeluaran cili tempatan yang bebas racun, selamat dan berkualiti untuk memenuhi permintaan cili dalam negara.

Kementerian ini juga melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sentiasa melaksanakan pemantauan berterusan dan pemeriksaan yang lebih teliti bagi sebarang pengimportan produk pertanian, khususnya dari negara Vietnam bagi memastikan cili merah tidak di seludup masuk ke dalam Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dato' Sri.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bermakna soalan saya sudah terjawab dengan tidak ada lagi. Cuma saya berharap agar boleh Yang Berhormat Menteri bagi jaminan bahawa bukan saja Vietnam, daripada negara-negara mana pun kalau kita import, kita ada pemantauan supaya tidak berlaku keracunan dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui MAQIS di pintu-pintu masuk, kita ada pensampelan. Kita ambil sampel daripada cili-cili yang diimport dan dihantar ke *lab*. Kalau berlaku pelanggaran, negara tersebut akan di *banned*, kena *banned*.

Walau bagaimanapun, kita harus tahu bahawa *the countries must move forward* dari segi- Kita tidak akan kompromi tentang *maximum residue limit* (MRL), kerana ini adalah *food safety* untuk negara kita. Kita harap pengusaha rakyat Malaysia, mereka meningkatkan produktiviti. Mereka harus menambah penanaman cili tetapi dengan harga yang berpatutan supaya rakyat boleh mendapat cili yang segar dan juga selamat untuk dimakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, racun dalam makanan datang dalam pelbagai bentuk Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang *chemical* juga merupakan racun dalam badan kita. Yang Berhormat, kalau kita tengok dalam masa terkini ini, banyak sekali makanan yang di *viral*-kan. Contoh baru-baru ini telur yang dibuat dengan *chemical*, buah limau yang direndam untuk menjadi *orange*, durian yang direndam dalam *chemical* untuk menghijaukan durian, ayam yang dipamkan supaya menjadi lebih gemuk. Ini semua merupakan racun-racun yang kita tidak sedar Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah kementerian mengambil tindakan di atas video-video yang ditularkan ini? Apakah betul cerita-cerita yang diletakkan kepada kita ini Yang Berhormat? Kadang-kadang kita hendak makan pun bimbang Yang Berhormat. Telur itu, Ya Allah! Kalau kita tengok telur yang dibuat dengan *chemical* itu, memang jijik sekalilah Yang Berhormat.

Jadi soalan saya, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk melindungi kita daripada racun-racun yang sebegini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya pun terima video-video tersebut ya. *Sometime* kita pun rasa takut. Jadi setiap kali saya terima video-video itu, saya hantar kepada pegawai saya untuk *verified*, adakah ini berlaku. Sebenarnya, banyak video ini berlaku di negara lain. Contohnya di China, Vietnam, Thailand dan sebagainya. Itu tidak berlaku dalam Malaysia.

■1010

Keduanya adalah video-video lama. Banyak video ini semuanya *viral* tahun lalu, tahun lepas. Setiap kali- contohnya durian. Setiap durian *season* mesti ada video tentang durian diracun, direndam dalam *chemical*. Itu semuanya sudah berlaku lama tetapi media masih *sometime misquoted*, *sometime* ia senang untuk ditular. Jadi, ini adalah tidak betul.

Kedua adalah *we have to be very- we have to have confidence in our authority*. Autoriti kita memang membuat segala *checking*. Contohnya ada dua *level of checking*. Nombor satu *at farm level* di mana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selalu ada *sampling* dekat *farm*. Jadi kalau ada isu contohnya cili. Katakan kita akan buat *sampling* kalau ada melebihi MRL, mereka akan diberi khidmat nasihat untuk memberi *chance* kepada mereka perbaiki cara penanaman mereka. *Good agriculture practices*.

The second level of checking as at the supermarket site, market dan juga pasar-pasar. Itu dilakukan oleh KKM. KKM akan buat *sampling* kalau mereka melebihi *maximum residual limit*, mereka akan didakwa. Itu ada *enforcement side*. *Our side is to help them to improve their farming method* kalau ada melanggar MRL. Akan tetapi KKM *side* adalah melakukan *enforcement*.

Jadi, kita harus *confident* dengan cara autoriti kita lakukan kerja. *Don't worry about this* durian dan sebagainya. Durian ini semua *sensational*. Tidak berlaku dan saya telah *check* baru-baru ini ada kata durian ada *over supply*, di-*reject* oleh China, dihantar balik ke Malaysia kerana melebihi MRL. Itu tidak betul. Itu Jabatan Pertanian telah *check*. Ini adalah berita-berita lama dan bukan daripada negara Malaysia pun sebab video itu berlaku dua, tiga tahun yang lepas. Malaysia pada masa itu tidak boleh mengeksport durian ke China. Okey, itu mungkin daripada negara yang lain. Jadi, ini adalah *half-truth or they are trying to tarnish the country's image* menggunakan video-video yang tidak betul. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas laluan kepada saya untuk soalan tambahan. Soalan ini ada berkaitan dengan kita mengimport makanan dari luar negara. Dari segi rekodnya kita melihat bahawa nilai *food import bill* kita terus meningkat dari setahun ke setahun. Angka yang ada pada saya dalam tahun 2017 kita telah mengimport RM45.2 bilion makanan dari luar dan sayur-sayuran sahaja kita mengimport dalam RM3 bilion.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh bertumpu kepada racun.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Okey. Soalannya begini Tuan Yang di-Pertua. Kita telah menubuhkan Majlis Penasihat Pertanian Negara dan Majlis Penasihat Pertanian Negara telah juga memberi saranan-saranan kepada kerajaan atas cara mana kita boleh meningkatkan kualiti pertanian kita. Ini termasuk soal-soal prosedur racun dan sebagainya. Jadi, termasuk juga meningkatkan kualiti sayur-sayuran dan buah-buahan ini. Jadi, sejauh manakah kerajaan telah menerima pakai saranan-saranan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Pertanian Negara.

Satu soalan juga ialah kita tidak ada satu *central agency* yang merupakan boleh kita katakan sebagai *food production agency*. Jadi, bolehkah kita melihat FAMA, kita *rebranding* FAMA sebagai sebuah agensi untuk pengeluaran makanan negara bagi mengurangkan import makanan kita dari luar negara. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey terima kasih Yang Berhormat Senator. Tentang soalan pertama adalah tentang *import bill*. *Import bill* ini kita tahu bahawa *food import* itu agak tinggi. Saya kena terangkan sedikit sebab ramai yang salah faham. Tanah pertanian di Malaysia. Total tanah pertanian di Malaysia lapan juta hektar, *eight million hectares of farm land*. Daripada lapan juta hektar itu, enam juta hektar adalah pertanian kelapa sawit. Okey, satu juta lagi adalah penanaman getah. Cuma tinggal kurang daripada satu juta adalah untuk *agrofood*, untuk makanan kita.

Maka *is only 13 percent*, 13 peratus sahaja tanah pertanian untuk makanan. *That itself is very little, 13 percent and then 13 percent* ia boleh menampung 32 juta rakyat Malaysia. *That is* bukan sesuatu yang boleh membanggakan tetapi *we are not doing so badly. given the situation we have*.

Satu lagi adalah *the grade* tanah kelas pertama, *class one, class two* tanah telah bagi semuanya kepada kelapa sawit. *We are only given agrofood*, hanya *given* tanah kelas tiga, kelas empat. *Imagine the soil is not so fertile, the soil is up in the hill, the soil is deep into some swampland* dan sebagainya. Itu adalah kelas tiga, kelas empat dan diberi hanya untuk pertanian.

So, this is where the state government has to change. Kerajaan negeri harus mengutamakan makanan. Itu adalah *long-term food security of the nation* dan satu lagi adalah pertanian ini *evergreen, is an evergreen business*. Tidak ada negara akan- semua negara memerlukan makanan selagi ada manusia. *So*, itu adalah perubahan kalau kita hendak mengurangkan *food import bill*, kita kena beri tanah *prime land meaning- sorry. Class one land, bigger land for agrofood*.

Isu kedua adalah tentang *central ASEAN agency* untuk *for food*. Ya, melalui FAMA. FAMA ini adalah pemasaran. Mereka membeli barangan pertanian daripada pedalaman, luar bandar untuk dipasarkan ke kawasan bandar. Selama ini mereka *done good a job to bring farms into* kalau ada lambakan, mereka akan beli pada harga yang minimum, *floor price*. *So that farmers* itu tidak mengalami kerugian. Jadi, itu adalah fungsi FAMA untuk menstabilkan harga dan juga membantu petani. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Cukuplah. Silakanlah Yang Berhormat. Ini jarang Datuk Ng Chiang Chin dapat peluang.

Datuk Ng Chiang Chin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri laluan. Saya bab pertanian memang semangat. *About MRL pesticide*. Sekarang kita pakai *chemical* banyak. Adakah pihak pertanian akan mempertingkatkan *or improve the research of using organic pesticide*? Thank you.

Tuan Sim Tze Tzin: Sememangnya kita Jabatan Pertanian ada banyak cara untuk mengurangkan *pesticide* dan sebagainya. Salah satu adalah menggunakan *biocontrol*. *Biocontrol* adalah menggunakan *targeting* serangga perosak. Ada serangga baik dan serangga perosak. Ada *certain technology* telah kita *develop*. Contohnya untuk kubis. Kubis ini ada serangga perosak dan kerajaan telah *develop*- Jabatan Pertanian telah *develop* bersama dengan MARDI, serangga yang akan *kill*, akan membunuh serangga perosak. Itu adalah *biocontrol*.

Satu lagi adalah menggunakan pelbagai *organic material* untuk menggantikan *chemical pesticide*. Walau bagaimanapun, isunya adalah sebab senang terutamanya syarikat-syarikat besar, *pesticide* ini mereka *control market, easily available* tetapi racun serangga organik atau *biocontrol* itu tidak begitu- *effect*-nya bukan *immediate* dan petani dia mahu tengok *immediate* terutamanya pekerja-pekerja warga asing yang mereka diberi arahan untuk dapatkan bahan pertanian yang berkualiti.

■1020

Maka mereka pam sajalah. *So, this is bad agricultural practices that we have to have correct*. Kita kena memohon supaya petani memberi peluang kepada baja organik- *pesticide organic*, dan juga *biocontrol* kerana telah *proven to be effective*. Cuma, mereka tidak dan belum membuka minda dan belum *ready to adopt it*.

Saya harap dengan Jabatan Pertanian yang memberikan *extension service*, mereka akan terangkan- *explain*, dan sebagainya. Maka, cara pertanian yang baru akan digunakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya bertanyakan soalan, Dewan mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Gemok, Kuala Rompin, Pahang... [*Tepuk*] Diharap lawatan ini akan memberikan manfaat kepada pelajar-pelajar yang bakal menjadi pemimpin negara.

2. **Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram** minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah kementerian berdiam diri tanpa membela warga pendidik yang terlibat dalam isu merotan dan adakah kementerian bercadang untuk melakukan sebarang pindaan dalam peraturan melaksanakan hukuman merotan terhadap pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes-kes disiplin?

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, satu kenyataan yang kita semua boleh bersetuju ialah sekolah merupakan tempat untuk mendidik anak-anak menjadi insan yang berkualiti agar kemudiannya dapat menjadi generasi yang memberikan manfaat

buat negara. Guru-guru di sekolah merupakan sang pencerah yang bukan sekadar memberikan ilmu kepada anak-anak murid tetapi juga menyalakan harapan dan cita-cita semua anak yang kita cintai ini.

Berhubung dengan isu rotan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 berhubung kuasa guru merotan murid. SPI berkenaan adalah berasaskan peruntukan yang disediakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959. Di bawah Ordinan Pelajaran 1957, pematuhan oleh pengetua atau guru besar serta guru-guru yang diberikan kuasa melaksanakan hukuman rotan berdasarkan SPI tersebut serta Peraturan 5, Ordinan Pelajaran 1957 secara langsung melindungi guru-guru yang terlibat dalam isu berkenaan.

SPI berkenaan jelas mencakupi pelbagai aspek sebelum keputusan melaksanakan hukuman merotan dikenakan terhadap murid yang melakukan kesalahan disiplin. Ini bermakna jika guru mematuhi SOP secara langsung, mereka semua dilindungi serta-merta oleh undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan hukuman merotan, pengetua atau guru besar dan guru-guru yang diberikan kuasa sentiasa menyedari bahawa merotan adalah sebahagian daripada proses pendidikan. Tindakan yang dikenakan mestilah difahami sebagai alat untuk mendidik dan bukan sebagai alat yang akan merosakkan fizikal dan mental murid. Jauh lagi alat untuk membuktikan kuasa ataupun melepaskan geram. Guru-guru yang merotan murid bukan berdasarkan rasa marah dan dendam tetapi untuk memberikan pengajaran bahawa setiap kesalahan ada hukumannya. Setiap murid diberikan peluang untuk memperbaiki diri mereka.

Dalam konteks sekolah, merotan hanya sebagai sebahagian daripada proses mendidik terutamanya kepada mereka yang tidak berdisiplin dan mereka yang melanggar peraturan dalam skala yang besar. Hukuman rotan di khalayak sama ada di perhimpunan atau di bilik-bilik yang sedang berlangsung proses pengajaran dan pembelajaran adalah dilarang. Tindakan sedemikian akan menjatuhkan maruah serta menimbulkan kesan negatif yang lebih besar buat jangka masa yang lebih panjang di dalam perkembangan keperibadian seorang murid.

Dalam konteks masa, Kementerian Pendidikan Malaysia memahami para guru hari ini berdepan dengan cabaran yang semakin hebat. Oleh yang demikian, kementerian akan sentiasa membela warga pendidik tanpa mengira isu apa sekalipun selagi mana mereka mengikuti lunas undang-undang dan SOP yang disediakan.

Kementerian sedar, pemegang taruh utama iaitu anak murid di sekolah harus diberikan pendidikan yang berkualiti dan pendidikan yang terbaik demi kemenjadian mereka. Ini termasuk menyediakan para guru yang terbaik yang kita punya pada hari ini. Ini bermakna, apa juga keputusan yang diambil melibatkan dasar seperti hukuman rotan ini, akan mengambil kira bukan hanya kepentingan murid, malah juga kepentingan guru secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah Kementerian Pendidikan membuat sebarang tinjauan sama ada hukuman rotan ini turut dilaksanakan di sekolah-sekolah swasta ataupun sekolah antarabangsa di negara kita? Apakah pendekatan yang digunakan oleh mereka untuk menangani kes-kes disiplin di sekolah-sekolah tersebut? Begitu juga, diminta Kementerian Pendidikan, kenapakah tidak menyediakan khidmat bantuan guaman kepada guru-guru yang terlibat dalam isu pelaksanaan hukuman rotan di sekolah? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah-sekolah swasta dan sekolah-sekolah antarabangsa, mereka mendaftar untuk mendapatkan lesen untuk beroperasi di negara ini. Mereka mempunyai beberapa peraturan yang berkaitan untuk mereka patuhi. Namun, cara yang terbaik untuk mereka mendidik anak-anak mereka adalah berbeza di antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Kita tidak akan mencampuri urusan tersebut selagi mana ianya tidak melanggar undang-undang yang sedia ada.

Berkaitan dengan soalan kedua, ada soalan dua dalam satu itu *[Ketawa]* Yang Berhormat gelak? *[Ketawa]* Apa ini soalan yang kedua berkaitan dengan apa tadi?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Maszlee bin Malik: *Oh*, peguam. Bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, kita mempunyai penasihat undang-undang kita yang mana dari masa ke semasa Kementerian Pendidikan Malaysia akan membela nasib guru-guru kita berdasarkan lunas undang-undang yang sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Memang diberikan perkhidmatan guru, ya? Silakan Dr. Yaakob.

Dr. Yaakob bin Sapari: Ada satu kes, seorang guru telah dibawa ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman sehari penjara kerana menyebabkan pelajar tidak solat. Adakah tidak solat itu dikecualikan daripada hukuman rotan?

Dr. Maszlee bin Malik: Kita akan jawab secara bertulis kerana saya tidak mempunyai fakta yang lengkap berkaitan isu tersebut. Isu berkaitan dengan rotan ini dan kes tertentu, ia perlu dilihat secara *case-by-case*. Ia tidak boleh digeneralisasikan pada semua keadaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya ringkas saja yang ada kaitan dengan soalan rotan tadi. Apakah pendirian pihak kementerian terhadap tindakan segelintir ibu bapa kita yang menceroboh masuk ke kawasan sekolah dan kemudiannya menularkan berita-berita yang bersifat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *one-sided* berhubung tindakan yang diambil oleh pihak sekolah mahupun para guru terhadap anak mereka di media sosial. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, antara perkara ataupun antara cabaran besar yang kita hadapi pada hari ini di dalam masyarakat ialah tabiat menularkan segala apa yang mereka lihat tanpa memikirkan implikasi terhadap perbuatan tersebut. Bukan hanya di sekolah. Kita dapati banya pihak, apabila dia lihat berlaku kemalangan, mereka akan tularkan. Apabila berlaku kena sama dengan pihak trafik pun mereka akan tularkan. Apabila berlaku pergaduhan di pusat membeli-belah pun mereka akan tularkan. Malah, di dalam rumah sendiri pun apabila berlaku krisis di antara keluarga, mereka akan tularkan.

Jadi, isu berkaitan dengan tabiat masyarakat ini memerlukan kepada usaha bersepadu untuk kita membentuk dan mendidik kepada masyarakat supaya mempunyai etika di dalam menyebarkan berita dan di dalam menularkan sesuatu perkara. Ada perkara yang termasuk di dalam urusan peribadi, urusan keluarga atau urusan yang berkaitan dengan pengurusan yang adanya berkaitan dengan perkara-perkara yang mungkin mengaibkan sesetengah pihak.

Jadi, perkara ini selain daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, semua pihak dalam masyarakat, di dalam kementerian-kementerian kerajaan, pihak pembangkang dan sebagainya, dan kita sebagai ahli politik sendiri bertanggungjawab untuk menunjukkan contoh yang baik untuk menerangkan dan mendidik kepada masyarakat bahawa tidak semua perkara perlu kita tularkan. Ini kerana apabila kita tularkan itu tanpa melihat gambaran sebenar dan latar terhadap perkara tersebut, ia akan mengundang pelbagai persepsi dan spekulasi. Akhirnya, tidak akan membawa kesan positif kepada masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1030

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, nasihat kepada masyarakat umum, terima kasih. Kepada soalnya adalah kepada tindakan terhadap ibu bapa yang menularkan.

Dr. Maszlee bin Malik: Kita meminta supaya ibu bapa menghormati sekolah sebagai satu kawasan yang mulia untuk guru-guru mempunyai hak di dalam mendidik anak-anak mereka. Mereka perlu memberikan kepercayaan kepada para guru dalam usaha mendidik anak-anak mereka. Dengan memberikan gambaran yang tidak benar ataupun memberikan gambaran yang separa benar kepada masyarakat terhadap isu yang berkaitan dengan pendidikan oleh para ibu bapa adalah sesuatu yang dikesalkan dan kita tidak mahu ini berlaku lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Asmak binti Husin: Satu lagi, sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada tindakan bersepadu yang disyorkan oleh Menteri, bila saya bercakap dengan pihak PDRM sebenarnya ada undang-undang yang menjaga guru, contohnya seperti larangan menceroboh, larangan mengasari guru. Apakah pihak sekolah contohnya kementerian, memberikan pendedahan kepada ibu bapa seperti meletakkan undang-undang tersebut dan penerangan di kawasan pagar sekolah dan sebagainya supaya ibu bapa ini pun berhati-hati dengan hak guru dari sudut undang-undang. Sekian, terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih di atas cadangan tersebut. Kita rasa saluran yang terbaik Tuan Yang di-Pertua adalah untuk pihak PIBG diberikan penerangan sebab kalau kita nak gantung di depan sekolah semua benda, akhirnya pagar sekolah akan dipenuhi dengan peraturan-peraturan. Ini bukanlah suatu yang wajar. Kita berikan satu penekanan di dalam penerangan kita terhadap pihak PIBG. Hari ini bukan PIBG semata-mata, kita ada Persatuan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK). Walau bagaimanapun kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah memberikan cadangan yang baik tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat *Standard Operating Procedure* (SOP) dalam pengurusan sekolah, kita ada tiga proses yang perlu diambil sebelum tindakan merotan pelajar diambil iaitu:

- (i) memberi amaran;
- (ii) memberi denda; dan
- (iii) melaksanakan kelas tambahan.

Bukan itu sahaja di dalam Peraturan 5, pelajar-pelajar perempuan adalah dilarang untuk dirotan. Persoalan saya, adakah pihak kementerian berhasrat untuk menyemak semula SOP yang perlu dituruti oleh guru-guru di negara ini sebelum mendenda para pelajar di sekolah.

Kedua, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kementerian dalam memastikan kes-kes salah laku pelajar dapat dibendung dan juga dalam masa yang sama dapat memastikan kebajikan golongan pendidik dibela. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang telah saya sebutkan di dalam jawapan yang pertama tadi, kepentingan dan juga maslahat kepada golongan pendidik akan sentiasa dijadikan keutamaan bagi pihak kementerian. Kita melihat bahawa guru-guru merupakan sang pencerah kepada anak-anak murid yang perlu dibela dan undang-undang yang sedia ada akan melindungi mereka.

Menjawab kepada soalan yang pertama pula tentang SOP tersebut, jikalau kita merasakan bahawa adanya keperluan untuk melihat kepada SOP berkenaan, pihak kementerian sentiasa terbuka untuk melihat dan meninjau kembali dan kita mengalu-alukan semua pihak untuk memberikan pandangan, memberikan sumbang saran mereka demi memperbaiki tatacara kita dalam mendidik anak-anak. Saya mencadangkan kepada para Senator sekalian yang bersetuju ataupun ingin membuat sumbang saran terhadap beberapa isu, antaranya isu SOP bolehlah mengemukakannya kepada Kementerian Pendidikan.

In syaa Allah, kita akan cuba menganjurkan beberapa sesi libat urus bersama dengan Ahli-ahli Senator sekalian untuk mendapatkan idea-idea, sumbang saran yang bernas dari semasa ke semasa berkaitan isu pendidikan kerana kita meyakini bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian merupakan golongan yang terpilih di kalangan masyarakat dan menyuarakan pandangan dan isi hati

kepada masyarakat. Ini amat penting dalam usaha kita membina sistem pendidikan yang lebih baik dan berkualiti untuk anak-anak kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Datuk Sambanthan a/l Manickam minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, di bawah kementerian terdapat banyak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terdiri daripada golongan belia yang membantu pembangunan belia di sesuatu kawasan namun terdapat juga NGO yang dilihat kurang melaksanakan peranan mereka sebaliknya bertujuan demi kepentingan diri sendiri sahaja. Apakah perkara ini wujud dan dipantau serta diambil tindakan oleh pihak kementerian.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pertubuhan-pertubuhan belia berdaftar adalah digerakkan oleh perkumpulan belia berumur 15 hingga 40 tahun. Pada penggal Parlimen ini, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah meluluskan pindaan untuk menurunkan had umur 40 ke 30 tahun. Ia digerakkan oleh perkumpulan tersebut melalui jawatankuasa yang dipilih melalui mesyuarat agung tahunan dalam persatuan-persatuan berkenaan.

Pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668], pada asasnya berperanan untuk melaksanakan segala bentuk aktiviti-aktiviti belia seperti yang terkandung dalam seksyen 2, Akta 668 tersebut untuk melaksanakan program yang mengutamakan pembangunan belia dan komuniti setempat serta mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen yang terpakai kepadanya di bawah akta yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, antara mekanisme yang digunakan oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam melaksanakan pemantauan seperti yang ditanya dalam soalan Yang Berhormat Senator tersebut terhadap pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar adalah melalui penguatkuasaan penerimaan Maklumat Yang Kena Diberi ataupun MYKD yang merupakan laporan tahunan yang perlu dikemukakan oleh pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta 668 kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia ataupun *Registrar of Youth- ROY*, dengan izin.

Selain itu, pemantauan dan naziran juga dibuat oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan Negara melalui penerimaan laporan berkaitan pelaksanaan program serta aktiviti pertubuhan belia yang menerima bantuan kewangan bagi memastikan bantuan yang disalurkan adalah untuk kegunaan pertubuhan dan bukan kegunaan peribadi.

Berhubung dengan pertubuhan-pertubuhan belia yang dikatakan ataupun didakwa memainkan peranan bagi tujuan dan kepentingan peribadi, saya mengesyorkan agar kalau Yang Berhormat Senator mempunyai maklumat berkaitan kes spesifik, bolehlah dilaporkan kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia. Kalau mana-mana pertubuhan belia didapati menyalahi undang-undang Akta 668 tersebut ataupun perlembagaan pertubuhan tersebut, maka tindakan boleh diambil termasuk pendaftaran mereka boleh dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan Belia seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 20, Akta 668.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara program jangka panjang yang telah dirancang oleh Kementerian bagi menggilap serta melatih golongan belia dalam melahirkan pemimpin yang berkualiti pada masa hadapan adalah dengan pelaksanaan Kursus Pengurusan Organisasi (KPO). Kursus ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran, kepimpinan organisasi dalam kalangan belia untuk menerajui hala tuju sesebuah organisasi serta menyediakan pelapis pemimpin dalam persatuan-persatuan belia di pelbagai peringkat.

Sehingga bulan Jun tahun ini, kursus telah dilaksanakan di 60 buah daerah di seluruh negara dengan jumlah penyertaan seramai 2,392 orang peserta. Untuk makluman jua, sasaran kita dalam penganjuran KPO ini pada tahun 2019 ialah untuk melaksanakan kursus ini di kesemua 121 buah daerah dengan penyertaan 4,840 orang peserta. Sekian, terima kasih.

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Sebelum saya ingin bertanya soalan tambahan saya, saya ingin memohon maaf kepada pihak KBS kerana saya tidak dapat hadir perbahasan pindaan Perlembagaan mengurangkan had umur mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun. Berikut saya...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, tidak payah letak jawatanlah Yang Berhormat, kan? *[Ketawa]*

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Saya kurang sihat pada hari itu. Saya juga telah menyerahkan surat MC kepada pihak Parlimen. Saya menyokong penuh pindaan itu walaupun saya tidak dapat hadir *[Ketawa]* *[Tepuk]* Akan tetapi Yang Berhormat, apabila kerajaan dulu telah mengambil pindaan usul-usul banyak Ahli Yang Berhormat Senator tidak pun menyokong, tidak pernah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional suruh meletakkan jawatan ataupun minta maaf kepada mana-mana Senator...

■1040

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah Yang Berhormat, soalan tambahan sahajalah... *[Dewan ketawa]*

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Okey. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada NGO yang terlibat dalam membantu membangunkan golongan belia bagi tempoh tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan atas sikap yang begitu merendah diri tadi walaupun juga mengambil kesempatan untuk berpolitik sedikit, tetapi saya terimalah permohonan maaf tersebut. Saya rasa ini adalah sikap yang patut kita ambil sebagai pemimpin negara, sebagai menjadi suatu teladan baik kepada para belia.

Oleh sebab- itu dia. Saya ingat hendak beri jawapan bertulis, tetapi saya hendak ucapkan syabas kepada pegawai-pegawai saya kerana sudah ada. Ini sebab dia ini soalan yang spesifik tentang angka, tetapi di sini saya boleh bagi angkanya. Sehingga Mei 2019, sebanyak RM1.965 juta telah diperuntukkan untuk pertubuhan-pertubuhan belia di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan NGO yang ditubuhkan oleh kerajaan iaitu *Youth Power Club* kerana saya dimaklumkan baru-baru ini, telah diadakan satu jelajah sesi penerangan dan konsultasi penubuhan *Youth Power Club* yang mana surat jemputan itu dikeluarkan oleh satu parti politik kerajaan, salah satu parti politik kerajaan. Parti politik ya. Saya juga dimaklumkan akan ada penubuhan sebanyak 200 penubuhan *Youth Power Club* ini di seluruh 222 Parlimen yang memakan belanja sebanyak RM7.4 juta wang peruntukan kerajaan.

Maka saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, sejauh manakah tujuan penubuhan YPC ini mencapai objektif dan matlamat untuk membangunkan belia tanpa mengira latar belakang politik iaitu *bipartisan*. Bagaimanakah kerajaan memastikan bahawa penubuhan *Youth Power Club* ini bukanlah satu medan ataupun platform yang digunakan bagi mengukuhkan ataupun platform bagi sesetengah politik untuk mengukuhkan kedudukan seseorang itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu saya pun tak berapa faham lah.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Saya hendak bertanya, sejauh manakah penubuhan YPC ini tidak dipolitikkan? *In another word*-lah...

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: *In another* yang paling senang yang digunakan. Ini sebab apa, ditubuhkan di 222 Parlimen menggunakan peruntukkan kerajaan, tetapi saya dimaklumkan hanya taklimat diberikan kepada pemuda parti politik kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Tak payah kita sebutlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, YPC atau *Youth Power Club* ditubuhkan demi untuk pembangunan belia di negara kita dan bertujuan untuk memberikan pilihan yang lebih luas kepada para belia di samping 9,000 buah pertubuhan belia yang ada pada masa kini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Ahli Dewan yang mulia ini juga, YPC ataupun *Youth Power Club* akan didaftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia ataupun ROY yang merupakan seorang penjawat awam yang dilantik. Justeru itu, pejabat tersebut bukanlah sebuah pejabat politik. Saya percaya dan saya yakin kepada kewibawaan Pendaftar Pertubuhan Belia kita untuk memastikan agar semua pertubuhan belia di negara ini mematuhi bukan sahaja perlembagaan pertubuhan yang telah ditetapkan oleh ahli-ahli pertubuhan, tetapi juga kepada undang-undang negara ini.

Walau bagaimanapun, kita tidak menghalang mana-mana ahli politik untuk menyertai pertubuhan-pertubuhan belia termasuk YPC daripada apa-apa parti jua. Saya masih ingat lagi komen dari Tuan Yang

di-Pertua, bahawa juga ada ahli-ahli politik daripada belah Barisan Nasional yang menjadi pemimpin-pemimpin belia, malah telah berjaya untuk membangunkan sektor belia di negara ini. Jadi saya rasa penglibatan orang politik dalam pertubuhan belia bukan masalah, tetapi apabila mereka berada di dalam pertubuhan belia tersebut, maka mereka tertakluk kepada perlembagaan pertubuhan dan juga undang-undang negara.

Saya percaya benda ini kita sebagai ahli politik di sini juga mampu untuk bekerjasama untuk memajukan lagi sektor belia terutamanya melalui pertubuhan-pertubuhan belia dengan mengurangkan atau meminimumkan unsur-unsur politik kepartian apabila kita terlibat dalam sektor belia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahya.

Puan Siti Fatimah binti Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan, saya mengalu-alukan kedatangan delegasi Persatuan Kebajikan Masyarakat India Segamat, Johor ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

4. Puan Siti Fatimah binti Yahya minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan skim ataupun mekanisme khas bagi menyalurkan bantuan kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan menghidap penyakit kronik atau luar biasa serta memerlukan kos rawatan yang tinggi.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, kementerian masih belum menyediakan skim bantuan khas untuk golongan yang menghidap penyakit kronik atau luar biasa serta memerlukan kos rawatan yang tinggi. Walau bagaimanapun, agensi kementerian iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan pelbagai bantuan untuk mereka yang miskin dan kurang upaya termasuk penjaga kepada pesakit yang terlantar.

Skim-skim bantuan JKM adalah seperti berikut:

- (i) Skim Bantuan Bulanan;
- (ii) Bantuan Am Persekutuan;
- (iii) Bantuan Am Negeri;
- (iv) Bantuan Kanak-kanak;
- (v) Bantuan Orang Tua;
- (vi) Elaun Pekerja Cacat;
- (vii) Bantuan Penjagaan OKU ataupun Pesakit Kronik Terlantar;
- (viii) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja;
- (ix) Bantuan Anak Pelihara;
- (x) Bantuan Latihan Perantis; dan

- (xi) Bantuan Sekali Gus. Kita ada Geran Pelancaran, Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan dan Tabung Bantuan Segera.

Skim-skim ini telah diperkenalkan bagi meringankan bebanan keluarga ataupun penjaga dan bagi menggalakkan keluarga ataupun penjaga untuk menjaga ahli keluarga OKU terlantar atau yang menghidap penyakit kronik. Selain daripada itu, JKM juga ada menyediakan perkhidmatan *home-help services* di mana sukarelawan kita, lebih daripada 2,000 orang akan pergi setiap minggu atas permintaan mereka untuk membantu kerja-kerja rumah ataupun membantu golongan yang memerlukan perkhidmatan daripada sukarelawan ini.

Selain skim bantuan JKM, Kementerian Kewangan Malaysia juga mempunyai satu skim perlindungan kesihatan nasional B40 yang dikenali sebagai skim mySalam. Skim mySalam bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu B40 yang juga menerima Bantuan Sara Hidup, yang berumur 18 sehingga 55 tahun serta pasangan mereka. Skim mySalam menyediakan pembayaran sebanyak RM8,000 sekali gus sekiranya mereka disahkan menghidapi mana-mana satu daripada 36 penyakit kritikal seperti kanser, penyakit jantung, dan lain-lain.

Selain itu, skim ini juga menyediakan manfaat hospitalisasi di mana pesakit akan mendapat bayaran gantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari atau RM700 setiap tahun kepada mereka yang menerima rawatan di mana-mana hospital kerajaan. Ini adalah bagi pihak MOF, Kementerian Kewangan.

Untuk Kementerian Kesihatan Malaysia pula, mereka telah memperkenalkan pelbagai jenis bantuan kewangan kepada pesakit kurang berkemampuan yang menghidap penyakit kronik ataupun luar biasa seperti kanser, diabetes dan lain-lain.

Di samping itu, terdapat juga inisiatif lain yang diwujudkan khususnya di bawah pentadbiran kerajaan negeri masing-masing seperti skim khusus yang diwujudkan di bawah dasar kerajaan negeri, Majlis Agama Islam Negeri atau di bawah pengurusan Lembaga Zakat Baitulmal.

Bagi perancangan jangka masa panjang, kementerian telah menubuhkan Majlis Perlindungan Sosial Malaysia sebagai badan induk penyelarasan dasar dan program perlindungan sosial bagi memperkasakan sistem perlindungan sosial negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Contoh inisiatif yang telah dimulakan ialah cadangan pelaksanaan skim perlindungan sosial kepada rakyat melalui inisiatif atau pelaksanaan insurans sosial seperti program i-SURI. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Puan Siti Fatimah binti Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah pelajar-pelajar universiti daripada negara China, Vietnam, India, Turki dan Perancis yang kini menghadiri kursus pendek di beberapa buah universiti tempatan di negara kita. Kepada para pelajar, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah pihak kerajaan bercadang untuk memberi inisiatif seperti potongan cukai dan sebagainya sebagai tanda penghargaan dan sikap ramah hati rakyat Malaysia yang sentiasa menghulurkan bantuan kepada penghidap penyakit kronik sama ada dalam bentuk Ringgit atau barang keperluan?

■1050

Contohnya yang terkini, adik Ainul Mardhiah yang telah berjaya mendapatkan rawatan di *United Kingdom* berkat sumbangan dan bantuan dari rakyat Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita ada saya telah jelaskan dan kita sudah wujudkan satu jawatankuasa untuk pertimbangkan bagaimana kita boleh menyelaraskan semua bantuan ini kerana kita lihat ada banyak pembaziran. Kes-kes yang selalunya *viral* dalam internet selalunya apabila sesuatu perkara *viral*, semua agensi ataupun orang awam akan turun pergi memberikan bantuan.

Akan tetapi apa yang kita sarankan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah untuk wakil-wakil rakyat ataupun Ahli Dewan Negara sendiri boleh berhubung dengan JKM daerah, kita hendak banyakkkan 'Jom Pendaftaran'. Ini bermaksud kita turun bersama pegawai JKM untuk ke rumah-rumah ataupun kampung terutamanya di negeri seperti Sabah dan kawasan pedalaman untuk memastikan rakyat yang memerlukan bantuan tahu mengenai program ini dan mereka ada akses kepada bantuan kewangan yang diberikan oleh agensi kerajaan.

Kalau tidak, kita hanya akan selalu respons secara *viral online* sahaja kepada individu ataupun keluarga tertentu. Akan tetapi saya percaya, seperti adik tersebut ada ramai lagi rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan. Ada baiknya kalau agensi kerajaan bersama wakil-wakil rakyat turun ke kawasan masing-masing turun padang untuk membuat jom pendaftaran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah soalan nombor lima.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5. **Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair** minta Menteri Industri Utama menyatakan:

- (a) sejauh manakah negara berpotensi untuk mendapatkan pasaran bahan eksport sawit Malaysia memandangkan pasaran sawit di Eropah agak tidak menentu; dan
- (b) adakah persaingan dari Indonesia yang mengeluarkan minyak sawit sebanyak 42.2 juta tan (+7 peratus) berbanding Malaysia 20.20 juta tan (+3.5 peratus) akan menjejaskan lagi harga komoditi sawit di pasaran.

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Bagi memastikan pasaran sawit dapat ditingkatkan, kerajaan sentiasa mempertingkatkan kerjasama perdagangan dengan negara luar di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi minyak sawit di pasaran antarabangsa. Pada tahun ini, kerajaan telah berusaha untuk membentuk kerjasama perdagangan yang lebih erat dengan negara India dan negara China bagi meningkatkan lagi pengimportan minyak sawit Malaysia ke negara-negara tersebut melalui memorandum kerjasama dan perdagangan yang bebas.

Selain itu, kerajaan juga telah berjaya memastikan minyak sawit Malaysia dapat digunakan semasa penganjuran sukan Olimpik dan juga Paralimpik di Tokyo, Jepun pada tahun 2020 berikutan persetujuan daripada *Tokyo Organising Committee of the Olympic and Paralympic Games* dan kerajaan Jepun untuk menerima pakai Skim Pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sebagai salah satu keperluan perolehan produk mampan ketika berlangsungnya sukan antarabangsa tersebut nanti.

Di rantau Afrika, misi ekonomi dan pelaburan ke Mesir dan Maghribi pada 21 hingga 24 September tahun yang lalu telah berjaya mengukuhkan perhubungan dua hala antara negara yang terlibat terutamanya dalam sektor komoditi yang melibatkan peluang pasaran dan juga pelaburan. Hasil daripada misi tersebut, Mesir dan Maghribi yang merupakan pintu kepada pasaran negara-negara Eropah, Afrika Utara dan Afrika Tengah lebih yakin lagi dengan minyak sawit Malaysia serta komitmen kerajaan terhadap pembangunan mampan industri sawit negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, harga minyak sawit di pasaran adalah dipengaruhi oleh faktor penawaran dan permintaan terhadap minyak ini. Faktor penawaran boleh dibahagikan kepada dua sumber iaitu penawaran minyak sawit dari negara pengeluar utama minyak sawit dunia seperti negara kita dan juga negara Indonesia, dan juga pengeluaran minyak sayuran utama dunia yang lain seperti minyak kacang soya dan biji sesawi. Peningkatan penawaran minyak sawit dunia akan menyebabkan stok minyak sawit di pasaran turut akan meningkat jika tidak diiringi dengan peningkatan dalam permintaan terhadap minyak sawit.

Apabila berlaku lebihnya ataupun apabila berlaku lebihan penawaran, ia akan menyebabkan harga minyak sawit di pasaran dunia mengalami penyusutan. Pada ketika ini, Indonesia dan Malaysia sedang mengalami paras simpanan stok minyak sawit yang agak tinggi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pengeluaran minyak sawit pada tahun 2019 dari Indonesia yang dijangka meningkat tujuh peratus iaitu sebanyak 42.2 juta tan dan Malaysia sebanyak 20.2 juta tan iaitu peningkatan sebanyak 3.5 peratus berbanding tahun 2018 telah menyebabkan harga minyak sawit di pasaran dunia mengalami kejatuhan. Ini kerana pertambahan dalam bekalan adalah lebih tinggi berbanding permintaan terhadapnya.

Pada masa yang sama, pengeluaran minyak sayuran lain yang utama dunia seperti minyak kacang soya juga telah menyumbang kepada kejatuhan harga minyak sawit di pasaran dunia pada ketika ini. Ketika ini dikatakan pengeluaran minyak kacang soya di Amerika Syarikat adalah lebih tinggi ekoran peningkatan aktiviti pelumatan ataupun *crusher*, dengan izin. Faktor ini telah menyebabkan harga minyak kacang soya merosot di pasaran. Pada tempoh Januari hingga Jun 2019, harga minyak kacang soya telah menyusut sebanyak USD84 ataupun 11 peratus kepada USD740 berbanding USD824 satu tan pada Januari hingga Jun tahun yang lalu.

Kejatuhan harga minyak kacang soya ini juga telah menyebabkan harga minyak sawit jatuh kerana kedua-dua harga bergerak seiringan di pasaran. Harga minyak sawit di pasaran dunia telah merosot kepada USD528 satu tan iaitu penurunan sebanyak USD135 atau 21 peratus pada Januari hingga Jun 2019 berbanding USD663 satu tan pada tempoh yang sama tahun 2018. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, ia kelihatan seperti Eropah tidak lagi akan menjadi pasaran yang menggalakkan bagi minyak sawit. Bagaimanapun *palm oil futures*, minyak sawit Malaysia kebelakangan ini ada menunjukkan tanda-tanda peningkatan. Harga minyak sawit dan eksport dipengaruhi oleh pergerakan dan persaingan pasaran minyak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ya.

Now, perang perdagangan Amerika Syarikat dan China memberi impak kepada eksport minyak sayuran Amerika Syarikat ke negara China. Apa lagi keadaan cuaca buruk di Amerika Syarikat baru-baru ini, okey. *Now*, soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah fenomena ini akan memberi kesan kepada eksport minyak kelapa sawit kita? Kedua, dengan perang perdagangan Amerika Syarikat dan China, apakah harapan bahawa China akan membeli lebih minyak sawit daripada Malaysia? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas dua soalan yang saya fikir cukup penting. Kita ingin nyatakan dari segi angka-angka yang kementerian ataupun kerajaan boleh berkongsi. Misalnya, walaupun dinyatakan tadi berlaku perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan negara China ini merupakan negara-negara pembeli yang cukup penting. Akan tetapi saya hendak memberitahu kepada Dewan ini, data-data kita berbanding Januari hingga Jun 2019 berbanding dengan Januari hingga Jun 2018.

Saya ambil contohnya misalnya Amerika Syarikat. Produk sawit kita yang telah berjaya kita jual sekarang ini berlaku peningkatan 28 peratus, di Amerika Syarikat. Di negara China, dinyatakan tadi tentang keadaan negara China *now 16.3 percent*, 16.3 peratus peningkatan jumlah berbanding Januari hingga Jun pada tahun yang lalu. Negara India oleh sebab faktor cukai yang begitu menarik mencecah sekarang ini

86 peratus. Yang Berhormat Menteri akan pergi ke India untuk sama-sama kita lihat bagaimana kita boleh membantu untuk meningkatkan lagi pasaran kita ke negara India.

EU sedikit peningkatan lapan peratus berbanding tahun yang lalu. Jadi dari segi angka-angka, ia menunjukkan satu angka yang positif. Sementara kita akui bahawa perang perdagangan ini ada mempunyai kesan tetapi kalau kita olah dengan baik, maka di sana kita terdapat peluang untuk melariskan lagi penjualan. Bukan sekadar minyak sawit, tetapi produk sawit yang sekarang ini kita telah pergi ke peringkat hiliran atau *downstream*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor enam.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1100

6. **Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) perkembangan terkini projek membina 950 unit rumah melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di Daerah Lambir, Miri, Sarawak; dan
- (b) adakah kementerian bercadang mengambil alih dua bidang tanah beralamat di Lot 2518, MCLD, Miri dan Lot 2317, CLD, Miri yang seluas 30 hektar untuk tujuan pembinaan rumah mampu milik dan sebagainya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, perkembangan terkini projek membina 950 unit rumah melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di Daerah Lambir, Miri, Sarawak adalah masih di dalam peringkat perancangan sehingga hala tuju syarikat dimuktamadkan setelah selesai proses *due diligence*.

Untuk makluman Yang Berhormat, *due diligence* ini sedang dilakukan oleh syarikat profesional *Pricewaterhouse* yang dijangka akan siap dalam sikit masa lagi. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebenarnya peringkat cadangan tersebut adalah baru di kelulusan Lembaga SPNB di mana masih di peringkat dasar dan ia akan dikaji balik setelah *due diligence* ditamatkan, *in syaa Allah*.

Manakala bagi dua bidang tanah yang beralamat di Lot 2518, MCLD, Miri dan Lot 2317, CLD, Miri yang seluas 30 hektar, kedua-dua lot tanah yang dinyatakan tiada di dalam rekod SPNB dan di dalam perancangan kami.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima 11 cadangan tapak program PPR yang dikemukakan oleh pihak kerajaan negeri melalui Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak.

Pihak KPKT mengalu-alukan cadangan tapak baharu dari Yang Berhormat melalui Kerajaan Negeri Sarawak bagi pembangunan PPR di kawasan yang telah dicadangkan. Cadangan tapak tersebut

akan dipertimbangkan oleh pihak KPKT dan kelulusan bagi pembangunan PPR tersebut adalah tertakluk kepada keperluan dan permohonan perumahan di kawasan berkenaan dan peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada KPKT. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Timbalan Menteri.

Soalan saya mengenai kedua-dua bidang tanah itu yang seluas 30 hektar. Saya difahamkan tanah tersebut adalah milik Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM). Oleh kerana ada kesukaran ataupun kelewatan untuk kita mendapat *state land*, dengan izin, daripada kerajaan negeri, maka dengan adanya tanah Kerajaan Persekutuan itu di tempat yang pesat, yang dikelilingi oleh pusat membeli belah dan kawasan perumahan- sebelum ini telah ada cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Soalan saya adalah sama ada kementerian Yang Berhormat bercadang untuk berbincang bersama KKMM untuk sama-sama kita merancang satu pembinaan pembangunan bersepadu ataupun *integrated development* untuk menampung dan untuk menjayakan hasrat kerajaan untuk membina sejumlah satu juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun atau sasarannya adalah untuk membina 100,000 unit setiap tahun? Adakah kementerian bercadang untuk berbincang supaya tanah Kerajaan Persekutuan ini boleh diguna pakai untuk tujuan tersebut? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tadi. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita masih belum menerima apa-apa lagi cadangan dan tidak ada di dalam pengetahuan ataupun pertimbangan kita. Seperti yang dimaklumkan, ia adalah tanah di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Bagaimanapun, memandangkan latar belakangnya ia terletak di antara pusat membeli-belah dan juga perumahan, ia nampaknya merupakan satu lokasi yang amat strategik dan bernilai tinggi. Kalau ada permintaan atau inisiatif daripada mana-mana pihak, kita amat mengalu-alukan kerana ini adalah kawasan yang patut diberi keutamaan dari segi lokasinya strategik dan juga pemasarannya, *in syaa Allah*, tidak akan ada masalah. Jadi, kita mengalu-alukan dan sehingga kita menerima satu permohonan daripada tuan rumah ataupun inisiatif pihak ketiga, kita bersedia untuk mempertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan. Saya rasa *kot-kot* lah soalan ini tidak menyimpang. Apakah mekanisme ataupun kerjasama yang direncanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan PTPTN bagi membantu peminjam yang disenaraikan dalam Sistem Rujukan Maklumat Berpusat untuk memiliki rumah di samping berusaha membayar balik pinjaman pendidikan dan juga peminjam perumahan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan pokok adalah berkenaan dengan Sarawak. Terpulang kepada kebijaksanaan Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, saya cuba jawab sebahagian daripada soalan tersebut.

Seperti yang diumumkan baru-baru ini, kita telah mengambil inisiatif untuk memberi kelonggaran kepada peminjam PTPTN bagi tujuan untuk membeli rumah pertama khususnya kepada golongan muda.

Walau bagaimanapun, ini terpulanglah kepada pihak bank yang berkenaan untuk meluluskan kerana kriterianya adalah di atas bank tersebut untuk membuat penilaian yang sewajarnya mengikut peraturannya. Akan tetapi, ini adalah inisiatif kami untuk mempermudah dan jika boleh, kami hanya boleh melonggarkan bagi tujuan rumah pertama sahaja dan bukan untuk beli aset-aset lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Mohan.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Nuing Jeluing: Sarawak ini.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Tidak apalah.

Dr. Nuing Jeluing: *Next one.*

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Semenanjung pun besar juga.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Mohan.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapakah...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta maaf? *[Ketawa]*

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Saya tidak minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Cuma, saya ada pandangan seperti juga Yang Berhormat Sambanthan lah. Saya tidak akan minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, Yang Berhormat.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Berapakah rumah mampu milik yang telah dibina oleh pihak kerajaan pada tahun 2017, 2018 dan 2019? Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Sekiranya ada dalam senarai mengikut negeri-negeri, kalau ada, saya hendak tahu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa soalan itu terlalu spesifik untuk saya menjawab waktu ini. *In syaa Allah*, saya akan bekalkan jawapan tersebut untuk tahun-tahun berkenaan iaitu tahun 2017 hingga 2019 secara bertulis, *in syaa Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat Dato' Zahari.

Dr. Nuing Jeluing: Saya, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Zahari bin Sarip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Nuing Jeluing: Sarawak ini.

Dato' Zahari bin Sarip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Zahari dulu.

Dato' Zahari bin Sarip: Soalan saya berkaitan dengan SPNB iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad. Tuan Yang di-Pertua, kita mendapati bahawa beberapa permohonan yang telah mendapat kelulusan SPNB kemudian pembinaannya tertangguh agak lama atau beberapa faktor antaranya kontraktor yang dilantik menarik diri dan sebagainya.

Persoalan saya ialah adakah SPNB mempunyai tempoh had pembatalan permohonan tersebut? Ini kerana memandangkan pemohon tetap menunggu tanpa apa-apa jawapan daripada pihak SPNB sama ada meneruskan pembinaan atau tidak sehinggakan ada yang menunggu tiga tahun, empat tahun, lima tahun dan sebagainya. Adakah ada tempoh masa pembatalan permohonan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Seperti yang kita sedia maklum daripada awal lagi, setelah KPKT mengambil alih SPNB dan juga PR1MA, kami terpaksa mengkaji sedalam-dalamnya liabiliti yang telah kami pikul daripada sekarang ini dan kerana itulah kami terpaksa menanggungkan apa-apa projek di bawah kemajuan 15 peratus untuk dibuat *due diligence*.

Seperti juga yang telah disebutkan tadi, kami telah melantik profesional daripada syarikat antarabangsa iaitu *Pricewaterhouse* untuk membuat *due diligence* kerana banyak soal-soal kewangan yang perlu diatasi dan bagaimana untuk menyelesaikan masalah-masalah bukan saja dari pengaliran bayaran kepada kontraktor-kontraktor dan pemaju tetapi juga dari segi pemasaran kerana ada di antaranya tidak menepati dari segi kedudukan infrastruktur yang tidak sesuai, tidak mencukupi dan juga lokasi yang tidak strategik.

Jadi, bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi, kita perlu menunggu keputusan daripada pihak *Pricewaterhouse* untuk membuat keputusan yang muktamad.

Dari segi tempoh pembatalan utama atau tidak, SPNB akan terus melantik kontraktor bagi meneruskan perumahan mesra rakyat. Itu adalah komitmen kami. Akan tetapi, bagi bahagian-bahagian lain, kami terpaksa menunggu laporan terperinci *due diligence* untuk mendapat satu kepastian. Sekian, terima kasih.

■1110

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya.

Soalan saya adalah berkenaan dengan pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri mengenai program menyediakan mini bomba untuk semua rumah panjang di Sarawak. Pengumuman ini dibuat oleh Menteri pada bulan lepas di Sibu yang dilaporkan di akhbar tempatan. Saya berpendapat mini bomba ini sangat perlu sebab banyak rumah panjang mengalami kebakaran. Tahun ini sahaja, tujuh buah rumah panjang sudah hangus dan tiga buah dari tujuh buah rumah panjang itu berlaku dalam bulan ini. Tiga buah ya iaitu di: Ulu Baram, satu; di Sri Aman, satu; dan Ulu Mukah, satu.

Soalan saya, sudahkah program yang diumumkan Menteri ini dilaksanakan dan kalau sudah dilaksanakan, apa tarafnya sekarang? *What is the current progress at the moment?* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Saya rasa soalan yang jauh juga lari daripada SPNB tetapi walau bagaimanapun, saya akan menjawab secara umum sahaja lah ya.

Skim untuk mengadakan mini bomba ini adalah menjadi prioriti kita kerana KPKT melalui bomba, mempunyai *response time* atau KPI yang tertentu di mana dalam keadaan *urban situation* atau keadaan biasa, waktu sampainya *rescue team* adalah kurang daripada 10 minit. Akan tetapi dalam situasi rumah panjang di Sarawak, ini tidak mungkin akan dapat berlaku kerana jarak jauhnya dan sukarnya perjalanan.

Walau bagaimanapun, selain daripada perancangan untuk mengadakan mini bomba di tempat-tempat tertentu, sehingga ia dilaksanakan kerana ia memerlukan rancangan yang lebih teliti dan agak lama, kita menampung keperluan tersebut dengan mengadakan Pasukan Bomba Sukarela dan sebagainya. Di mana latihan yang berkala diadakan untuk memastikan satu *Emergency Response Team* berada di tapak secepat mungkin. Ini adalah salah satu daripada *interim measure* atau langkah sementara sehinggakan tempat untuk mini bomba ini dapat disediakan dengan logistik dan juga peralatan yang diperlukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Paul Igai: Satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup lah Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu. Semoga ia memberi manfaat kepada mereka... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 7.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

7. **Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, punca sebenar syarikat kaitan kerajaan LTAT dan FELDA sebagai agensi kerajaan tidak meluluskan cadangan pembayaran elaun untuk lembaga pengarah FGV.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FGV telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-11 pada 25 Jun 2019 dan telah mengemukakan 12 resolusi untuk kelulusan pemegang-pemegang sahamnya. FELDA memegang sebanyak 33.7 peratus saham di dalam FGV, manakala Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) memegang sebanyak 1.25 peratus saham.

Tiga resolusi membabitkan pembayaran yuran pengarah telah ditolak iaitu meluluskan pembayaran yuran pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, meluluskan pembayaran sebahagian yuran berbayar Pengarah Bukan Eksekutif mulai 26 Jun 2019 sehingga AGM berikutnya pada tahun 2020 dan meluluskan pembayaran manfaat berbayar pengarah bukan eksekutif mulai 26 Jun 2019 sehingga AGM berikutnya pada tahun 2020.

Lembaga Pengarah FELDA telah membuat penelitian sewajarnya ke atas semua resolusi yang dibentangkan dan bersetuju untuk menolak tiga resolusi yang membabitkan pembayaran yuran serta manfaat Pengarah FGV. Ini adalah disebabkan prestasi FGV yang mengalami kerugian berjumlah RM1.08 bilion pada tahun 2018. Lembaga Pengarah FELDA juga berpandangan bahawa yuran dan manfaat pengerusinya adalah antara yang tertinggi berbanding syarikat perladangan yang tersenarai lain.

Melangkah ke hadapan, FELDA dan FGV akan terus mengadakan perbincangan dan libat urus untuk menyelesaikan perkara ini dalam masa terdekat. Kerajaan yakin ia akan dapat diselesaikan dengan baik dan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Isu ini menjadi sejarah dalam dunia korporat iaitu tidak pernah berlaku dalam mana-mana syarikat korporat, di mana Ahli Lembaga Pengarah mereka tidak dibayar elaun. Resolusi yang sangat mengejutkan. Dalam kalangan komuniti korporat bercakap ataupun berbual dengan mengatakan bahawa ia umpama 'pukul anak, sindir menantu'. Sebenarnya mereka berkehendakkan, Ahli Lembaga Pengarah itu meletakkan jawatan.

Jadi, soalan saya ialah apakah tidak ada mana-mana peraturan dalam syarikat ataupun korporat, yang boleh membenarkan Ahli Lembaga Pengarah mengambil proses undang-undang. Ini kerana, membayar elaun merupakan hak dan bukan satu *privilege*, pada pendapat mereka. Itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi. Memandangkan soalan tersebut adalah soalan berkaitan perundangan, maka saya memerlukan satu pandangan daripada pihak perundangan dari FELDA untuk menjawab soalan tersebut. Sekian, terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Yaakob bin Sapari: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Ada sesetengah syarikat, dia hanya memberi elaun mesyuarat. Ada syarikat memberi elaun bulanan. Apakah dalam kes ini, elaun hadir mesyuarat ataupun elaun bulanan? Saya rasa pihak syarikat wajar memberi elaun sekurang-kurangnya elaun hadir mesyuarat sebab ini lebih baik daripada elaun bulanan.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Ia melibatkan- bercakap tentang kes FGV. Ia melibatkan kedua-dua elaun ya. Saya ingin sentuh sedikit tentang apa yang dikatakan resolusi yang telah ditolak ini, maka perbincangan sedang dilakukan untuk melihat secara mendalam dari kedua-dua belah pihak.

Tentang elaun tersebut, ada dinyatakan tadi dalam resolusi ini bahawa bukan sahaja elaun ya, resolusi juga menolak tentang perkara berkaitan manfaat juga. Jadi, itulah penjelasan tentang resolusi yang ditolak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind.

8. Datuk Theodore Douglas Lind minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah sebab kementerian atau pihak berkuasa KLIA tidak mengambil tindakan untuk mengeluarkan dua buah kapal terbang jenis Boeing 747 yang terbengkalai di lapangan terbang KLIA melebihi 5 tahun.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Untuk makluman Yang Berhormat mengenai isu kapal terbang yang tersadai di KLIA, sukacita dimaklumkan bahawa isu ini hampir selesai menerusi keputusan mahkamah pada 1 Julai 2019. Adalah dimaklumkan bahawa pihak MAHB dan kerajaan telah menghadapi beberapa masalah dalam menentukan tuan punya yang sebenar bagi ketiga-tiga pesawat, bukan dua pesawat tetapi tiga pesawat yang di parkir sejak tahun 2014.

Pangkalan data Boeing pada ketika itu telah menunjukkan ketiga-tiga pesawat itu mempunyai tanda pendaftaran TF-ARN, TF-ARH dan TF-ARM iaitu tanda yang digunakan oleh syarikat pajakan yang bernama *Air Atlanta Icelandic*. Apabila dihubungi, syarikat itu memaklumkan semua pesawat berkenaan sudah dijual pada tahun 2008 lagi. Siasatan MAHB menunjukkan bahawa ketiga-tiga pesawat telah bertukar milik beberapa kali. Selepas gagal menghubungi tuan punya yang sebenar, pihak MAHB telah mengeluarkan iklan dalam surat khabar *The Star* dan *Sin Chew Daily* pada 7 Disember 2015, meminta tuan punya sebenar tampil diri menuntut ketiga-tiga pesawat tersebut.

■1120

Ada pihak yang datang menuntut tetapi pihak MAHB dan kerajaan mendapati ada keraguan dalam dokumen-dokumen yang dikemukakan dan tidak dapat memastikan sama ada pihak yang menuntut itu, tuan yang sebenarnya.

Oleh yang demikian, MAHB memutuskan adalah wajar perkara ini diselesaikan secara undang-undang untuk mengelak dari sebarang masalah tuntutan pihak lain. Hasil daripada proses mahkamah, kita memperoleh penghakiman mahkamah pada 1 Julai 2019 yang mana mahkamah tersebut telah memutuskan bahawa Syarikat Splunk n' Dash Sdn. Berhad adalah pemilik yang sebenar dan syarikat ini

diarahkan oleh mahkamah untuk mengeluarkan kapal-kapal terbang tersebut dari KLIA sebelum 1 September 2019.

Urusan dan usaha-usaha untuk mengeluarkan kapal terbang tersebut sedang dijalankan oleh Splunk n' Dash Sdn. Berhad dan pastinya pihak MAHB membuat koordinasi dan pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti pengeluaran bangkai pesawat tersebut. Sekiranya pesawat tersebut tidak dikeluarkan sebelum 1 September 2019, mahkamah memutuskan bahawa MAHB diberi kuasa untuk melakukan apa sahaja terhadap pesawat-pesawat tersebut termasuk melupuskan ketiga-tiga pesawat tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Theodore Douglas Lind: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti mana kita dimaklumkan pada masa ini, Kota Kinabalu International Airport (KKIA) adalah lapangan terbang kedua paling sibuk di negara ini. Penumpang yang menggunakan KKIA telah meningkat dan akan diramalkan meningkat lagi lebih tinggi pada masa yang akan datang. Malangnya Yang Berhormat Menteri, kemudahan-kemudahan untuk keselesaan penumpang tidak mengubah dan tidak memuaskan khususnya kepada kemudahan-kemudahan tandas yang berkurang dan juga bukan sahaja kekurangan tetapi kebersihan tandas-tandas di KKIA ini memang kurang memuaskan.

Kedua Yang Berhormat Menteri, kemudahan tempat atau ruang menunggu untuk penumpang sebelum menaiki kapal terbang juga kita dapati sangat sesak pada masa sibuk iaitu *during peak hours*. Soalan tambahan saya adalah, bilakah kementerian bersama-sama MAB akan ambil tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind. Terima kasih di atas cadangan soalan dan isu-isu berkaitan dengan KKIA tersebut. Saya telah beberapa kali menjawab dan juga Yang Berhormat Menteri sendiri beberapa persoalan. Sudah tentu kita menganggap lapangan terbang Kota Kinabalu ini salah satu lapangan terbang yang penting dalam negara kita dan kita sentiasa memberikan perhatian termasuklah selain daripada isu kebersihan tandas dan ruang menunggu, saya fikir dalam beberapa sesi yang sebelum ini tentang kemudahan dan kelancaran pemprosesan penumpang-penumpang antarabangsa menerusi prosedur imigresen juga telah kita perhatikan dan cuba memperbaikinya.

Jadi, pandangan, cadangan dan rintihan Yang Berhormat itu sentiasa kita beri perhatian dan saya akan maklumkan kepada MAHB tentang apa yang saya dengar daripada Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dipersilakan Yang Berhormat Dr Ahmad Azam bin Hamzah.

Dr Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum Warahmatulilahi Wabarakatuh*. Salam Sejahtera. Sebelum itu saya mengalu-alukan kedatangan wakil Charity Foundation of Pattani Thailand. Semoga kehadiran mereka ada manfaat kepada kita semua.

9. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan, merujuk kepada data terkini yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan, bilangan Harimau Malaya di dalam hutan kita tidak sampai 200 ekor. Oleh itu, Ops Belang di bawah Kempen Selamatkan Harimau Malaya telah dilancarkan baru-baru ini. Setakat ini, apakah kejayaan yang telah dicapai oleh Ops Belang dalam memastikan populasi harimau ini dapat diselamatkan.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara yakni PERHILITAN Semenanjung Malaysia telah melancarkan Ops Belang pada 30 April 2019. Dengan kekuatan seramai 200 orang anggota Jabatan PERHILITAN, operasi ini dijalankan bagi memperkukuhkan program penguatkuasaan untuk meningkatkan populasi harimau Malaya dan spesies hidupan liar yang lain. Populasi harimau Malaya kini adalah kurang daripada 200 ekor berdasarkan terkini, *survey* Harimau Kebangsaan Pertama di 75 peratus plot kajian.

Jumlah sebenar populasi harimau Malaya akan diketahui setelah NST dijangkakan selesai pada Tahun 2020. Ops Belang ini berkonsepkan *boots on the ground* dan melibatkan 20 *hot spots* habitat Harimau Malaya yang telah dikenal pasti sebagai lokasi pemasangan jerat, pencerobohan dan pemburuan tanpa kebenaran. Sehingga Jun 2019, sebanyak 10 siri operasi telah dilaksanakan.

Modus operandi Ops Belang adalah menggunakan kaedah rondaan di jalan-jalan balak, laluan sungai, dan tasik di sekitar kawasan *hot spot* bagi mengesan dan memusnahkan jerat serta membuat pemeriksaan di kawasan-kawasan balak dan kawasan perladangan.

Sehingga kini, antara kejayaan yang telah dicapai oleh Ops Belang adalah sebanyak lapan kes yang melibatkan tangkapan seramai 11 orang warga asing yakni seramai enam orang daripada Myanmar, seramai tiga orang daripada Kemboja, seramai dua orang daripada Vietnam dan seramai 10 orang warganegara tempatan. Suspek yang ditahan telah dibawa ke mahkamah atas pelbagai kesalahan jenayah pemilikan pelbagai *species* hidupan liar, memiliki jerat dan memasuki Taman Negara tanpa permit. Jumlah denda dan penjara tertinggi yang direkodkan adalah sebanyak RM1.56 juta dan penjara 18 tahun atas kesalahan berkaitan dan dijatuhkan oleh Mahkamah Seksyen Kuala Terengganu.

Selain itu, sejumlah 429 jerat hidupan liar telah berjaya ditemui dan dimusnahkan di kawasan *hot spot* pemburuan haram. Pelaksanaan Ops Belang ini akan diteruskan sehingga tahun 2020 bagi memastikan bukan hanya spesies Harimau Malaya malahan hidupan liar yang lain juga turut dilindungi daripada pemburuan haram. Ini akan membolehkan hidupan liar tersebut kekal hidup dan membiak di habitat asal yang mana akan meningkatkan lagi populasi mereka.

Selain itu, KATS melalui Jabatan PERHILITAN juga menjalankan kempen Selamatkan Harimau Malaya 2019-2020 dengan kerjasama perbagai agensi kerajaan, swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan bagi memastikan khazanah negara yang tidak ternilai ini akan terus dipelihara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seekor harimau telah mati di pusat penjagaan ataupun pemuliharaan di Sungkai, Perak. Jadi, dikatakan harimau tersebut mati disebabkan oleh *canine distemper* iaitu sebenarnya *originally canine distemper* adalah penyakit anjing. Jadi, penyakit ini adalah amat berbahaya dan amat cepat merebak di kalangan binatang dan di kalangan haiwan. Jadi, adakah pemantauan segera dilakukan kerana saya difahamkan ada seekor lagi harimau berserta dengan Awang Besul yang mati itu yang pulang kembali ke hutan.

Jadi, sekiranya pemantauan tidak dilakukan dengan segera, *canine distemper* ini akan membunuh lebih banyak harimau terutamanya yang kita risau sebab jumlahnya adalah sudah menjadi kecil. Jadi adakah pemantauan segera dilakukan untuk memastikan bahawa penyakit tersebut tidak berjangkit kepada harimau-harimau lain dan juga haiwan-haiwan lain.

■1130

Soalan tambahan saya yang kedua, adakah kita ataupun kerajaan menjalin usaha sama dengan negara-negara tertentu terutamanya India yang memang telah berjaya memulihkan populasi harimau yang dikatakan sekarang ini mereka mempunyai lebih daripada 3,000 ekor harimau. Jadi kalau mereka mempunyai *experience* yang banyak, tambahan pula persekitaran Malaysia dan juga India tidak banyak berbeza, saya rasa mungkin mereka dapat membantu. Sekian, terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Siasatan lanjut dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN dengan pengambilan sampel hidupan liar binatang iaitu *canine* untuk mengenal pasti kehadiran virus di kawasan tersebut. Maksud di sini, kawasan yang terbabit pihak PERHILITAN akan membuat pemeriksaan binatang seperti anjing dan yang lain sebab selalunya adalah binatang bukan binatang liar yang membawanya adalah binatang yang tidak liar seperti anjing.

Jadi, pihak PERHILITAN akan membuat kajian terhadap binatang-binatang ini sama ada penyakit tersebut berpunca daripada binatang-binatang setempat ataupun sebagainya. Bagi melaksanakan usaha yang berterusan untuk mengurangkan risiko penyebaran virus ini, Jabatan PERHILITAN akan mendapatkan bantuan dan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk mengambil sampel haiwan domestik yakni bertaring di kawasan tersebut.

Soalan yang kedua berkenaan dengan negara India ya. Kita ada kerjasama dan kita juga akan buat kerjasama di mana negara-negara lain yang ada membela harimau supaya kita lebih rapat pengalaman. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawab lisan selesai. Silakan, Setiausaha. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

11.32 pg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawab lisan selesai. Silakan, Setiausaha. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon minta laluan sebentar untuk satu hal yang penting, untuk dipertimbangkan oleh Dewan.

Pada hari Khamis, Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan kenyataan yang telah pun dilaporkan dalam media dan kononnya laporan media- dan kenyataan yang dibuat telah pun dinafikan oleh SPRM sendiri dan juga ada surat dan bukti dan sebagainya.

Namun Yang Berhormat Menteri tetap mengatakan, minta kita rujuk kepada *Hansard* dan saya telah pun mendapat *Hansard* yang mengatakan- saya baca, dengan izin, "*...Jadi sekiranya kita tidak berpuas hati dengan siasatan di pihak SPRM yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Senator mengenai dua kes tadi, iaitu melibatkan pegawai-pegawai atasan dalam kementerian, sebab mereka ini belum lagi dibawa ke mahkamah. Mereka hanya di peringkat siasatan di mana mereka telah pun membuat keputusan bahawa tidak disiasat. Saya tidak dapat pastikan kedudukan yang sebenar sepenuhnya mengenai kes dua orang pegawai itu, tetapi saya telah pun difahamkan mengenai satu kes itu, iaitu pihak SPRM telah pun membuat pelepasan kepada beliau kerana beliau dapat menjelaskan di mana beliau dapatkan kewangan itu, untuk membeli satu jam tangan*".

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri perlu membetulkan kenyataan ini sama ada- ataupun menarik balik kenyataan ini- kerana *Hansard* ini adalah mulia, dan kita tidak mahu ada implikasi seakan-akan pegawai kita telah salah nyatakan kenyataan Yang Berhormat Menteri. So, Yang Berhormat Menteri di luar telah mengatakan bahawa menafikan membuat kenyataan sedemikian tetapi sebenarnya di dalam *Hansard*, kenyataan ini perlu dibetulkan demi menjaga kepentingan, kemuliaan Dewan ini.

Kalau Yang Berhormat Menteri telah pun pada pagi tadi, mengarahkan pegawai atau Setiausaha membuat penjelasan, tetapi penjelasan tetap menganiayai rakaman *Hansard* ini yang perlu kita pelihara dan memelihara kemuliaan Dewan ini.

Maka kalau Yang Berhormat Menteri tidak mahu menarik balik ataupun enggan membetulkan kenyataan, saya rasa- saya hendak cadangkan hendak rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk mempertimbangkan perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah merujuk kepada Peraturan Mesyuarat, dan dalam Peraturan Mesyuarat kita ini berbeza dengan Dewan Rakyat.

Dewan Rakyat memperuntukkan supaya jikalau Dewan ini dikelirukan- jika Dewan ini dikelirukan. Saya tidak mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri telah mengelirukan Dewan. Jika dikelirukan dan kenyataan yang dibuat itu tidak betul, maka boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan secara terus tetapi oleh kerana Peraturan Mesyuarat kita ini berlainan- dua peraturan subseksyen ini tidak termasuk dalam Peraturan Mesyuarat Dewan Negara.

Oleh yang demikian, jikalau hendak Ahli-ahli Yang Berhormat ini hendak bawa kepada masalah apa-apa pun, hendak bawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kita kena ada usul, itu yang pertama.

Kedua, ini bukan bermaksud bahawa Yang Berhormat Menteri telah membuat kenyataan yang salah. Saya akan, saya tidak mendapat apa-apa ataupun dengar apa-apa yang disebutkan pada pagi ini.

Memang kita kena memelihara dan kemuliaan *Hansard* yang dikeluarkan dalam Dewan yang mulia ini tetapi kita pun kena memberi ruang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan bahawa itu bukan pendirian yang dikeluarkan seperti yang saya telah baca dalam kenyataan media elektronik.

Oleh sebab itu, saya akan meminta Setiausaha Dewan supaya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri tidak hadir pada hari ini.

Dan saya telah menjawab, daripada segi rujuk dan sebagainya, Ahli-ahli Yang Berhormat kita kena mengikut usul, dan masa untuk usul ini adalah 14 hari. So, saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini supaya bersabar untuk mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri.

Silakan, Yang Berhormat Menteri Pertanian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.35 pg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta untuk meminda Akta Perikanan 1985 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Perikanan 1985 [Akta 317] dengan tujuan untuk menambah baik peruntukan yang sedia ada terutamanya berhubung pelesenan penangkapan ikan bagi mengambil kira penangkapan ikan di laut lepas- *high seas*, meningkatkan kadar denda bagi kesalahan di bawah Akta 317 dan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri menggubal peraturan berhubung dengan pemantauan, pengawalan dan pengawasan di samping menjadikan perundangan perikanan ini selari dengan instrumen antarabangsa.

Selain itu, pindaan ke atas akta ini turut bertujuan untuk memantapkan lagi seksyen berkaitan dengan pengkompaunan, memperjelaskan lagi kuasa Ketua Pengarah Perikanan dan memasukkan peranan pendakwa raya dalam memutuskan kes-kes kompaun dan pendakwaan. Kementerian juga menyasarkan potensi pendaratan tuna sebanyak 30,000 tan metrik setahun dengan nilai RM300 juta hasil daripada pelesenan penangkapan tuna di laut lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019, rang undang-undang ini mempunyai 12 fasal seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 dan 3 bertujuan meminda tajuk panjang mukadimah di seksyen 1, Akta 317 bagi bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemantauan, pengawalan dan pengawasan *vesse/* penangkapan ikan tempatan di laut lepas.

■1140

Ketiga, Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 1(1), Akta 317 untuk meluaskan pemakaian Akta 317 bagi laut lepas berkenaan dengan *vesse/* penangkapan ikan tempatan.

Keempat, Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 3(1), Akta 317. Bertujuan bagi memberi Menteri kuasa untuk menjalankan fungsi di bawah Akta 317 bagi semua perkara yang berhubung dengan pemuliharaan, pengurusan, pemajuan dan penguatkuasaan aktiviti penangkapan ikan di perairan perikanan Malaysia serta pemantauan pengawalan dan pengawasan *vesse/* penangkapan ikan di laut lepas.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 8, Akta 317 dengan memasukkan aktiviti penangkapan ikan, mengendali atau membenarkan dikendalikan *vesse/* penangkapan ikan tempatan di laut lepas tanpa lesen adalah merupakan satu kesalahan.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 11(2), Akta 317 dengan memasukkan laut lepas iaitu tiada lesen boleh dikeluarkan berkenaan dengan mana-mana peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut yang menyebabkan atau yang mungkin menyebabkan apa-apa galangan kepada pelayaran atau apa-apa rintangan kepada aliran semula jadi air di perairan Malaysia atau di laut lepas.

Fasal 7 juga memasukkan subseksyen baharu iaitu subseksyen 11(3A) berhubung kesalahan mengendali, memiliki dan memasang peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan di laut lepas tanpa lesen merupakan satu kesalahan.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 14A, Akta 317 iaitu anggapan bahawa mana-mana individu bukan warganegara Malaysia yang berada di atas *vesse/* penangkapan ikan tempatan di laut lepas di anggap sebagai kru vesel tersebut kecuali di buktikan sebaliknya.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 25, Akta 317 untuk menaikkan denda maksimum bagi *vesse/* penangkapan ikan asing yang menceroboh perairan perikanan Malaysia iaitu daripada RM1 juta kepada RM6 juta bagi nakhoda dan bagi tiap-tiap anggota kru dari RM100,000 kepada RM600,000. Fasal ini turut memasukkan penalti baharu denda maksimum RM4 juta bagi kesalahan yang dilakukan menggunakan *vesse/* penangkapan ikan tempatan yang beroperasi di laut lepas.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 31, Akta 317 untuk menambah baik seksyen berkaitan pengkompaunan agar ia selaras dengan akta-akta terkini yang telah diluluskan di Parlimen dengan

memperjelaskan lagi kuasa Ketua Pengarah Perikanan dan memasukkan peranan pendakwa raya dalam memutuskan kes-kes kompaun dan pendakwa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sebentar. Tukar giliran.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan teruskan Yang Berhormat Menteri sambung.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Fasal ini juga memperjelaskan tatacara berhubung pengkompaunan bahawa amaun perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya gagal, pendakwaan boleh dimulakan dan begitulah di sebaliknya. Fasal ini turut meminda seksyen 31 dengan memasukkan kesalahan di bawah seksyen 11(3A) sebagai kesalahan yang tidak boleh di kompaun kecuali bagi peralatan menangkap ikan tradisional.

Fasal 11 bertujuan bagi meminda seksyen 52 yang memasukkan peruntukan bahawa mahkamah hendaklah melucut hak ke atas apa-apa *vessel*, peralatan dan sebagainya yang digunakan semasa melakukan kesalahan di bawah subseksyen 11(3A).

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 61 bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk menggubal peraturan bagi tujuan pemantauan, pengawalan dan pengawasan ke atas *vessel* penangkapan ikan tempatan di laut lepas. Pindaan turut dibuat ke atas seksyen 61(m) iaitu memasukkan perkataan pemantauan, pengawalan dan pengawasan yang bertujuan supaya selari dengan instrumen antarabangsa bagi pengurusan perikanan yang bertanggungjawab dan fasal-fasal lain yang tidak dinyatakan secara khusus adalah pindaan bersifat kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Saya bangun untuk menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Perikanan 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Dalam senarai saya ini ada 17 Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berbicara, hendak berbahas.

Saya dahulukan yang dahulu, bermula daripada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair. Dipersilakan Yang Berhormat.

11.47 pg.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk memulakan perbahasan berkenaan tentang pindaan Akta Perikanan 1985.

Terlebih dahulu saya ingin memberi sokongan kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat melakukan pindaan dan juga peka terhadap masalah-masalah berkaitan tentang perikanan dan juga pencerobohan kapal-kapal luar yang menceroboh perairan kita, mencuri dan juga merompak hasil negara dan meletakkan nelayan-nelayan tempatan dengan hasil yang rendah dan dalam keadaan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan sejak 12 tahun yang lalu, jumlah penahan dan tangkapan *vesse/* asing ini adalah berjumlah 1,182 orang. Ini menunjukkan betapa serius isu pencerobohan *vesse/* asing di perairan negara kita khususnya di laut dalam. Daripada jumlah ini, menurut laporan 706 *vesse/* adalah dari Vietnam yang telah ditahan dalam tempoh yang sama. Kerjasama Kementerian Pertanian, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar Negeri dalam Operasi Naga pula telah berjaya menahan 52 *vesse/* dan juga 45 kru dalam tempoh dua bulan setengah baru-baru ini.

Ini sekali lagi menunjukkan betapa seriusnya isu pencerobohan perairan negara oleh nelayan asing. Jadi, adalah wajar dinaikkan denda maksimum di bawah seksyen 25, Akta 317 bagi *vesse/* penangkapan ikan asing yang menceroboh perairan negara iaitu daripada RM1 juta kepada RM6 juta, untuk tekong dan kru, dari RM100,000 kepada RM600,000.

Tuan Yang di-Pertua, penambah baik seksyen 31, Akta 317 berkaitan pengkompaunan adalah selaras dengan akta-akta terkini yang telah diluluskan di Parlimen dengan memperjelaskan lagi kuasa Ketua Pengarah Perikanan dan memasukkan peranan pendakwa raya dalam memutuskan kes kompaun dan pendakwaan dan ini amat dialu-alukan.

■1150

Tuan Yang di-Pertua, walaupun denda dinaikkan, saya berpendapat bahawa kru-kru asing yang ditangkap memang tidak akan membayar sebab pengalaman saya sebagai seorang peguam yang telah mengendalikan kes di Kuala Terengganu. Saya pernah bercakap dengan awak-awak kapal ini melalui jurubahasa khususnya dari Vietnam. Mereka kata mereka lagi suka duduk di dalam penjara kita sebab makanan *free*. Lagipun mereka cakap dalam bahasa Terengganu, mereka cakap "*makang*" *free*, apa lagi dia hendak?

So, mungkin denda yang dinaikkan adalah satu inisiatif oleh kerajaan. Akan tetapi cadangan saya, hukuman keras masih- saya mencadangkan jika hukuman keras ini masih tidak berkesan, maka kerajaan harus mengenakan hukuman sebat ke atas penceroboh. Ini sebagai langkah terakhir jika mahkamah mendapati mereka dengan sengaja mencerobohi perairan negara kita. Pesalah-pesalah atau penceroboh-penceroboh kali pertama ini dikecualikan dari sebatan, ini untuk pencerobohan kali kedua dan selebihnya. Mungkin cadangan ini akan menerima beberapa *criticism* daripada kumpulan-kumpulan hak asasi manusia dalam dan dari luar negara. Akan tetapi, saya berharap kerajaan mesti menimbangkan pencerobohan haram dari *vesse/* asing yang menangkap ikan daripada perairan kita dan menyebabkan nelayan-nelayan kita dengan tangkapan yang kurang baik, rendah dan membawa kerugian ekonomi yang tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan supaya *vesse/* ini ditenggelamkan setelah diarahkan oleh mahkamah dan dijadikan tukun-tukun juga merupakan tindakan yang wajar. Menenggelamkan *vesse/* ini

untuk kita jadikan tukan-tukan dalam perairan bukan perkara pelik kerana negara Indonesia dan negara-negara lain telah mengambil tindakan yang sama.

Akan tetapi wajar untuk difikirkan bahawa *vessel* yang dirampas tidak ditenggelamkan, tetapi dilelong sahaja kepada nelayan-nelayan tempatan dengan mengikuti prosedur-prosedur mengikut perundangan negara kita dan antarabangsa. Adalah wajar tindakan tegas juga diambil terhadap pemberi-pemberi maklumat seperti tonto-tonto, nelayan penyamar dan yang membocorkan rahsia aktiviti penguatkuasaan daripada polis marin ataupun Jabatan Perikanan. SPRM dan KDN harus mengambil tindakan tegas terhadap penjawat awam serta tonto-tonto jika didapati melakukan salah laku rasuah dalam isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar bahawa denda yang tinggi ini tidak mampu dibayar oleh penceroboh perairan kita dan akhirnya mereka akan memilih untuk dipenjarakan sahaja. Ingat, bahawa kita juga harus bersedia menerima reaksi timbal balik atau *reciprocal* daripada negara-negara jiran yang mungkin akan lebih bertindak keras ke atas nelayan kita yang menceroboh perairan mereka selepas ini. Oleh itu, saya menyarankan semua nelayan laut dalam tempatan wajib diberi penerangan khas secara berkala oleh agensi kerajaan tentang risiko yang mereka akan hadapi dan bagaimana untuk mengelak daripada memasuki perairan negara asing atau risiko yang mereka akan hadapi jika berada di perairan yang bertindih.

Kerajaan harus menyediakan atau menggalakkan nelayan tempatan menggunakan *vessel* yang lebih besar dan canggih yang dilengkapi dengan alat pengesan atau *positioning system*, dengan izin, supaya mereka dapat dengan mudah membezakan antara perairan antarabangsa dan perairan antara sempadan, *transboundary waters*. Oleh sebab bidang perikanan merupakan satu kerjaya penting untuk negara, dicadangkan lebih ramai belia melibatkan diri dalam bidang ini dan ditubuhkan sebuah kolej perikanan khas moden bagi melantik mereka yang berminat.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kementerian dalam membuat pindaan Akta Perikanan 1985 sekarang memang berpandukan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh resolusi *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC) dan peraturan-peraturan kesalahan-kesalahan di bawah peraturan ini seperti *illegal, unreported and unregulated* (IUU) *fishing*.

Cuma ada lagi dua isu yang saya mohon untuk Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan sedikit iaitu tiada apa-apa dalam Akta Ibu 1985 atau di pindaan yang dicadangkan menyebut tentang larangan tetangkap pengangkut atau *trolling window banned* yang diamalkan di banyak negara seperti Thailand, India, Jepun dan lain-lain. Larangan *trolling* ini biasanya selama 47 hari ke 65 hari *depending on* negara-negara yang melarang nelayan tradisional menggunakan kapal mekanik atau *mechanical vessel* daripada belayar melebihi 10 ke 12 nautika kilometer. Semasa tempoh larangan, mereka dilarang belayar.

Kebanyakan spesies ikan tropika mempunyai tempoh pemindahan atau *spawning period*, dengan izin, enam ke tujuh bulan dengan satu dua musim penting. Kajian telah menunjukkan keuntungan bermusim aktiviti penangkapan ikan oleh pukat tunda mekanikal yang terlibat dalam bantuan menyelamat laut atau

deep-sea scoping dalam pemuliharaan dan pengurusan sumber ikan. Objektif larangan ini adalah untuk melindungi *fish wealth* semasa pembiakan spesies penting komersial dan untuk membolehkan pertumbuhan ikan muda- *growth of young fish*, dengan izin.

Kedua ialah pindaan ke atas Akta Perikanan 1985 dicadangkan untuk memasukkan bidang baharu dalam pengurusan perikanan berasaskan ekosistem *or ecosystem based fisheries management*. Ini adalah penting Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau kita hendak *improve* bidang perikanan dan kita hendak mengeksport ikan kita ke negara lain khususnya ke Eropah, mereka akan melihat ekosistem kita macam mana, adakah kita mengikut ekosistem yang telah diisytiharkan oleh undang-undang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga menangani pencerobohan nelayan-nelayan asing masuk ke perairan negara dengan mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas pelaku dan ini adalah amat dialu-alukan. Saya amat bersetuju dengan pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi bin Haji Suhaili. Dipersilakan.

11.59 pg.

Dr. Zaidi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan laluan kepada saya untuk sama-sama ikut serta di dalam perbahasan untuk menyokong rang undang-undang bagi meminda Akta Perikanan 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu tertarik hati untuk bersama-sama memberikan sumbangan ataupun pandangan saya dalam perbahasan ini kerana bagi saya, rang undang-undang yang ada kaitan dengan perikanan ini adalah sesuatu yang menarik dan dekat di hati saya.

■1200

Ini kerana saya sendiri pun pernah berada di kementerian ini dalam tahun 1995 hingga 1999 waktu itu bersama-sama Yang Berhormat Menteri, Dato Sri Amar Daud. Kita memang bercakap tentang soal perikanan, soal pembangunan, nelayan dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sering dibincangkan apabila kita bercakap tentang soal nelayan laut dalam dan sebagainya adalah soal pencerobohan. Saya melihat dalam rang undang-undang ini bahawa ada dinaikkan denda-denda sekiranya terdapat bot-bot yang didapati menceroboh perairan kita apabila ditahan, ditangkap akan dihadapkan di mahkamah serta di denda dan sebagainya. Jadi soalnya pada waktu dahulu, kes-kes pencerobohan ini banyak dilakukan oleh nelayan dari Thailand, ada juga kes dari Indonesia dan juga China. Akan tetapi sekarang ini, saya difahamkan dari laporan-laporan yang kita baca kebanyakan kes ini, pencerobohannya dilakukan oleh nelayan-nelayan dari Vietnam.

Sebenarnya punca utama pencerobohan ini, satu ialah kerana penguatkuasaan kita, *enforcement agency* kita di perairan Malaysia mungkin tidak begitu cukup untuk memerhati ataupun memantau kemasukan bot-bot nelayan asing. Keduanya ialah kerana terdapat juga nelayan-nelayan kita yang diberikan lesen bot laut dalam. Mereka adakala walaupun tidak dibenarkan tetapi secara senyap-senyap

menyewa bot-bot nelayan mereka kepada nelayan-nelayan asing. Itu satu daripada puncanya sebab terdapat bot-bot yang disewa itu nombor pendaftarannya bukan sebuah. Ada kalanya ada lima, enam, tujuh buah dengan nombor pendaftaran yang sama.

Kita tahu bot-bot nelayan ini tidak semestinya bot nelayan ini boleh berada di perairan selama 24 jam, tujuh hari seminggu, 30 hari sebulan. Mesti ada waktu-waktu mereka pergi- apa kita sebut *docking* di pelabuhan-pelabuhan. Mesti ada *maintenance*. Akan tetapi, kadang-kadang bot-bot ini seperti saya kata 24 jam, tujuh hari seminggu, 30 hari sebulan kerana pendaftaran itu sentiasa di lihat oleh orang yang terlibat dalam industri ini. Jadi bermakna bahawa sebuah bot yang disewa kepada nelayan asing bukan hanya sebuah tetapi beroperasi hingga tujuh buah. Ini yang menyebabkan pencerobohannya berleluasa dan harap perkara ini diberi perhatian. Mesti ada solusi untuk kita menyelesaikan perkara ini.

Ada kalanya bot-bot ini disewa kerana pemilik atau mereka yang menyewa ada kaitan dengan orang tempatan. Tauke yang menyewakannya mungkin berkahwin dengan wanita tempatan, wanita warganegara Malaysia. Ini kadang-kadang puncanya, ini yang pengalaman yang pernah saya dengar perkara-perkara seperti ini. Jadi inilah perlu dipantau oleh jabatan kerana kita tidak mahu pencerobohan berleluasa berlaku. Saya difahamkan pencerobohan ini boleh menghilangkan pendapatan *the real resources* kita hingga RM6 bilion setahun. Ikan-ikan kita dicuri oleh nelayan-nelayan asing akibat daripada pencerobohan dan juga atas *devices* yang mereka gunakan adalah lebih canggih daripada apa yang digunakan oleh nelayan kita.

Jadi saya harap walaupun kita menaikkan denda dalam akta ini, saya mengalu-alukan. Seperti kata Yang Berhormat tadi, ada yang ditangkap lebih suka duduk dalam penjara daripada membayar denda. Inilah satu isu yang patut kita beri perhatian tentang pencerobohan nelayan-nelayan asing di perairan kita. Saya rasa kita sepatutnya meningkatkan lagi penguasaan laut dan perairan kita dengan menggunakan teknologi-teknologi yang lebih canggih.

Tidak mungkin kita tidak boleh melihat penguasaan ini. Kalau di udara ada sistem yang boleh memantau pergerakan pesawat-pesawat yang masuk ke ruang udara kita. Saya rasa kalau di perairan mesti ada instrumen-instrumen, *devices*, kemajuan teknologi yang boleh membantu kita untuk kita menyelesaikan masalah pencerobohan kapal-kapal asing ini.

Kapal-kapal ini saya rasa tidaklah selaju pesawat-pesawat. Kalau mereka hendak mencerobohi perairan kita. Kita mungkin boleh melihatnya kalau kita memantaunya menggunakan *devices*, teknologi-teknologi yang termoden untuk kita memantau pergerakan-pergerakan *vessel* di perairan kita. Keduanya, saya rasa bahawa semua *vessels* kita yang dilesenkan, mesti kita minta mereka dilengkapi dengan *monitoring devices* supaya boleh juga membantu nelayan-nelayan kita bagi memantau sama-sama menolong kita untuk menyekat pencerobohan daripada nelayan-nelayan asing ini.

Dalam kes negeri Sarawak, sering kali dilaporkan bahawa nelayan-nelayan di kawasan utara di Bintulu, di Miri dan sebagainya selalunya menerima ancaman-ancaman akibat dari pencerobohan daripada nelayan-nelayan asing ini. Saya harap kerajaan akan mengambil perhatian yang tegas kepada perkara ini

dan khususnya kepada Kementerian Pertahanan. Saya minta mereka mempercepat rundingan dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membina pangkalan tentera laut di Bintulu, Sarawak sebagai membantu agensi maritim kita untuk sama-sama menjaga perairan kita di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya respons tadi kepada- kita melihat bahawa sehingga tahun 2015 mengikut rekod yang ada pada saya, sebanyak lebih 56,000 *vesse/s* kita yang dilesenkan di Jabatan Perikanan Laut. Saya rasa ini satu jumlah yang besar. Saya mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan daripada lesen-lesen ini dikendalikan oleh Jabatan Perikanan Laut. Sebaik-baiknya kerajaan menubuhkan Lembaga Pelesenan Bot Nelayan supaya proses-proses untuk mendapatkan permohonan-permohonan lesen ini diproses oleh lembaga dan di-*interview* oleh ahli-ahli lembaga supaya syarat-syarat pelesenan boleh diperbaiki lagi. Biarlah *enforcement*-nya diserahkan kepada Jabatan Perikanan Laut dan juga Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tadi rakan saya ada menyatakan bahawa supaya bot-bot yang ditangkap boleh dilelong.

■1210

Jadi, sepertimana dahulu pun saya pernah mendengar, ada bot-bot seperti ini dilelong. Akan tetapi, ada juga kes-kes di mana ia mendatangkan bahaya kepada nelayan-nelayan kita yang membeli bot-bot yang dilelong. Ini kerana dikatakan bahawa kalau kita membeli bot yang dilelong yang ditangkap daripada Vietnam, nelayan kita menggunakannya di laut, ada kalanya bot-bot ini boleh dirampas balik.

Ini kerana saya difahamkan mereka cukup faham dengan *design* bot-bot dari Vietnam. Mereka faham. Walaupun kita tukar warna catnya dan sebagainya, kita letakkan nombor *registration* kita, tetapi mereka faham, mereka cukup mahir untuk melihat itu adalah bot mereka dan ada kalanya ia mendatangkan bahaya. Jadi, saya rasa ini juga harus kita ambil perhatian.

Satu yang saya lihat daripada rang undang-undang ini ialah pengeluaran lesen untuk menangkap ikan di laut lepas. Maksudnya kita hendak membangunkan industri ikan tuna dan sebagainya. Jadi, ini satu perkara yang memang kita alu-alukan dan saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana mengambil satu inisiatif untuk selangkah ke hadapan dengan memajukan industri ikan tuna.

Adakah kita juga- kalau *industry players* di Jepun, saya difahamkan bahawa mereka bukan sahaja menangkap ikan tuna tetapi mereka juga membela ikan tuna di laut secara akuakultur. Adakah kita juga akan mengikut langkah-langkah seperti ini?

Juga, yang pentingnya ialah kalau boleh kita mempunyai industri-industri hiliran. Apa-apa jenis tangkapan, kita bawa balik ke tanah air kita, ke pelabuhan-pelabuhan kita supaya ia boleh menjadi produk perikanan yang akan menghasilkan industri-industri hiliran di tanah air kita sendiri. Ini kerana kita tahu bahawa kita banyak mengeluarkan lesen-lesen bot tetapi ada kalanya kita tidak begitu tahu berapa banyak jumlah hasil tangkapan mereka, berapa banyak jumlah yang mereka *landing* balik ke pelabuhan-pelabuhan kita.

Jadi, itulah sebabnya ada kalanya nelayan-nelayan kita diberi insentif. Kalau selepas mereka menangkap ikan, dia *landing* ke jeti-jeti LKIM, mereka mestilah dibayar insentif ke atas tangkapan-tangkapan yang telah mereka peroleh. Ini kerana untuk memastikan bahawa tangkapan-tangkapan yang dibuat oleh nelayan adalah balik kepada kita.

Saya ingin tahu, sama ada jumlah bot-bot yang telah dilesenkan, apakah jumlah tangkapannya sama ataupun memadai dengan jumlah *landing* yang mereka buat di pelabuhan-pelabuhan kita, khususnya pelabuhan-pelabuhan di bawah LKIM?

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya lihat ialah bahawa di Sarawak telah terbina sebuah *fishing complex*, kompleks perikanan iaitu Kompleks Perikanan Tanjung Bako. Projek ini di bawah LKIM bernilai RM247 juta terletak di satu kawasan seluas 42.5 ekar tanah. Saya ingin tahu, sama ada *fishing complex* ini pelabuhannya telah digunakan dengan sepenuhnya? Berapakah jumlah tangkapan yang telah *landing* di pelabuhan tersebut? Berapakah jumlah kapal-kapal nelayan yang menggunakan kompleks ini?

Ini kerana kompleks ini mempunyai satu *planning* yang besar. Menurut perancangannya, ia menjadikan sebuah bandar nelayan, *fisherman city*. Bahkan dibayang-bayangkan sebagai satu bandar nelayan, bandar pelabuhan sama seperti *port city of Fremantle* di Perth, Australia. Apakah LKIM dan juga dengan kerjasama kerajaan negeri akan membangunkan kompleks perikanan ini yang dalam perancangannya adanya restoran makanan laut, perkampungan nelayan dan sebagainya? Jadi, saya harap kompleks ini akan diberi perhatian supaya ia menjadi pemangkin kepada persatuan-persatuan nelayan tempatan untuk meraih keuntungan hasil daripada projek-projek ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mohon untuk menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zaedi bin Haji Suhaili. Sekarang saya persilakan pula Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

12.16 tgh.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas rang undang-undang ini. Juga, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sudi membentangkan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Rang undang-undang ini memang khas untuk perairan laut lepas atau *high seas*.

Banyak pindaan yang kita akan diluluskan sekarang. Cadangan pindaan yang di hadapan kita hari ini sangat bermakna dan tepat sekali. Ini kerana pencerobohan dari nelayan asing dalam perairan negara adalah semakin kritikal setakat ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak isu yang hendak diutarakan di sini telah dikeluarkan oleh saudara-saudara tadi, jadi sekarang saya akan larikan sedikit, minta izin dari Tuan Yang di-Pertua, dari tajuk asal. Memang apa yang saya akan sentuhkan di sini mungkin luar sedikit daripada tajuk tetapi ada relevannya seperti dalam dasarnya tujuan undang-undang untuk menjaga hasil negara dan juga rakyat kita iaitu dari golongan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Dewan ini mengenai pencemaran air dalam sungai bukan sahaja di Sungai Kim Kim. Baru-baru ini kita mendengar juga kes seorang pelancong dan orang tempatan menjadi mangsa letupan bom di perairan Sabah. Betul ya? Mungkin ada elemen jenayahnya tetapi saya tidak akan menyatakan jauh lagi mengenai perkara ini. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kes seperti ini memang sudah berlaku dan saya tahu berlaku sekarang. Mereka ini memakai 'bom belacan', Tuan Yang di-Pertua. 'Bom belacan' is macam *what we call like a gum*. Dia disimpan, dia bom ikan di bawah. Macam belacan tetapi tidak baulah... [Dewan ketawa]

■1220

Cara lain seperti memakai *electric generator* dan racun emas juga ada diguna pakai di sungai-sungai kecil di pedalaman untuk menangkap ikan dan udang. Orang yang tidak bertanggungjawab itu Tuan Yang di-Pertua, selalunya orang luar kawasan. Soalan saya adalah, perlukah kita kaji undang-undang sedia ada yang mengetatkan pemantauan dan menangkap orang yang tidak bertanggungjawab itu?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya balik kembali kepada tajuk asal dalam pemantauan dan menangkap penceroboh. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar ditingkatkan pemantauan dan menambah bilangan pasukan dan peruntukan aset kepada jabatan pemantauan iaitu penguat kuasa khasnya maritim serta memakai alat-alat canggih seperti *drone*. Saya dengar ada lah, tetapi mungkin ada yang lebih canggih lagi. Soalan saya, siapakah yang menggunakan Sistem Pemantauan Automatik (AIS) dan pengesanan *Mobile Transceiver Units (MTU)*? Adakah APMM bersama dengan kementerian ini? Berapakah jumlah bot-bot untuk meronda di kawasan untuk memantau kawasan yang sangat luas? Adakah pemantauan itu dilaksanakan juga di perairan Laut China Selatan, dekat Sarawak?

Saya fikir, bahawa cadangkan dan tubuhkan juga gabungan kementerian dalam hal pemantauan dan penguatkuasaan seperti mengambil Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan mungkin juga Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya lagi adalah mengenai kes bot yang sama mempunyai pendaftaran dari kedua-dua atau ketiga-tiga negara.

Umpamanya, bot itu juga didaftar di Vietnam dan di Malaysia. Di perairan Malaysia, dia akan turunkan bendera mereka dan mengecat semula nombor pendaftarannya. Itu memang bahaya. Kita memang sudah tahu dan dimaklumkan, ada bot-bot negara asing balik ke kawasan kita dan mengambil kemudahan subsidi minyak.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akan mengukuhkan dan memberikan kuasa besar kepada rang undang-undang ini. Akan tetapi, janganlah kita menganggap rang undang-undang ini menjadi seperti '*toothless tiger*'.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan khasnya orang muda untuk menceburi di dalam *business* menangkap ikan, saya mencadangkan untuk memberi *soft loan* kepada belia yang akan menceburi diri dalam bidang penangkapan ikan di laut luar. Ini kerana, kita diberitahu juga bot Kelas C2

adalah mahal sangat. Mungkin sekitar RM2 juta untuk satu bot. *Company* besar sahaja yang dapat membeli ataupun memakai bot seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan untuk menubuhkan akademi atau kolej perikanan khas untuk perihal ikan luar atau perikanan luar lepas. Sekarang kita dimaklumkan, kita juga tahu bahawa orang nelayan ramai dari golongan yang sudah berumur. Jadi, kita mesti tunjukkan kepada belia-belia keuntungan daripada menangkap ikan seperti tuna. Mengikut sasaran kementerian juga, adalah hampir 300 juta hasil tangkapan tuna setahun sahaja- bukan tuna, ikan ya. Akan tetapi, saya ingat tuna ada tiga bilion mengikut sasaran *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC).

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong penuh rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Silakan.

12.26 tgh.

Dr. Yaakob bin Sapari: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019.

Kita rasa bertuah kerana Malaysia ini sebuah negara yang dikelilingi oleh laut. Semenanjung, keseluruhannya di kanan dan kirinya laut. Di Sabah dan Sarawak juga begitu. Sudah pasti ini memberi ruang besar kepada nelayan-nelayan tempatan untuk *explore* sumber kekayaan di tengah-tengah laut.

Saya akan membahaskan soal industri perikanan di negara ini. Cuma sebelum itu saya hendak menarik perhatian, sering kali apabila ada pembangunan, nelayan pesisiran pantai akan menjadi mangsa pembangunan. Antara yang dibangkitkan ialah seperti pembangunan pulau buatan di Pulau Pinang yang memberikan kesan kepada lima buah kampung nelayan. Masih banyak lagi kawasan-kawasan lain, baik di kawasan-kawasan yang dibina pembangunan hotel dan sebagainya, nelayan akan sering terkena dengan kesan pembangunan ini.

Selain itu ialah pencemaran-pencemaran di darat juga memberi kesan pada tangkapan nelayan pesisiran pantai. Jadi, kalau boleh minta perikanan dan juga perancangan bandar serta pihak berkuasa tempatan, mengambil kira di dalam pembangunan itu- ambil kira soal nelayan di pinggir pantai.

Berkaitan dengan industri nelayan di negara kita, kalau kita lihat statistik LKIM, jumlah tangkapan ikan di negara ini sekitar 851,207 metrik tan dengan nilai sekitar RM2.519 bilion berbanding import kita yang sangat tinggi. Import kita ialah sebanyak 1,247,777 metrik tan dengan jumlah import sekitar RM6.783 bilion, yang mana kita hanya mengeluarkan sekitar 48 peratus sahaja keperluan tempatan, yang bakinya adalah kita import.

Kalau kita lihat statistik, Perak antara negeri yang menjalankan ikan terbesar, kedua negeri Sabah, ketiga negeri Pahang. Ini di mana Perak mengeluarkan 30 peratus, Sabah sebanyak 16 peratus dan

Pahang sebanyak 11 peratus. Saya kira pantai Sabah dan pantai Sarawak sepatutnya mendaratkan ikan secara banyak. Akan tetapi malangnya saya diberitahu tadi, sebanyak RM6 bilion daripada pengetahuan kita ialah daripada- telah di ceroboh oleh warga asing. Dulu dari Thailand, sekarang dari Vietnam. Itulah kita lihat serius supaya penguatkuasaan ini dibuat. Ini supaya hasil negara ini tidak dicuri oleh orang luar.

Soal peningkatan industri ini, saya rasa kita masih perlu *explore* lebih luas lagi sebab import kita ialah sebanyak RM6.7 bilion ikan, sedangkan kita dikelilingi dan yang menariknya, kita mengimport yang paling tinggi dari Thailand iaitu sebanyak RM2.7 bilion, 74 peratus ikan kita diimport dari Thailand. Saya tidak faham sama ada nelayan tempatan mendarat di Thailand ataupun nelayan Thailand- kalau kita lihat daripada sudut peta dunia, Thailand hanya- kecil sahaja kawasan lautannya berbanding kita tetapi kita import paling tinggi dari Thailand.

■1230

Jadi, adakah nelayan Malaysia dan Thailand masuk balik atau nelayan Thailand yang *explore* keluar. Kalau kita lihat Thailand lebih ke hadapan, keduanya daripada China dan Vietnam. Baharu Indonesia dan India. Paling jauh kita import ikan daripada Pakistan dan Myanmar.

Ini menunjukkan bahawa keperluan ikan untuk protein dalam negara masih kritikal setelah usaha-usaha kena dibuat untuk meningkatkan tangkapan ikan di dalam negara ini. Satu, kita menggalakkan korporat-korporat besar untuk meneroka industri tangkapan ikan secara besar-besaran. Saya lihat secara pengalaman Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas saya ke Afrika Selatan jumpa pekerja daripada Indonesia yang bekerja dengan syarikat Jepun, menangkap ikan di Lautan Atlantik. Jepun yang berada di Timur menghantar kapal nelayannya sampai Atlantik bukan sahaja Pasifik.

Dia beritahu saya berapa besar ikan paling besar pernah tangkap. Dia kata pernah naik tuna seberat 120 kilo. Maknanya besar daripada kita lagi. Itulah saya melihatkan bahawa industri *high seas* ini perlu di-*explore* iaitu dengan adanya akta ini membolehkan Kementerian Pertanian untuk mengeluarkan lesen, untuk menggalakkan syarikat-syarikat besar untuk *explore* nelayan di laut terbuka di *high seas*. Sekarang ini di *deep-sea* sahaja. Kalau kita lihat di C3.

Jadi kalau boleh kita galakkan lagi bukan hanya di *high seas* bahkan *deep-sea* juga digalakkan supaya nelayan-nelayan ini akan mengembalikan pendaratannya ke pangkalan tempatan. Saya risau nanti bila kita punya *deep-sea* dan *high seas* ini tidak balik ke pangkalan tempatan. Bahkan dia mendaratkan di luar ini akan merumitkan kita dan kita kena import lagi ikan daripada negara-negara luar.

Memang pun permintaan ikan ini tinggi sebab sumber protein yang utama. Pertama ialah ayam yang ini agak terkawal tetapi sumber protein yang sihat *white meat* ialah daripada ikan tetapi ini kita bergantung kepada luar. Itulah yang saya cadangkan supaya kementerian menggalakkan lagi usaha-usaha ini seperti memberi latihan tadi sebut soal latihan dan juga memberi insentif kepada syarikat-syarikat tempatan yang hendak *explore* industri ini.

Selain daripada ini saya rasa untuk akuakultur juga ditingkatkan sebab sering kali bila musim-musim tengkujuh harga ikan melambung tinggi. Pada hari ini, ikan kembung bukan lagi makanan orang

miskin harganya jadi mahal lebih RM12, RM16 sampai RM20 ikan dan ikan menjadi sumber protein yang kedua mahal daripada ayam. Oleh sebab itu kita kena usahakan supaya macam mana ikan ini harganya lebih rendah berbanding ayam supaya protein ini mudah didapati oleh rakyat di negara ini.

Satu lagi ialah kalau boleh sasaran kita hanya 30,000 tan hanya RM300 juta berbanding import kita RM6 bilion. Maksudnya untuk industri tuna ini patut dibesarkan lagi sasarannya dan banyak lagi lesen-lesen yang perlu dikeluarkan. Itulah saya menyokong usul ini supaya industri perikanan ini terus dikembangkan bukan hanya untuk yang *high seas* juga di *deep-sea* supaya sumber protein ini terus ditingkatkan. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Terima kasih.

Saya jemput pula pembahas kelima. Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Silakan.

12.34 tghari.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Izinkan saya untuk mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri kerana memberi saya peluang untuk turut sama terlibat dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Perikanan yang dikenali sebagai Akta 317.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri atas usaha membentangkan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 untuk memastikan atau sektor industri perikanan terus membawa kemajuan kepada negara serta kebajikan nelayan tempatan terus dibela. Saya yakin pindaan ini adalah usaha baik kerajaan untuk menunjukkan kepentingan sektor perikanan harus dipandang serius di mana sektor ini juga antara salah satu penyumbang besar kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua sedia maklum, pindaan akta ini adalah untuk memasukkan laut lepas bagi memperluaskan kawasan tangkapan yang sebelum ini dihadkan kepada perairan Malaysia. Saya percaya pindaan ini akan memberi peluang kepada para nelayan untuk menceburi perairan baharu yang luas untuk mengambil hasil laut secara produktif dan lumayan berbanding yang sedia ada pada masa ini. Walaupun kita tahu secara amnya para nelayan ini juga akan menghadapi cabaran-cabaran baharu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dan kementerian sentiasa komited untuk membantu perkembangan sektor perikanan ini dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan pada hari ini juga melibatkan denda maksimum yang dinaikkan terhadap individu-individu atau *vessel* penangkapan ikan asing yang mencerobohi perairan ikan Malaysia. Saya percaya tindakan atau *approach*, dengan izin, yang diambil oleh pihak kementerian ini adalah untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia akan mengambil langkah yang tegas dan memandang serius terhadap isu pencerobohan penangkapan ikan di perairan negara.

Oleh itu, saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri memperjelaskan beberapa isu yang berbangkit seperti yang disebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator sebelum saya tadi khususnya Yang Berhormat Senator Kesavadas untuk memastikan kesejahteraan serta proses pelaksanaan pindaan ini akan mencapai objektif pindaannya.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, merujuk kes pada 21 Jun yang lalu seperti mana yang dilaporkan yang sempat saya baca di Berita Harian. Di mana sebuah kapal pengawas perikanan Indonesia merempuh dan menahan bot nelayan tempatan di kawasan Tenggara Pulau Jarak di negeri Perak dan menarik bot berkenaan hingga ke sempadan. Perkara ini dilaporkan oleh Pengarah Maritim Negeri Perak tentang insiden yang berkenaan di mana pihak Maritim juga turut kesal atas kejadian badan penguat kuasa negara jiran ini yang melampaui undang-undang negara kita dan negara ini dan juga antarabangsa serta membahayakan keselamatan dan nyawa para nelayan.

Sebagai wakil yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Perak, saya membawa isu ini ke Dewan yang mulia ini kerana ia berkaitan dengan soal dan isu kebajikan serta keselamatan para nelayan khususnya di perairan negeri Perak. Malah, isu ini Tuan Yang di-Pertua bukanlah kali yang pertama termasuklah isu pencerobohan di kawasan yang sama.

Oleh itu, soalan saya apakah jaminan dengan pindaan ini isu-isu seperti ini tidak akan berulang lagi memandangkan pendekatan yang diambil oleh kerajaan sama dengan negara-negara jiran dengan meletakkan hukuman yang berat terhadap pesalah. Akan tetapi, apakah usaha kerajaan untuk memastikan kebajikan dan keselamatan para nelayan tempatan kita terus diawasi dan terbela. Hal ini kerana saya melihat seolah-olah khususnya para nelayan tempatan kita menjadi mangsa terhadap kesan dengan pendekatan yang diambil.

■1240

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, apakah jaminan dari pihak kementerian pindaan ini akan terus membela nasib para nelayan kecil agar dapat terus bersaing tanpa rasa di pinggir? Apakah usaha-usaha dari pihak kerajaan untuk membantu ekonomi sara hidup para nelayan memandangkan bantuan sara hidup yang telah dikurangkan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikuti perbahasan yang telah berlaku di Dewan Rakyat isu dalam menggalakkan golongan muda di dalam sektor perikanan juga menjadi agenda perbahasan. Saya bersetuju dengan lebih banyak golongan muda di sektor perikanan dengan penglibatan generasi muda di sektor perikanan akan membantu perkembangan sektor ini terutamanya dalam menerapkan teknologi yang dapat memberikan penangkapan sumber makanan laut yang lebih produktif dan banyak.

Oleh itu, saya juga ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri dan pihak kementerian apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam membuka ruang dan menggalakkan lebih banyak golongan muda dalam sektor perikanan.

Sebagai rumusannya Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri dan pasukan dapat memperjelaskan isu-isu yang berbangkit di penggulungan nanti sebagai jaminan bahawa kerajaan

sentiasa komited untuk terus membantu dan memberikan keadilan kepada rakyat khususnya para nelayan tempatan di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong pindaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Silakan.

12.42 tgh.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.*

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Tuan Yang di-Pertua, isu pencerobohan bot-bot nelayan asing ke perairan maritim Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia amat membimbangkan kita semua.

Mengikut laporan dari Jabatan Perikanan Malaysia, stok ikan dalam perairan maritim Semenanjung Malaysia berada pada tahap kritikal kerana *biomass* sumber perikanan ini direkodkan berbaki sebanyak 4.4 peratus sahaja. Jika kes-kes pencerobohan nelayan asing berterusan, stok ikan perairan Semenanjung Malaysia hanya akan bertahan tidak sampai 30 tahun.

Melalui pindaan, dengan meningkatkan denda daripada RM1 juta kepada RM6 juta kepada pemilik bot nelayan asing dan denda RM100,000 kepada RM600,000 kepada tekong, jadi saya mengharapkan penguatkuasaan bagi membendung pencerobohan ikan ini dipertingkatkan lagi. Untuk itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang beberapa perkara berikut;

Pertama, sejauh manakah kerjasama serantau yang dilaksanakan untuk membanteras aktiviti penangkapan ikan secara haram dan pengukuhan koordinasi bilateral dengan negara Vietnam dan Thailand agar pencerobohan bot-bot dari negara Vietnam dan Thailand dapat dibendung sepenuhnya.

Kedua, bagaimanakah status terkini kecekapan sistem pemantauan *vessel* yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan Malaysia untuk memantau pergerakan-pergerakan bot-bot nelayan tempatan agar penangkapan bot-bot nelayan asing dapat dilakukan dengan segera.

Ketiga, sejauh manakah aset-aset maritim Jabatan Perikanan dan kerjasama bersepadu di antara Polis Marin, APMM dan TLDM agar pemantauan dan penangkapan bot nelayan asing menceroboh perairan Malaysia ditangani dengan sempurna dan sangat cekap.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini rakyat sering kali kecewa dengan kerajaan kerana harga-harga ikan yang melambung tinggi di pasaran. Kalau dahulu harga ikan kembung dalam RM11 ataupun RM10 tetapi sekarang sudah naik sampai RM16, RM18 hingga ke RM20. Jadi, harga yang tinggi ini adalah penyumbang utama kepada kenaikan kos sara hidup rakyat. Justeru, saya ingin mendapat penjelasan dari

Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah pindaan Akta Perikanan ini akan dapat memastikan harga-harga ikan di seluruh pasar awam dan *outlet* jualan lebih murah dan kerajaan mempunyai satu pendekatan komprehensif bagi mengawal kenaikan harga-harga ikan.

Sejauh manakah sistem pas keluar masuk *vesse/ laut* dalam di tempat pangkalan utama di seluruh negara ini dapat memastikan *vesse/ laut* dalam milik syarikat-syarikat tempatan mendaratkan ikan mereka di negara ini dan jumlah pendaratan ikan ini mencukupi bagi menampung permintaan pasaran tempatan. Bagaimanakah kerjasama serantau dengan negara-negara Asian agar kartel dagangan ikan serantau tidak memanipulasikan bekalan ikan dan eksploitasi orang tengah dalam menentukan harga ikan di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat maklumat bahawa sektor perikanan ini juga sering kali dikaitkan dengan sindiket pengedaran dadah dan barangan larangan yang boleh menjejaskan ekonomi dan masyarakat tempatan. Justeru, melalui pindaan Akta Perikanan 2019 ini kerajaan perlu turut meminda Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) agar penguatkuasaan Jabatan Perikanan ke atas penjenayah terancang yang secara berterusan melakukan pencerobohan ke atas sumber laut Malaysia ditangani dengan berkesan.

Ini menjamin rangka perundangan Malaysia bukan sahaja menumpukan kepada hal ehwal perikanan tetapi akta AMLA ataupun pengubahan wang haram diganding sepadukan dalam kerangka penguatkuasaan agensi keselamatan dan penguatkuasaan maritim Malaysia. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Terima kasih banyak.

Yang Berhormat Senator yang seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Terima kasih. Silakan.

12.47 tgh.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.*

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh soal- banyak sudah disentuh oleh rakan-rakan soal pencerobohan nelayan asing. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya agak dekat dengan nelayan. Perkampungan saya di Tok Bali, perkampungan nelayan dan juga Kuala Besut. Keluarga saya juga keluarga nelayan. Saya juga seorang nelayan, dulu. Sekarang saya seorang peniaga ikan di pasar borong, *fishmonger*. Bermaknanya, saya sangat dekat dengan apa yang hendak kita bincangkan pada hari ini.

Rata-rata kawan-kawan menyebut terutamanya harga di pasaran ikan terlampau mahal. Kedua, tangkapannya agak berkurangan.

Ya, saya tidak nafikan Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bandingkan dengan yang dahulu zaman-zaman kita kecil dahulu terutamanya di sekitar pantai timur, tangkapan ikannya agak lumayan. Sekarang, saya sendiri- saya hendak beritahu Ahli Dewan dan Tuan Yang di-Pertua. Sebagai seorang pengusaha ikan, pemborong ikan dan mempunyai *vesse/ C2* laut dalam- bukan tauke ikanlah, sikit-sikit kan. Ikan yang kita peroleh di laut kita dan di persekitaran laut kita ini agak berkurangan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu.

■1250

Saya terpaksa mengimport ikan daripada Songkhla. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, setiap pagi di Bukit Kayu Hitam daripada Songkhla masuk ke Malaysia turun ikan di pasar borong lebih kurang 300 hingga ke 400 treler satu hari. Bayangkan berapa matriks tan satu hari yang terpaksa kita import. Kita hendak mengharapkan ikan dalam negara kita tidak mencukupi. Ikan di Tok Bali, Ikan di Kuala Besut hanya mampu untuk kegunaan domestik sahaja, tidak sampai pun ke pasar borong.

Ikan yang kita tangkap di laut sana, kita keluar tiga hingga ke empat hari dengan belanja RM30,000 hingga RM40,000 satu kali keluar yang kita daratkan hanya ikan sardin, yang kita bawa masuk hanya ikan baja. Ikan baik dan ikan elok seperti tenggiri dan bawal sudah tidak ada. Ikan kembung juga sudah berkurangan Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita lihat negara jiran yang kita import, ikan kembung, ikan tenggiri batang, ikan tenggiri bunga, ikan bawal dan sebagainya, ikan baik-baik, ikan merah, ikan jenahak, semua daripada sana. Negara kita tidak ada. Kalau adapun sedikit-sedikit, pengusaha kita di pangkalan pendaratan ikan dia tidak hantar kepada kita. Dia hantar, dia cari market yang lebih besar, yang lebih mahal macam *Singapore* dan sebagainya.

Oleh sebab itu, kalau kita tengok rakyat kita sendiri dalam negara kita hendak mendapat ikan yang lebih baik amat sukar sebab tidak ada, yang ada ikan import. Itu pun hati-hati, ikan import ini Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang ia bubuh debu mayat pun ada, hendak tahan ikan itu. Daripada Songkhla ambil masa satu hari, 24 jam. Kalau tidak diawetkan ikan itu, sudah tentulah ia cepat rosak, cepat rosak. Jadi, apa yang saya hendak gambarkan di sini adalah Tuan Yang di-Pertua bahawa pencerobohan nelayan asing amat-amat berleluasa.

Pada raya yang lepas Tuan Yang di-Pertua, raya puasa yang lepas, saya balik kampung. Saya dengan rakan-rakan, empat hingga lima orang naik *speed boat* pergi memancing. Selama lima jam daripada Pantai Kuala Besut ke tengah laut. Pulau Perhentian sudah tidak nampak, atas lagi. Akan tetapi masih saya yakin dan percaya masih dalam perairan negara kita. Apabila waktu malam Tuan Yang di-Pertua, *speed boat* saya tidak ada lampu. Saya bergantung di unjang- unjang yang dibuat oleh nelayan kita. Apa yang memeranjatkan saya, di unjang itu juga tempat berlabuhnya vesel ataupun bot daripada

Thailand. Saya menumpang bot mereka untuk mendapat cahaya lampu. Bermaknanya Tuan Yang di-Pertua, mereka berleluasa masuk tanpa ada tangkapan dan sebagainya.

Saya yakin dan percaya Maritim kita, penguat kuasa kita memang menjalankan tugas. Akan tetapi kenapa mereka boleh masuk? Cakap Melayu langsung tidak tahu. Tumpang, saya tumpang untuk pergi memancing, tumpang bot dia, lampu dia. Saya pergi dua malam. Memancing dapatlah ikan baik-baik, ikan tenggiri, ikan merah, jenahak dan sebagainya tetapi itu bot Thailand. Kalau kita lihat seperti mana yang dikatakan oleh rakan-rakan tadi, Thailand besar mana sangat laut Tuan Yang di-Pertua, tidak ada laut pun. Apa yang ada Teluk Thailand sahaja dan sedikit di pantai barat. Akan tetapi mereka punya industri perikanan jauh lebih hebat daripada kita. Ke mana mereka pergi? Mereka hanya meneroka laut kita, kita dikelilingi oleh laut.

Dari segi teknologi perikanan juga mereka lebih hebat daripada kita. Kita paling besar pun 100 kaki bot sahaja, C2, tidak besar pun. Mereka guna kapal. Akan tetapi saya ingin menyarankan kepada kementerian agar penguatkuasaan ini harus diberi perhatian. Bukan sahaja daripada nelayan Thailand Tuan Yang di-Pertua, malah di perairan kita juga dicerobohi oleh nelayan Vietnam. Vietnam ini lagi dahsyat Tuan Yang di-Pertua, lagi dahsyat. Mereka pakai pukut tunda, mereka pakai pukut tunda. Pukat yang dia tunda itu, dua buah bot sekali tunda, habis dengan ekosistem kita, dengan batu karang, dengan anak ikan, dengan segala macam habis dia kaut Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itulah, perairan kita sudah berkurangan ikan yang sebenarnya. Oleh sebab itu di pasar borong sekarang, ikan kembung pun RM18, dijual di luar RM22. Tidak ada barang, tidak ada barang. Pasar tani tempat sayur. Semalam Yang Berhormat Menteri cakap pasar tani harga murah. Tidak murah Tuan Yang di-Pertua. Pasar tani ikan kembung RM28 di Kampung Batu Muda, mana ada murah. Murah sayur kampung murahlah. Akan tetapi ikan dan udang tidak murah sebenarnya. Makin naik Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya mohon kepada kementerian supaya tindakan tegas dan saya sangat bersetuju di atas kenaikan denda yang telah diputuskan di dalam rang undang-undang ini, daripada RM1 juta kepada RM6 juta. Jadi, kena buat perhatian, kena ambil perhatian supaya perairan kita tidak sewenang-wenangnya dicerobohi oleh nelayan-nelayan asing.

Satu perkara lagi saya hendak sentuh, Yang Berhormat Menteri ada di sini, Yang Berhormat Menteri pun bantu saya, terima kasih banyak-banyak. Masa Kerajaan Barisan Nasional dahulu bertali arus saya minta, saya orang Barisan Nasional, saya orang UMNO, bertali arus saya minta, tidak dapat, sampai ke Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat, *alhamdulillah*. Mungkin rentetan daripada itu... [Tepuk] Terima kasih banyak-banyak. Dari segi lesen untuk C2 Yang Berhormat Menteri, untuk memberi peluang kepada rakyat kita menceburi industri perikanan, saya mohon daripada kementerian supaya jangan terlalu ketat lesen yang hendak diberi.

Syarat-syaratnya, antaranya sebagai mana yang diutarakan oleh sahabat kita tadi, hendak bina sebuah vesel yang baharu, bot yang baharu menelan belanja RM2 juta. Hendak beli bot *secondhand*, bot yang telah terpakai daripada Thailand, syaratnya mesti 20 tahun ke bawah. Perkara yang ini kena agak

bagi sedikit kelonggaran. Kalau 20 tahun ke bawah pun masih RM1 juta Yang Berhormat Menteri harganya, masih RM1 juta. kalau boleh bagilah kelonggaran 25 tahun ke atas.

Bot nelayan ini, bot C2 ini ia boleh guna sampai 50 tahun, tidak ada masalah, boleh guna. Maknanya kalau bot itu 20 tahun ke atas untuk kita beli yang sudah diguna pakai, mengikut syarat-syarat yang ditetapkan harganya mungkin dalam RM500,000 ataupun RM600,000. Kalau 20 tahun ke bawah harganya RM1 juta, hendak bina baharu harganya RM2 juta lebih. Itu tidak termasuk pukut, tidak termasuk awak-awak dan segala macam. Jadi, saya mohon pada pihak kementerian.

Saya pada yang lepas, saya dapat lima- saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, saya dapat lima lesen C2. Kementerian bagi saya lima permit lesen C2 tetapi saya tidak boleh hendak mengadakan, saya tidak boleh hendak buat, sampai tempoh syarat setahun pun sudah luput. Saya tidak boleh, tidak mampu hendak beli. Hendak buat bina baharu satu lesen, satu bot RM2 juta, hendak beli *secondhand* satu lesen satu bot RM1 juta, mana hendak ada duit. Tidak ada duit, lupus macam itu Yang Berhormat Menteri. Tidak ambil pun, tidak boleh buat, kita tidak boleh buat. Kita tidak boleh buat, kita tidak mampu.

Jadi, saya harap di samping itu Yang Berhormat Menteri, sebagai mana yang saya sarankan, lihatlah syarat harus kita longgarkan untuk kita beri kemudahan ataupun peluang kepada rakyat kita. Lesen yang dikeluarkan oleh pihak kementerian, dia kira empat lesen saya kira, 'A', 'B', 'C' dan C2- C2 laut lepas, 'A' hanya di perairan kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, panjang lagi?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Banyak lagi. Ini kali terakhir, ini *last* saya berucap Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah habis sudah Dewan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau begitu kita sambung karang pukul...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Akhir nanti, saya hendak ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang banyak mengajar saya, saya hendak ucap terima kasih kepada bentara, mahu lagi 20 minit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita sambung lah.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Jadi, kita sambunglah lepas makan. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *In syaa Allah* saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, pagi ini kita dapat banyak ilmu, ilmu tentang kawasan dalam ini. Ada tokoh-tokoh yang memperjuangkan itu. Inilah kita dengar ilmunya itu kita betulkan, bagaimana hendak memperkasakan rakyat ini.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya, Yang Berhormat kita ya.

Jam pukul 1 petang, dan saya tangguhkan mesyuarat ini ke pukul 2.30 petang. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Budaya kita orang Ahli Parlimen kita, janji ditepati.

Minta sambung semula kepada Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani. Dipersilakan.

2.32 ptg.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung sedikit saja lagi dalam ucapan saya. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, dapat bersama-sama kita pada petang ini. Pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi Yang Berhormat Menteri juga masih ada. Hari ini, petang ini Yang Berhormat Menteri ada dan terus akan menggulung sebentar nanti.

Cuma saya hendak beritahu satu perkara lagi. Pencerobohan nelayan Vietnam ke perairan negara kita yang sangat, yang paling berbahaya rata-ratanya adalah mereka menggunakan pukot tangsi. Kalau kita lihat, penggunaan pukot ini sangat berbahaya. Dia boleh sangkut semua, penyu itu pun dia boleh sangkut, segala macam dia boleh sangkut. Jadi, saya harap pihak kementerian kena ambil perhatian.

Satu perkara lagi saya hendak sebut, pelabuhan perikanan di Tok Bali. Yang Berhormat walaupun orang Johor, tetapi biasa di Kelantan. Saya tahu. Tok Bali kampung saya Yang Berhormat. Kalau kita lihat, pelabuhannya sangat strategik untuk industri perikanan. Tanahnya masih luas, persekitaran dan seharusnya kementerian memikirkan untuk menambah baik dari segi prasarana untuk kelengkapan industri ini. Sebagai contoh saya hendak bagi tahu, nelayan kita yang berada di Tok Bali, kalau hendak turun ke laut, mereka terpaksa mengambil ais dan sebagainya di lain tempat. Tok Bali tidak ada kilang ais. Kalau kita hendak memajukan industri perikanan kita, keperluan asas sebegini wajib kita sediakan.

Tambahan lagi, esok siap ECRL, Tok Bali dijadikan pusat stesen utama untuk pemunggahan kargo dan sebagainya. Kalau kita hendak import, kalau kita hendak hantar ikan ke Kuala Lumpur melalui kargo, aisnya pun tidak ada, masalah kita. Saya pernah lihat satu pendaratan ikan di Tok Bali, ikan tongkol, ikan aya minyak, aya putih. Ais tidak cukup, dalam bot berkenaan ais tidak cukup. Pendaratan ikannya, ikan sudah mata sudah kelabu dan sebagainya, sudah tidak segar lagi sebab ais tidak ada.

Maknanya nelayan hendak keluar, hendak pergi ke laut dalam, dari segi kelengkapan ais dan sebagainya tidak mencukupi. Kalau ikan tongkol, ikan aya itu harga pasarannya boleh mencecah RM8 ke RM10, tetapi apabila pendaratan dibuat, ikan banyak dapat tetapi kualitinya tidak ada. Boleh jual dengan harga RM3 dan RM4. Ini merugikan kita sebenarnya. Jadi saya harap pihak kementerian, Yang Berhormat Menteri ada di sini, Yang Berhormat Menteri pun sudah cakap dulu, masa di Dewan Rakyat pun dia sudah cakap, bagi masa dia dua tahun untuk menguruskan. *In syaa Allah* saya yakin dan percaya...

Tuan Khairul Azwan bin Harun: [*Bangun*]

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Silakan.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mendapatkan penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Senator Datuk Abbas. Saya amat teruja Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak sangka kita di Dewan Negara ini sebenarnya kita, *we are*, dengan izin, *we are listening from the horse's mouth*. Seorang pemimpin yang bukan sahaja hebat dalam Dewan yang mulia ini, tetapi yang melalui kehidupan sebagai seorang nelayan, datang daripada keluarga nelayan dan juga berasal daripada kampung nelayan. Bertuahlah kita ada Datuk Abbas dan kebetulan Yang Berhormat Menteri pun masih lagi setia duduk dalam Dewan ini. Kita ingat boleh beri tepukanlah kepada Yang Berhormat Menteri ini... [*Tepuk*]

Cuma saya hendak bangkitkan, hendak tanya pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Abbas. Kita sudah dengar macam-macam cerita, tadi Datuk Abbas sebut ikan jenis itu, nama ikan tongkol, ikan tenggiri batang, tidak pernah. Saya ingat tenggiri ini jenis satu tenggiri saja.

Jadi dalam soal pencegahan dan juga pengawalan serta pengawasan dan pemantauan, ini memang disebut dengan jelas dalam pindaan yang akan dibuat ini. Jadi saya hendak tanya ini daripada pengalaman Yang Berhormat Senator Datuk Abbas ini, keberkesanan pihak agensi kawalan dan pengawasan yang ada antaranya Jabatan Perikanan sendiri, lepas itu APMM, termasuk juga Tentera Laut Diraja Malaysia. Kita mungkin boleh dengar pandangan daripada mantan Laksamana kita. Kita ada macam-macam agensi ini. Kerajaan pun punyai aset yang hebat di laut kita. Tidak kiralah apa pengakuan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan sebelum ini pun.

Akan tetapi saya yakin, soal pengawalan, pengawasan itu kita berada pada keadaan yang kalau tidak pun hebat daripada kuasa-kuasa besar, tetapi adalah kemampuan yang boleh menjamin keselamatan dan juga pengawalan terhadap nelayan-nelayan dalam laut-laut kita. Jadi saya hendak tanya, sejauh mana pengalaman Datuk Abbas terhadap keberkesanan pihak agensi penguatkuasaan?

Ini saya hendak tanya juga, kita pun, saya pun tidak berapa pasti. Bila sebut laut lepas ini, bermakna apa? *Is it open seas* sampai merangkumi zon antarabangsa ataupun apa? Jadi kalau soal penindihan antara laut kita dan juga laut antarabangsa, nelayan-nelayan kita ini macam mana pula dia punya keadaan? Saya tahu di peringkat antarabangsa ini mungkin tiada kuasa daripada pihak agensi kita, maka mungkin Yang Berhormat boleh perjelaskan kepada Dewan yang mulia ini macam mana keberkesanan yang telah wujud selama ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

■1440

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun. Ada dua soalan yang diajukan. Pertamanya soal keberkesanan penguatkuasaan kita.

Keduanya, soal laut lepas. Apa istilah? Macam mana laut lepas ini? Saya rasa soalan yang kedua itu Yang Berhormat Menteri boleh jawablah *kot*. Kita bagi Yang Berhormat Menteri jawab.

Soal penguatkuasaan ini saya kira, kita tidak kurang aset untuk mengawal sempadan kita. Laut Cina Selatan di Pantai Timur ini luas, memang luas. Aset-aset yang ada walaupun ia melibatkan tentera, APMM, macam-macam, polis. Kadang-kadang ia terlepas pandang. Ya lah laut sudah luas, takkanlah setiap masa aset-aset kita hendak meronda dan sebagainya. Sudah tentulah ada terlepas pandang dan sebagainya dalam keadaan itu.

Jadi, saya harap mungkin selepas ini Yang Berhormat Menteri boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dengan mengarahkan agensi-agensi yang berkaitan supaya penguatkuasaan itu diperkukuhkan. Ini supaya hasil negara kita tidak terlepas kepada negara jiran. Kita berada- laut sekeliling kita, sedangkan kita yang mengimport ikan masuk ke negara kita. Bayangkan orang yang tidak ada laut, hanya ada Teluk Siam sahaja mereka boleh eksport ikan mereka kepada kita.

Sebagaimana Yang Berhormat kita beritahu tadi, Datuk Abbas import ikan, LKIM telah menyatakan sekian banyak. Kita terpaksa menggunakan ikan daripada Thailand dan sebagainya. Daripada Bangladesh, daripada Myanmar. Ini Myanmar, Bangladesh ikan terubuk 'Tok Abah'. Ikan lain tidak ada sebab ikan terubuk popular di sebelah sana.

Jadi, inilah saya harap kementerian boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Soalan saya kepada pihak kementerian, adakah pihak penguasa mempunyai jumlah penguatkuasaan yang mencukupi untuk membanteras aktiviti pencerobohan oleh nelayan asing di perairan negara kita?

Keduanya, adakah pihak kerajaan mempunyai kerjasama dengan negara-negara jiran seperti Vietnam dan Indonesia dalam menguruskan masalah pencerobohan sempadan perairan oleh nelayan negara masing-masing? Adakah negara pada masa ini mempunyai tempat tahanan yang mencukupi untuk kapal-kapal yang telah ditangkap dan sebagainya untuk berlabuh untuk disimpan di pelabuhan-pelabuhan yang kita ada? Adakah kerajaan telah membuat keputusan sama ada untuk melaksanakan tindakan memusnahkan bot yang melakukan tangkapan hasil laut secara haram di perairan negara seperti yang dilakukan oleh negara Indonesia?

Negara Indonesia dia tangkap bot kita yang tersalah masuk di perairan dia, dia tenggelamkan, dia musnahkan. Kita tidak. Kita ada buat sistem lelong, mungkin. Saya pun tidak pastilah sebab saya tidak terlibat dengan bot-bot asing ini. Jadi, itulah saya harap.

Isu yang keduanya isu yang sangat menyedihkan dan menyayat hati. Nelayan ini rata-rata pendapatannya agak berkurangan. Musim tengkujuh bulan November, bulan Disember, bulan Januari nelayan kita tidak turun ke laut, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi apabila mereka tidak turun ke laut, kehidupan mereka terhimpit. Bulan Januari, anak hendak masuk sekolah dan sebagainya. Berbeza dengan nelayan asing. Orang Siam dia pakai bot besar, kapal besar. Bulan Januari kah, bulan Disember kah, angin kah atau apa kah dia redah sahaja. Kita tidak, terutamanya nelayan-nelayan di persisiran pantai. Jadi, saya berharap pihak kementerian kaji balik tentang bantuan kepada nelayan-nelayan yang miskin. Kalau dahulu kerajaan di bawah Barisan Nasional bagi

RM300 sebulan untuk tiga bulan. Bulan November, bulan Disember dan bulan Januari, tetapi sekarang dapat juga tetapi sudah dikurangkan.

Jadi saya harap pihak kementerian melihat kembali isu ini. Kita hidup dalam perkampungan nelayan. Kita boleh merasa kesusahan, kepayahan dan keperitan kehidupan mereka. Jadi, saya harap pihak kementerian...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ini pun orang nelayan juga, orang Marang. Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Boleh?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Boleh, boleh.

Datuk Razali bin Idris: Sebelum makan tengah hari Yang Berhormat ada menyuarakan satu perkara yang saya rasa saya hendak kongsi bersama. Tadi tidak sempat Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat ada mengatakan lesen bot laut dalam dikeluarkan dan Yang Berhormat pernah dapat lesen bot sebanyak lima...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Bukan dapat, ditawarkan...

Datuk Razali bin Idris: Ditawarkan lima lesen bot. Oleh kerana ketidakmampuan untuk memenuhi syarat-syarat. Satu bot berharga RM1 juta, bawah daripada 20 tahun bot *recon* daripada Thailand. Kalau bot baharu berharga RM2 juta dan juga jangka masa sebulan untuk memenuhi setiap permit yang diberikan. Jadi, setahun 12 bulan. Jadi persoalan saya sekarang ini, apakah jangka masa setahun cukup untuk pihak yang memiliki dan yang ditawarkan lesen bot laut dalam? Maksud saya Yang Berhormat Senator, apakah Yang Berhormat Senator bersetuju dengan 12 bulan diberikan oleh pihak kerajaan untuk memenuhi tuntutan sehingga dapat mengadakan bot yang sedemikian? Soalan pertama.

Soalan kedua, apakah pihak kerajaan mengeluarkan lesen sebelum memastikan penerima lesen tersebut mampu menyediakan bot tersebut?

Ketiga, yang akhir sekali kerana sahabat kita sudah penghujung sebagai Yang Berhormat Senator. Apakah setuju kalau sekiranya Yang Berhormat Senator sekali lagi membuat permohonan yang lima lesen bot itu untuk diberi peluang sekali lagi, dianjakkan *time frame* daripada setahun kepada dua tahun? Terima kasih. Saya tidak terlibat sebab bukan orang...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasihlah. Macam ada syer. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Ya, memang benar saya ditawarkan. Saya juga terima kasih kepada pihak kementerian tetapi saya tidak mampu.

Sebagaimana yang saya katakan awal tadi bahawasanya untuk memiliki sebuah bot kita mesti ada sekurang-kurangnya RM2 juta. Mana ada pengusaha Melayu hendak melaburkan RM2 juta, RM3 juta untuk buat bot dan pergi tangkap ikan yang kita belum tahu. Ya lah, kita pergi ke laut kita belum tahu dapat atau tidak dapat. Kita dalam bot memang ada sonar tetapi kadang-kadang sonar ini pun tidak boleh pakai, tidak tentu arah juga jadinya.

Jadi, terpaksa saya tolak. Saya tidak mampu, untuk beli bot yang *recon*, di Malaysia tidak ada dan hanya di Thailand. Itu pun kena pelbagai syarat. Bukan itu sahaja, bukan syarat setahun sahaja, banyak lagi syarat yang dikenakan yang amat sukar untuk kita laksanakan. Jadi saya tolak, saya tidak mahu. Kita tidak boleh. Kita untuk 20 tahun ke bawah pun kita kena ada sekurang-kurangnya RM1 juta. Mana hendak ada RM1 juta. Kalau ada RM1 juta baik simpan ASB lagi baik sebelum kita itu.

Jadi itulah keadaannya dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Kalau buat permohonan balik, bagi saya balik tidak payahlah. Saya pun tidak cukup duit. Saya pun tidak ada duit tidak payahlah. Bagi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris lagi baik. Mungkin dia lebih berkemampuan daripada saya. Dia pun Yang Berhormat Senator lama lagi, kerajaan Perdana Menteri pun parti BERSATU yang diwakili oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris sebagai Pengerusi Negeri Terengganu. Jadi orangnya hebat.

■1450

Saya harap Yang Berhormat Menteri bagi. Yang hendak bagi dekat saya itu, bagi kepada Yang Berhormat Datuk Razali [*Ketawa*] Tidak payahlah.

Datuk Razali bin Idris: Soalan saya, maksud saya tadi, jangka masa. Satu lesen itu, 12 bulan itu mencukupi ataupun tidak?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ya, ya.

Datuk Razali bin Idris: Itu maksud saya sebenarnya.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Saya setuju. Saya setuju dengan setahun yang diberi oleh syarat kementerian, oleh Jabatan Perikanan kepada kita untuk *proper realization*. Kita hendak buat bot dalam masa setahun atau kita hendak cari bot baharu dalam masa setahun. Saya amat setuju.

Akan tetapi seingat saya, kementerian memberi kelonggaran kepada kita bukan sahaja ia *fixed* setahun. Selepas setahun tamat tempoh, dibolehkan membuat rayuan untuk tambah lagi setahun mungkin. Jadi, mungkin kita boleh ada masa dua tahun. Akan tetapi dua tahun pun kalau sudah tidak ada duit hendak buat, tidak jadi juga Yang Berhormat Datuk Razali. Jadi, itulah keadaannya.

Berbalik kepada soalan saya tadi, perkara saya tadi soal bantuan kepada nelayan. Tolong perhatikan dan tolong tengok-tengoklah. Jadi, soalan saya, apakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk mengembalikan Elaun Sara Hidup Nelayan yang bernilai RM300 yang telah mereka nikmati selama ini? Apakah perancangan kerajaan untuk membantu meringankan beban bekas nelayan yang telah berumur 75 tahun dan tidak mampu lagi untuk turun ke laut?

Jadi, saya rasa itu sahaja perbincangan saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: ...Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya, memandangkan hari ini adalah hari terakhir saya berbahas...

Seorang Ahli: Rabu tidak ada?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ya?

Seorang Ahli: Rabu. Rabu, tidak ada?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Rabu ada, saya tidak bahas dah [*Ketawa*] Hari Rabu ini rang undang-undang yang cukup teknikal, tidak sesuai dengan saya. Peguam macam Yang Berhormat Tuan Nga, macam sahabat kita ini mungkin bolehlah. Jadi, inilah peluang yang terakhir kepada saya berbahas.

Saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua dan ayahanda Dato' Seri Yang di-Pertua kerana telah banyak mengajar saya. Enam tahun saya berada di dalam Dewan Negara. Daripada- orang tahu saya daripada pasar borong, yang tidak ada apa-apa, yang naif segalanya. Datang ke Dewan Negara, mula-mulanya takut dan malu-malu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua jugalah yang telah memberi semangat kepada saya untuk terus berjuang.

Saya juga tidak lupa kepada seluruh kakitangan Dewan Negara yang telah memberi sokongan dan telah memberikan kerjasama yang padu kepada saya. Juga, bentara-bentara yang berada di sini, saya mohon maaf seandainya selama saya berada di Dewan Negara ini saya mungkin ada terkasar bahasa, terlajak kata dan sebagainya. Jadi, saya mohon maaf. *In syaa Allah*, kalau dipanjangkan usia, kita akan berjumpa dari semasa ke semasa. Kita akan berjumpa dari semasa ke semasa.

Saya doakan semoga Dewan Negara ini terus dimartabatkan dari semasa ke semasa. Tahniah kepada Ahli-ahli Dewan yang ada hari ini. Kita daripada Barisan Nasional, kita sudah kalah- kita akui kita sudah kalah dan ia semakin hari semakin berkurangan. Akhir sekali esok, kita tinggal lapan orang saja. Macam kita Kerajaan Barisan Nasional dululah, Tok Abah, pembangkang hanya ada enam orang saja. Enam orang itu pun macam-macam hal.

Akan tetapi, tidak apalah, segalanya telah berlalu dan ini merupakan satu sejarah kepada saya. Sejarah pada penglibatan politik saya. Saya pun tidak pernah termimpi dalam hidup saya. Saya tidak pernah berkhayal dan berangan dalam kehidupan saya bahawa suatu hari saya berada di Dewan Negara. *Alhamdulillah*, Allah telah menyempurnakan kehendak dan hasrat impian saya.

Jadi, itu sajalah ucapan ringkas saya. Terima kasih banyak-banyak. Saya habis ini, saya bersama Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin. Dia pun sudah jadi macam orang sasau sekarang ini. Ke hulu hilir, hulu hilir, hulu hilir tidak tahu apa hendak buat...

Seorang Ahli: Dahsyat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sudah hendak habis juga ini, macam orang hendak matilah, Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Macam orang hendak mati esok lusa sudah.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Eh, jangan cakap macam itu.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Dak, dak*. Umpamanya. Ha, Yang Berhormat Datuk Megat. Macam orang hendak mati sudah...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sudah hilang segala-galanya. Dia punya sasau duduk fikir macam-macam sudah. Tengok langit tidak betul, tengok dinding tidak betul. Tengok Tuan Yang di-Pertua tidak betul. Jadi, itulah keadaannya.

Jadi, *in syaa Allah*, kita akan jumpa dari semasa ke semasa di lain kali atau di lain forum, mungkin. *In syaa Allah*. Saya harap Yang Berhormat Datuk Haji Megat pun sama-sama dengan kita...

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Ya.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: ...Kita masuk dulu sama-sama enam tahun yang lepas dan kita berundur daripada Dewan Negara pun 7 Oktober. Pada 7 Oktober masih ada lagilah dalam masa sebulan dua ini. Akan tetapi, untuk sesi akan datang, Bajet akan datang, kita sudah tidak sempat. Jadi, saya mohon maaf di atas segala-galanya.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada seluruh bentara yang ada kerana telah memberi kerjasama yang baik kepada saya. Itu sahaja ucapan saya dan saya mohon menyokong. Sekian, *wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Ucapan terakhir Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani. Tadi Yang Berhormat bercerita tentang nelayan. Oleh itu, saya hendak beritahu- Yang Berhormat cerita, Yang Berhormat terang kepada kita tadi. Ini bererti kita berguru dengan orang yang tahu. Bak kata orang tua-tua, "Jauhari jua yang mengenal manikam"... [*Tepuk*]

*Pergi ke laut selepas subuh;
Balik dari laut kulit hitam legam;
Lagi terang lagi bersuluh;
Jauhari jua yang mengenal manikam... [Tepuk]*

Jadi, terima kasih. Banyak ilmu yang Yang Berhormat beri kepada kami dan jasamu dikenang. Pengorbanan Yang Berhormat dikenang. Yang Berhormat ini anak buah saya juga. Dialah. Dia punya kesetiaan itu tidak dapat lawanlah. Dia hendak marah-marah kita, dia ingat kesan itu, dia ingat balik.

Jadi, kami iaitu Dewan mengucapkan dan merakamkan jutaan terima kasih kepada pengorbanan dan jasa baik Yang Berhormat semasa di dalam Dewan ini. Budi dan jasamu dikenang. Budi Yang Berhormat tetap dikenang. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya.

Sekarang dijemput pula Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat. Ya, sila.

2.58 ptg.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya ingin merakamkan terima kasih sekali lagi kerana telah diberi peluang untuk terlibat sama membahaskan rang undang-undang pindaan yang dinamakan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019.

Saya telah meneliti dengan mengamati ucapan-ucapan daripada rakan-rakan mengenai pindaan ini. Keseluruhan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak lupa menyebut tentang, pertama sekali, pencerobohan nelayan asing di dalam perairan kita dan juga kelemahan dari segi penguatkuasaan. Termasuk juga yang dijelaskan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya, orang yang seperti kata Yang Berhormat Khairul Azwan itu, kita mendengar daripada *the horse's mouth*, orang yang terlibat secara terus bermula sebagai seorang nelayan, menjadi penjual ikan di pasar borong, mempunyai bot kecil, mempunyai bot besar C2 dan sehinggalah menjadi seorang Senator selama enam tahun... [Tepuk] Satu pencapaian yang luar biasa bagi seorang nelayan sendiri.

■1500

Jadi saya amat bersetuju dengan semua rakan yang telah menyebut soal pencerobohan dan juga tentang penguatkuasaan. Hal pencerobohan ini telah diperkatakan bertahun-tahun, tidak kunjung padam. Tanpa henti, ada sahaja. Dulu pencerobohan bot Siam, reda sekejap. Dengar katanya sebab kita ada hubungan diplomatik yang baik, maka kerajaan membuat *engagement* dengan Kerajaan Siam, lalu kurang pencerobohan daripada nelayan dia. Sekarang, timbul satu lagi masalah yang kita hadapi ialah pencerobohan daripada nelayan Vietnam.

Jadi saya harap dengan pandangan dan juga isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan sekalian, dapat kerajaan ambil tindakan yang tegas, yang segera, yang drastik dan kita tidak boleh pandang ringan tentang masalah sekarang ini. Ini kerana kalau kita pandang ringan, ia tidak berhenti tetapi akan menimbulkan lebih besar masalah di masa akan datang.

Jadi pertamanya hendak tanya kementerian atau kerajaan, adakah kerajaan bersetuju bahawa kita masih mampu dan kita berupaya, kita ada tenaga, kita ada tentera dan kita ada pelbagai agensi yang dapat mengawal pantai kita, laut kita? Saya harap kerajaan bersetuju. Aset-aset kita juga cukup lengkap dan saya dimaklumkan bahawa kita mempunyai kapal perang yang selalu belayar di Laut China Selatan. Tidakkah mungkin kerajaan mengguna juga khidmat *Royal Malaysian Navy* untuk pemantauan perairan kita. Ini sangat penting. Jadi kalau kerajaan ataupun Yang Berhormat Menteri telah mendengar, boleh kata sebelum pada ini sudah lapan orang bercakap 100 peratus menyentuh tentang pencerobohan, maka ia sangat serius.

Perkara yang kedua ialah saya juga ingin menyebut tentang prasarana. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya kata dia diberi lesen C2 iaitu bot laut dalam yang berupaya. Kalau dia ada, dapat belayar ke laut luas dan boleh menangkap pelbagai ikan berkualiti tinggi dengan harga yang baik dan pulangan yang lumayan.

Akan tetapi oleh sebab kita tidak ada fasiliti ataupun infrastruktur yang baik, maka ia terhalang. Satunya, fasiliti kewangan untuk bolehkan dia pinjam wang untuk membeli bot, kalau dia setujulah. Kedua, dia ada menyebut bahawa tanah kita luas. Pelabuhan Tok Bali dilengkapkan tetapi kita tidak berupaya untuk mengadakan bilik sejuk ataupun *cold storage* di mana apabila nelayan kita keluar dan menangkap ikan, tidak ada tempat yang sesuai dan luas yang boleh memuatkan tangkapan itu, untuk membolehkan

ikan itu segar dalam tempoh beberapa waktu sebelum dapat dipasarkan. Tidak seperti nelayan di Thailand, tidak seperti saya agaklah nelayan di Vietnam.

Mengikut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya tadi, di Thailand, dia berupaya untuk mendaratkan ikan di Thailand kerana ada prasarana, ada bilik sejuk dan tadi saya bercakap dengan dia, dia kata ada tempat untuk memproses baja daripada ikan. Maknanya, pelabuhan tempat pendaratan ikan di negara mereka, mempunyai kelengkapan yang cukup. Jadi saya juga hendak tanyalah pada pihak Menteri, tidakkah kerajaan mempunyai perancangan untuk melengkapkan prasarana perikanan supaya kita boleh maju dan kebergantungan kita kepada ikan luar, dapat kita kurangkan.

Kedua, seterusnya ialah mengenai teknologi. Kalau kita hendak besarkan industri perikanan, kalau kita sudah ada bot, kita ada kemudahan infrastruktur, kita perlu ada teknologi yang canggih. Kalau tidak canggih pun, teknologi masa kini. Saya difahamkan di Thailand, kelengkapan botnya dilengkapi dengan teknologi canggih iaitu ada *echo sounder*, ada sonar, ada apa yang dipanggil alat yang digunakan untuk mencari MH370 itu- apa nama saya pun tidak tahu, tetapi berupaya mengklasifikasikan jenis ikan. Maka kita hendaklah perkara-perkara ini, kelengkapan yang canggih ini, teknologi yang canggih ini, dibekalkan dan di-*introduce* kepada nelayan kita. Ini sangat penting kalau kita bercakap tentang masa depan industri perikanan sesuai dengan kerajaan kita untuk mengerakkan- mengglobalisasikan penduduk Malaysia ini ke arah persiapan menghadapi *Industrial Revolution 4.0* (IR 4.0).

Apabila kita ada teknologi, kita kena ada orang, *resources*. Saya tertarik dengan ucapan-ucapan Yang Berhormat sekalian yang bercakap tentang *human resources* kita. Sekarang sangat sukar untuk orang muda menceburi bidang perikanan kerana mereka tidak mempunyai ilmu yang cukup. Ramai berpendapat bahawasanya untuk memajukan sektor ini, kita perlu pusat latihan seperti industri pembinaan, dia ada CIDB.

Satu organisasi latihan untuk melatih peserta ataupun yang terlibat di dalam pembinaan. Maka dari segi perikanan juga, terdapat orang muda yang ada tenaga tetapi kurang pendidikan hal-hal yang berkaitan dengan *fishery*. Tidak cukup dengan hanya kita suruh dia belajar, *organize course* dua, tiga, empat hari, tidak cukup. Oleh sebab itu saya fikir, kalau boleh diadakan satu institusi seperti CIDB- panggillah apa pun institut latihan perikanan kah, apa-apa kah, untuk memberi pendidikan hal-hal yang berkaitan dengan perikanan.

Ini kerana industri ini bukannya kecil. Industri perikanan ini kalau saya tengok rekod dia, bernilai RM10 bilion setahun. *It is a huge industry in terms of income to the country*, dan menyumbang 1.1 peratus kepada KDNK. Jadi besar. Oleh sebab itu kerajaan kena pandang lebih, beri tumpuan lebihlah. Jangan lupa bahawasanya *this is your life line*. Ikan, nasi, air ini ialah penyumbang kepada kehidupan. Jadi saya harap- soalan lah, soalan saya. Tidakkah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu institusi seperti CIDB untuk melatih para belia yang ingin menceburkan diri dalam bidang perikanan?

Seterusnya, saya juga hendak sebut sikitlah. *Now back to my kampung, back to Kelantan*, hendak balik Kelantan sudah, kita di Kelantan ada 5,000 nelayan. Sebanyak 5,000 nelayan terlibat dengan apa

orang panggil pesisir pantai dan 2,000 beralih tempat. Tanah hanya tiga jajahan yang berada di pesisir pantai iaitu Tumpat, Bachok dan Kota Bharu. Saya anggap Pengkalan Chepa itu sebahagian daripada Kota Bharu. Mereka ini daif. Kalau sesiapa pergi melawat tepi-tepi pantai, boleh merasai keadaan kedaifan. Musim tengkujuh seperti Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya kata, "*Tidak dapat keluar sebab bot kecil*".

Pendapatan mereka dianggarkan RM500 hingga RM700 sahaja dan mereka hanya ke laut, *half a year*, enam bulan setahun. Itu tidak termasuk kalau ada ribut taufan yang melanda. Bererti tenaga mereka hanya digunakan selama enam bulan dalam masa setahun. Bayangkan pendapatan mereka kalau kita hendak suruh dia kerja kuat pun macam itu jugalah. Kita kata, "*Mu jangan malas. Mu keluar pagi, mu balik tiga hari atau empat hari*", pendapatan dia macam itulah juga. Oleh sebab itu saya kata, saya minta kerajaan- saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya tadi, apa yang dipanggil elaun sara hidup nelayan perlu diteruskan. Dahulu RM300 sebulan. Mereka yang mendapat manfaat adalah 1,000 orang lebih. Itu pun sudah memadai ataupun sudah berterima kasih kerana dapat meringankan beban mereka tetapi sekarang, dikurangkan kepada RM200.

■1510

Sudahlah dikurangkan, dibuat pula pemutihan. Saya ingat dapatlah Yang Berhormat Menteri periksalah. Dibuat pemutihan semula dan dalam pemutihan itu, kena *check* pula kalau awak beli minyak bukan daripada NEKMAT ataupun bukan daripada tempat yang kita syorkan, maka nama kita tak tersenarai, maka dipotong terus elaun tersebut.

Jadi saya harap perkara ini boleh Yang Berhormat Menteri *check*-lah betul atau tidak yang saya kata ini. Sudahlah pemutihan, sebahagian daripada kaedah pemutihan itu, kalau awak beli minyak tempat lain tak beli tempat kita, kita terus potong nama. Ini satu penganiayaan bagi saya. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri...

Puan Asmak binti Husin: Mohon pencelahan.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: *Sorry*, siapa ya?

Puan Asmak binti Husin: Yang Berhormat. Boleh?

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Silakan [*Ketawa*]

Puan Asmak binti Husin: [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Sr. Haji Hanafi sebab bila sebut fasal nelayan Kelantan ini rasa hendak mencelah sedikit lah. Saya mendapat makluman, benarlah seperti yang disebutkan. Kata ada kaedah pemutihan. Cuma saya mungkin mohon pandangan juga lah berdasarkan pemutihan itu, selepas pengambilalihan kerajaan baharu, hanya seramai 30,000 daripada 70,000 nelayan seluruh Malaysia yang mendapat Bantuan Sara Hidup.

Jadi mungkin kita hendak tahulah sebenarnya macam mana kaedah pemutihan ini dibuat dan benar atau tidak ini, kata 30,000 sahaja yang terima daripada keseluruhan. Okey, sekian terima kasih.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah saya pun hendak bertanya juga Yang Berhormat Menteri betul atau tidak. Saya pun bimbang juga, saya takut *hearsay*

ataupun orang cakap-cakap kedai kopi sahaja. Sebab itu saya hendak pengesahan dalam Dewan ini. Angka 30,000 itu seluruh Malaysia tetapi di Kelantan hanya 1,000 sahaja. Itu angka yang saya peroleh. Kalau silap pun, saya minta maaf kerana saya tidak ada angka yang tepat.

Seterusnya, saya juga ingin memaklumkan dalam Dewan ini, dulu kita ada Rancangan Penempatan Nelayan. Nelayan ini kalau kita tengok rumah dia, daif sungguh. Sebab itu saya- kita sekarang ini kita rasa bersyukur sekarang ini kerana anak-anak mereka diberi peluang untuk pergi ke asrama penuh dan ada perubahan hidup lah kerana anak-anak mereka telah menjadi jurutera dan sebahagiannya ada yang berjaya.

Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa sudah lama tidak ada program ini. Yang ada sekarang ada di Tok Bali hanya menempatkan 200 orang sahaja nelayan. Jadi saya harap kerajaan memikirkan kaedah untuk memberi penempatan yang sesuai bagi mereka di bawah rancangan apa-apa sekalipun tidak mengapa, asalkan diberikan rumah seperti yang diberikan kepada rakyat miskin di tempat-tempat lain. Akan tetapi kita perlu mengadakan- menerusi rancangan khas untuk mereka kerana mereka ialah tergolong daripada orang-orang dari- kalau di bawah Kementerian Pertanian, mereka tergolong di dalam golongan sangat miskin. Berbanding penanam padi pun, nelayan lebih miskin daripada penanam padi atau penoreh getah.

Saya rasa setakat itu dahulu yang saya hendak perkatakan dan saya hendak beritahu bahawa akta pindaan harga cukup baik dan saya menyokong pindaan ini kerana ia memberi manfaat kepada negara dan juga masyarakat nelayan.

Seharian, *wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat. Terima kasih.

Dan saya beri peluang kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh. Dipersilakan.

3.14 ptg.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih lagi kerana beri laluan kepada saya kerana jam 4.00 saya mesti berada di Majlis Olimpik Malaysia dan juga rakan-rakan Yang Berhormat Senator. Minta laluan.

Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Saya bagi pihak ini sama-sama untuk membahaskan rang undang-undang ini kerana perkara-perkara yang hendak disampaikan telah disampaikan oleh lapan perbahasan, iaitu nombor satu tentang definisi laut lepas. Saudara Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun telah buat laluan kepada Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah maksud dengan "*laut lepas*"? Dari manakah, ke mana sesuatu kawasan tersebut diklasifikasikan sebagai laut lepas.

Kedua, saya hendak membangkitkan tentang pencerobohan nelayan asing. Ini telah dengan panjang lebar terutama kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas kerana dia merupakan seorang yang daripada nelayan sampailah peniaga. Jadi tak perlu lah saya panjang-panjangkan tentang ini dan diharap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan perkara ini kerana ini merupakan penting kepada nelayan agar mereka terbela.

Jadi yang ketiga yang saya hendak sentuh kerana mempunyai masa yang- iaitu tentang manipulasi *Seaman Book* ataupun Pas Pelaut oleh nelayan asing. Ketika ini, kerajaan masih menggunakan sistem *Seaman Book* atau Pas Pelaut kepada nelayan asing yang mudah di manipulasi kerana hanya perlu disahkan oleh Jabatan Perikanan selain negara asal nelayan asing berkenaan. Saya khuatir jika nelayan asing ini ditangkap, mereka akan manipulasi pas pelaut dengan menggunakan alasan bahawa mereka hanya bekerja makan gaji dengan tauke tempatan.

Ketiga, sebelum ini kerajaan pernah berhasrat melaksanakan sistem Permit Lawatan Kerja Sementara iaitu PLTS untuk nelayan yang menggaji pekerja asing. Namun banyak pihak yang membantah sistem ini kerana ia dianggap memberi kesukaran kepada pengusaha nelayan laut dalam mendapatkan pekerja tempatan. Justeru itu, adakah kerajaan akan membuat kajian semula penggunaan Permit Lawatan Kerja Sementara iaitu PLTS untuk nelayan yang menggaji pekerja asing bagi mengelakkan kebanyakan nelayan asing masuk ke perairan Malaysia secara haram.

Jadi itu yang saya hendak sebut ataupun berbahas tentang rang undang-undang pindaan kerana ramai telah menyebut dan ada lagi mungkin 11 orang lagi akan berbahas tentang Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019.

Jadi mungkin sesi ini adalah sesi yang terakhir bagi saya untuk bersidang pada kali ini kerana sudah genap tiga tahun. Ini kerana saya di peringkat negeri hanya sepenggal sahaja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk sama-sama, macam Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas mungkin tamat 26 Oktober kerana mungkin selepas ini bulan Disember baru sesi persidangan akan datang- oleh Dewan Negara.

Jadi saya mengambil kesempatan ini di sidang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih terutama kepada Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran dan juga kepada ayahanda Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad yang telah banyak menunjuk ajar dan nasihat sepanjang perkhidmatan saya sebagai Ahli Senator Dewan Negara selama tiga tahun ini.

Tak lupa juga kepada Setiausaha Dewan Negara, dia sakit- kena denggi tak silap saya, saudara Riduan bin Rahmat dan pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara, Bentara-bentara, Pegawai Keselamatan Parlimen Malaysia, seterusnya pegawai dan kakitangan Parlimen Malaysia.

Tak lupa juga kepada pegawai-pegawai kementerian, pegawai bertugas dan petugas-petugas media yang bertugas di Parlimen. Doa saya agar institusi Parlimen akan terus di perkasa, cemerlang dan

gemilang dan Dewan yang mulia ini, Dewan Negara akan terus dihormati dan disanjung tinggi oleh pemimpin-pemimpin negara.

Hanya ada dua pantun untuk disampaikan sebelum saya menamatkan ini, iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh:

*Pohon selasih di tepi kolam;
Anak haruan berenang-renang;
Terima kasih saya ucapkan;
Budi tuan puan jadi kenangan... [Tepuk]*

Fasal hendak cepat ini, hendak pergi ini, tak lama lagi ini [Ketawa] Yang kedua...

*Pokok sirih pohon selasih;
Tumbuh merimbun di hujung laman;
Kalungan budi junjungan kasih;
Menjadi kenangan sepanjang zaman... [Tepuk]*

Jadi dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Sekian.
Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat kita yang telah banyak buat jasa kepada kita punya Dewan ini dan kita rakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan sepanjang beliau bertugas di Dewan kita.

■1520

Mereka bersama-sama berkorban masa dan tenaga di Dewan yang mulia ini. Pada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh, jasamu dikenang. Yang Berhormat Senator telah banyak menabur budi di Dewan ini. Terima kasih banyak Yang Berhormat ya.

Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, dipersilakan.

3.20 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bahas rang undang-undang meminda Akta Perikanan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya Rang Undang-undang Perikanan 2019 dicadangkan bagi meminda Akta Perikanan 1985 dengan tujuan untuk menambah baik peruntukan yang sedia ada terutamanya berhubung pelesenan penangkap ikan bagi mengambil kira penangkapan ikan di laut lepas, meningkatkan kadar denda bagi kesalahan di bawah Akta 317 dan memberi kuasa kepada Menteri menggubal peraturan berhubung dengan pemantauan, pengawalan dan pengawasan.

Pindaan ini juga menjadikan perundangan perikanan Malaysia selari dengan instrumen antarabangsa dan menggalakkan rakyat Malaysia menceburi bidang penangkapan ikan tuna untuk meningkatkan hasil negara. Selain itu, pindaan ini turut bertujuan untuk memantapkan lagi seksyen berkaitan dengan pengkompaunan, memperjelaskan lagi kuasa Ketua Pengarah Perikanan dan memasukkan peranan pendakwa raya dalam memutuskan kes-kes kompaun dan pendakwaan.

Pindaan ini juga menyaksikan peningkatan denda maksimum kapal penangkapan ikan asing yang mencerooh perairan negara kita Malaysia iaitu daripada RM1 juta kepada RM6 juta bagi nakhoda, bagi awak-awak pula denda maksimum daripada RM100,000 kepada RM600,000 serta memasukkan penalti baru iaitu denda maksimum RM4 juta bagi kesalahan pencerobohan perairan negara menggunakan bot-bot tempatan.

Saya difahamkan walaupun kita kenakan denda yang begitu tinggi, mereka tidak suka membayar dan mereka lebih gembira berada di dalam penjara Malaysia. Mereka mengatakan penjara Malaysia lebih bagus daripada berada di laut lepas dan di laut dalam beberapa bulan. Maka walaupun dengan akta-akta yang lebih tegas, namun ianya akan sia-sia Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua jika tidak ada penguatkuasaan yang secukupnya. Malah, kita juga menerima laporan bahawa bahagian penguatkuasaan tidak melaksanakan tugas secara tegas terhadap kes ini dan terdapat juga kes-kes di mana pegawai didakwa bersubahat dan memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan asing tersebut. Oleh itu, saya cadangkan kepada kementerian supaya SPRM dapat masuk seberapa segera dan menyalut tuduhan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan jutaan terima kasih hari ini kerana Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri bersama-sama mendengar perbincangan kita. Minta maaf Yang Berhormat Menteri sebab tadi saya tidak nampak Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu tepukan kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bersama-sama dengan kita sebab saya menghadap ke depan... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, negara menyasarkan 135 unit *vessel*/tuna dan potensi pendaratan sebanyak 30,000 tan metrik setahun bernilai RM300 juta seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sesi pembentangan tadi. Jadi soalan saya, apakah kriteria untuk mendapatkan lesen laut dalam, lesen laut lepas? Kriteria seperti mana yang sahabat-sahabat kita sebut tadi terlampau banyak sangat kriteria sehingga yang dapat *license* pun tidak boleh memenuhi tuntutan. Justeru itu, saya mengajukan sekali lagi soalan ini supaya *license* laut lepas lebih besar dari C2 laut dalam. Jadi ia memerlukan satu modal yang sangat besar. Saya harap syarat-syarat yang akan ditentukan oleh pihak kerajaan biarlah berpadanan dengan apa yang rakyat kita ada seperti di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pembahas yang di depan saya telah banyak menyentuh tentang nelayan laut lepas dan saya menyokong sepenuhnya akta ini. Di sini saya ingin menarik ke belakang sedikit Yang Berhormat Menteri kerana di dalam kita ghairah memenuhi tuntutan antarabangsa, mengeluarkan lesen-lesen di laut lepas dan laut dalam, kita juga jangan lupa keadaan nelayan kita di pesisir pantai yang

mana merekalah yang memenuhi tuntutan bantuan sara hidup seperti mana yang disebutkan oleh sahabat-sahabat kita juga.

Jadi, kebanyakan nelayan pantai ini bukanlah kelompok yang kita boleh katakan mereka pemalas atau tidak berpendidikan dan menjadi nelayan kerana tidak mempunyai pilihan lain dalam bidang pekerjaan tetapi kumpulan ini dilihat sebagai kumpulan yang tercicir dalam arus kemodenan industri. Subsidi mereka digunakan untuk membantu mereka tetapi malangnya subsidi ini telah mendorong untuk mereka tidak berkembang memajukan pekerjaan mereka.

Pelaburan kerajaan sebelum ini juga dalam bidang perikanan lebih tertumpu pada projek akuatik atau penternakan ikan dalam sangkar yang lebih dilihat efisien dan berdaya saing. Maka, aspek nelayan pantai dilihat sebagai tidak prospek untuk jangka panjang. Projek penternakan ikan yang dibuat di kawasan pantai pada hakikatnya memberi kesan buruk terhadap ekologi kawasan pantai bilamana kawasan bakau ditebang untuk projek akuatik yang saya sebutkan tadi. Ia diakui juga bahawa aspek pembangunan nelayan ini sememangnya agak kompleks kerana ia melibatkan individu serta latar belakang kehidupan mereka.

Namun begitu, beberapa pendekatan yang berasaskan memberdayakan- *empowerment*, harus diberi fokus utama iaitu pekerjaan nelayan mestilah dilihat mempunyai prospek kemajuan bukan bersifat tradisional dan warisan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mencadangkan beberapa perkara dan satu reformasi dasar dan sistem penyampaian perlu dibuat. Malah, berkemungkinan beberapa akta yang sedia ada perlu disemak dan dikaji kembali untuk memastikan sistemnya lebih cekap, tidak berlaku pertindihan tugas dan bidang kuasa yang mana hari ini kekurangan kakitangan, kelemahan pemantauan dan ketirisan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat beberapa perkara yang berpunca pendapatan nelayan pantai yang telah berzaman, yang dulunya tidak ada bantuan pun. Dulunya semasa, saya pun daripada anak nelayan, kalau Yang Berhormat Senator Abbas dia nelayan laut dalam tapi saya nelayan pesisir pantai. Ada beberapa perkara yang saya lihat, orang yang dahulu sebenarnya Yang Berhormat Menteri dia tidak mempunyai bantuan sara hidup pun, dia tidak mempunyai subsidi pun tetapi mereka boleh menguasai bidang nelayan dan hasil daripada pendapatan mereka mampu memelihara anak lebih daripada 10 satu keluarga.

Pada hari ini kita lihat beberapa lesen yang mana lesen tersebut telah dibekukan. Lesen dibekukan, tidak dikeluarkan lagi, dimansuhkan dan sebagainya. Jadi apakah kerajaan baharu, hari ini kita bukan menukar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita juga bukan menukar Yang Berhormat Menteri, kita menukarkan kerajaan. Rakyat telah memilih satu kerajaan baharu yang mana kerajaan baharu perlu memastikan apa yang berlaku yang terdahulu, yang baik kita ikut, yang tak baik kita nilai semula.

■1530

Apabila kita melihat kepada nelayan pesisir pantai ini banyak lesen-lesen yang telah dibekukan dan menyusahkan mereka. Maka saya mencadangkan supaya pihak kerajaan menilai kembali lesen-lesen

yang dibekukan supaya mereka dapat mengembalikan nelayan tradisional mereka seperti nelayan di pesisir pulau sebagai contoh.

Saya difahamkan ikan yang datang ke pulau, ikan yang datang ke batu karang sebagai contoh ia bermusim. Ia tidak akan hilang dan ia tidak akan menjadi ikan tersebut berkurangan. Contoh kalau di pesisir pantai Terengganu, ada beberapa musim yang mana ikan tersebut akan masuk. Kalau sekiranya nelayan tidak dapat menangkap ataupun nelayan itu diharamkan untuk menangkap ikan pada musim itu bermakna ikan itu akan lari, ia akan datang balik pada tahun hadapan.

Jadi di sinilah beberapa lesen yang telah diharamkan seperti lesen pukut pulau sebagainya dan banyak lagi lesen-lesen yang kecil kita patut nilai balik, kita tengok kerana ada pertindihan pendapat di sini. Kalau di negeri Terengganu banyak pulau, pendapat nelayan begini dan pendapat pelancongan begini. Akan tetapi saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri yang berada dengan Timbalan Menteri, berada ada dengan saya.

Saya hendak kongsi kan sedikit bahawasanya setiap nelayan dia tidak akan menggadaikan harta kerana meletakkan ataupun membuat sesi tangkapan di atas batu, tidak akan buat, kenapa? Kalau dia meletakkan pukut mereka di atas batu maka mereka akan kehilangan harta. Jadi justeru itu, mereka menggunakan kaedah memasang api. Kalau contoh memang dia pasang api di atas *coral*, batu karang dia tidak letak pukut dia di atas batu karang Tuan Yang di-Pertua, dia akan alihkan api dia ke tempat yang tidak ada batu baru dia letak pukut dia baru hasil itu dapat.

Jadi sekarang pihak kerajaan, pihak perikanan dia mengambil pendekatan mendengar cerita daripada pelancongan yang mengatakan bahawasanya kalau kita lepaskan orang ini lesen pukut ini untuk menangkap ikan di tepi pulau maka *coral* ataupun ikan akuarium akan jadi rosak. Ini tidak betul sebenarnya kita kena perlu ada satu kajian kembali, kajian balik supaya mereka ini mendapat lesen yang tertentu dan mereka jugalah orang yang menerima Bantuan Sara Hidup sekarang.

Kalau dulu tidak ada, sekarang ada kenapa, kerana saya rasa itu adalah kesilapan daripada kerajaan kerana membekukan lesen-lesen yang sepatutnya mereka dapat mencari makan dan menyara keluarga. Apabila kita bekukan lesen yang sebegini rupa maka mereka tidak dapat lagi cari ataupun mereka tidak mampu lagi untuk mencari makan kepada keluarga, kepada mereka yang berkampung di tepi pantai.

Justeru itu, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengembalikan, patah balik tengok balik lesen-lesen yang telah dibekukan seperti Zon 'A', Zon 'B' dan Zon 'C' dan ada jarak ia. Zon 'A' berapa jarak daripada pantai, Zon 'B' ada jarak daripada pantai. Baru-baru ini saya difahamkan juga Zon 'B' komersial hendak dimansuhkan kerana Zon 'B' komersial pukut tunda mencero boh di kawasan pesisir pantai.

Saya rasa kalau kita mansuhkan maka yang memiliki Zon 'B' ini sebenarnya penduduk tempatan tidak sama dengan laut lepas. Laut lepas kalau kita tengok laut lepas belum ada lesen lagi. Laut antarabangsa, laut dalam kalau kita tengok memang betul lesen dia kepunyaan orang Melayu. Lesen dia kepunyaan warganegara Malaysia tetapi awak-awak dia bukan. Sebanyak 70 peratus awak-awak dia bukan di kalangan warganegara Malaysia sama ada *illegal* ataupun *legal*.

Kita orang Melayu, orang Islam dia boleh keluar daripada rumah dia ke laut dalam seminggu ataupun dua minggu. Masuk tiga minggu dia tidak boleh fasal dia sudah tidak solat Jumaat tiga kali. Jadi oleh sebab itu saya melihat Zon 'A' dan Zon 'B' ini tersangat penting. Mungkin pihak kerajaan tidak perlu batalkan tetapi memberi syarat baharu. Contoh menjarakkan kembali, *zoning* kembali daripada lima kilometer kepada 10 kilometer sebagai contoh kerana inilah lesen punca pendapatan kepada mereka.

Begitu juga dengan ikan-ikan yang akan ditangkap. Ikan yang akan ditangkap ini sebenarnya seperti mana yang saudara-saudara kita sebut tadi memang ikan yang bagus. Setiap tahun ia ada tiga kali ikan itu masuk sebagai contoh. Kalau kita tidak ambil ikan itu ia akan lari, lepas itu tahun depan ia akan datang balik. Jadi saya harap semua lesen Zon 'A', Zon 'B', Zon 'C', komersial kah ataupun pukat biasa dikaji semula kalau boleh diberikan kembali dan dibukakan kembali kepada nelayan-nelayan yang berada di pesisir pantai.

Ini saya jangka kalau sekiranya kerajaan menilai balik maka Bantuan Sara Hidup tidak diperlukan lagi, tidak diperlukan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi?

Datuk Razali bin Idris: Sikit sahaja, hendak bagi penjelasan sikit. Kalau semua lesen-lesen yang saya sebutkan tadi dikaji semula dan dikeluarkan balik saya jangka setahun atau dua tahun akan datang Bantuan Sara Hidup kepada nelayan tidak diperlukan lagi kerana mereka sudah cukup dan sebelum ini pun Bantuan Sara Hidup tidak pernah ada.

Kalau zaman saya masa saya kecil dulu memang tidak ada bantuan sara hidup tapi ayah saya boleh memberi makan anak 10 hingga 15 orang satu keluarga. Jadi saya rasa itulah yang saya hendak sampaikan. Saya menyokong hasrat kerajaan untuk meminda rang undang-undang ini dan memberi peluang kepada rakyat negara kita untuk menerokai Laut India dan *in syaa Allah* kita akan mendapat ikan tuna. Kalau Yang Berhormat saudara Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas sebut ikan aya, ikan tuna, ikan aya juga tapi lebih besar lagi dan ia merupakan satu penangkapan yang sesuai di kala ini.

Justeru itu saya memohon sedikit kemaafan kerana terkeluar sikit Yang Berhormat Menteri, terkeluar sikit daripada asas rang undang-undang ini kerana saya hendak melihat supaya nelayan pesisir pantai juga diambil kira secara komprehensif bukan secara sambil lewa. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Saya hendak menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Rabyah binti Ali. Silakan.

3.38 ptg.

Datuk Rabyah binti Ali: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Datuk Rabiyah binti Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan izin untuk membahaskan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan strategik perairan maritim Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang sering dicerobohi oleh kumpulan nelayan asing diberikan perhatian sewajarnya oleh kerajaan. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan keluarga kementerian serta Jabatan Perikanan di atas usaha bagi meminda Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, isu pencerobohan kawasan wilayah laut Malaysia merupakan isu diplomatik dan persempadanan maritim yang perlu ditangani bersama dengan negara-negara serantau dan juga anggota dengan negara ASEAN. Melalui satu rangka kerja komprehensif perundangan, *statutory* dan komitmen tinggi penguatkuasaan oleh negara-negara anggota merupakan penyelesaian muktamad Kerajaan Malaysia untuk menangani isu pencerobohan nelayan asing yang merencatkan sumber ikan negara.

Oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang bagaimanakah Kerajaan Malaysia bersama-sama negara-negara bersempadan seperti Thailand, *Cambodia*, Vietnam, *Philippine*, Brunei, *Singapore* dan Indonesia digandingkan di atas satu rangka kerja komprehensif agar daftar pemilik bot-bot perikanan, pemantauan operasi menangkap ikan dan keselamatan aktiviti penangkapan ikan di laut dalam disepadukan kawal selia dan penguatkuasaan.

■1540

Sejauh manakah keupayaan sistem *Automatic Identification System* ke atas *vessel* nelayan tempatan? Sehingga kini, berapakah bilangan yang didaftarkan dan bilangan yang masih belum menggunakan AIS? Bagaimana kerjasama penguatkuasaan bersepadu dengan menggunakan teknologi ICT terkini dengan negara-negara anggota ASEAN agar masalah pencerobohan dan merosakkan sumber biodiversiti laut dan sumber ikan negara diatasi dengan sempurna?

Sejauh mana keupayaan Jabatan Perikanan Malaysia bagi menangani masalah kartel-kartel penangkapan ikan dan memecahkan kuasa monopoli dan manipulasi pasaran mengakibatkan harga-harga ikan di pasaran pasar tempatan tinggi?

Tuan Yang di-Pertua, terdapat rungutan daripada pengusaha-pengusaha bahawa mereka mempunyai masalah untuk merekrut pekerja tempatan sebagai nelayan laut dalam dan menjadikan nakhoda kapal kerana masalah pensijilan kompetensi dan minat warga tempatan dalam sektor perikanan. Justeru, pergantungan sumber pekerja asing dan sektor perikanan negara adalah tinggi dan menjadikan suatu kekangan ekonomik yang menjejaskan usaha kerajaan untuk menstabilkan harga-harga ikan di pasaran.

Justeru, saya ingin mendapatkan maklum balas daripada Jabatan Perikanan mengenai pendekatan *affirmative* jangka pendek dan sederhana agar masalah kru nelayan laut dalam warga tempatan ini diatasi dengan sempurna dan jayanya. Saya juga ingin mendapatkan statistik terkini warga

tempatan yang menjadi kru bot laut dalam dan berapakah jumlah lesen penangkapan ikan laut dalam serta jumlah intensif subsidi minyak yang diberikan sehingga Jun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ancaman pengurangan mendadak sumber ikan di perairan Malaysia kerana perubahan iklim dan tindak-tanduk nelayan-nelayan menggunakan jenis-jenis pukat yang dilarang oleh Jabatan Perikanan perlu diatasi segera. Justeru saya ingin mendapatkan maklumat lanjut dari Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah tangkapan dan pendakwaan dilakukan ke atas nelayan tempatan atau asing yang mencero bohi kerana kesalahan menggunakan pukat-pukat larangan yang menjejaskan sumber perikanan negara.

Sejauh mana usaha Jabatan Perikanan dalam membangunkan tukun-tukun tiruan agar usaha berterusan memastikan bekalan ikan di kawasan maritim Malaysia mencukupi untuk keperluan pasaran tempatan? Sejauh mana cabaran dan usaha yang diganding sepadukan dengan pelbagai pihak bagi memulihara dan melestarikan ekosistem marin dan biodiversiti serta berapakah peruntukan yang diperlukan pada tahun 2019 ini?

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya melalui pindaan akta ini, kerajaan terus melakukan usaha untuk memastikan agar sektor pertanian akan lebih berdaya maju. Untuk ia berkembang dengan keperluan semasa, aset-aset Jabatan Perikanan Malaysia perlu ditambah baik dan kapal-kapal penguasaan diperbanyakkan.

Justeru, saya mahukan agar hala tuju ini lebih jelas dan dipastikan ia benar-benar sempurna diberikan perhatian oleh kerajaan. Ini untuk memastikan sumber ikan negara mencukupi untuk rakyat Malaysia. Dengan ini, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Rabyiah binti Ali.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing. Dipersilakan.

3.44 ptg.

Datuk Lee Tian Sing: Salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dalam memberikan saya kesempatan untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 ini. Pada hemat saya ialah adalah bersifat satu keperluan pada negara khususnya pihak keselamatan dalam mengekang aktiviti pencerobohan perairan negara oleh *vesse/* asing yang kian berleluasa dari hari demi hari.

Saya menyambut baik langkah pindaan yang dilaksanakan pihak kementerian ini dalam memenuhi tuntutan obligasi antarabangsa *illegal, unreported and unregulated fishing* iaitu sejajar dengan tanggungjawab kita. Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota pertubuhan makanan dan pertanian di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pindaan ini harus diperhalusi dan diperkemas dengan sebaik mungkin sekiranya kerajaan benar-benar komited untuk menangani aktiviti haram *vesse/* nelayan asing ini dari terus bermaharajalela dan secara tidak langsung, juga membantu nelayan tempatan mengubah nasib mereka.

Saya sedikit tertarik untuk mendapatkan penjelasan mengenai sejauh manakah pihak kementerian melihat kenaikan denda maksimum ke atas *vesse/* penangkapan ikan milik nelayan asing yang menceroboh perairan negara dari RM1 juta kepada RM6 juta ini? Ini boleh menjadi satu langkah penyelesaian yang berkesan bagi mengekang aktiviti pencerobohan ini. Adakah data terkini yang dimiliki oleh pihak kementerian telah memperlihatkan bahawa peningkatan kadar denda maksimum mampu menangani isu ini ataupun kita hanya sekadar memenuhi tuntutan obligasi antarabangsa?

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya bangkitkan di sini adalah mengenai aktiviti pengklonan *vesse/* dengan upah sehingga RM100,000 seperti yang dilaporkan sebuah akhbar tempatan baru-baru ini. Ini adalah satu aktiviti haram yang tidak boleh kita biarkan dan tindakan tegas serta sekeras-kerasnya perlu dikenakan terhadap mereka yang bertanggungjawab. Jangan kita biarkan mereka yang terlibat ini terlepas dengan begitu sahaja.

Oleh itu, soalan saya mengenainya adalah sejauh manakah pihak kementerian telah mengambil maklum mengenai aktiviti pengklonan *vesse/* tersebut sebelum didedahkan oleh media ini. Sejauh manakah juga pemantauan secara efektif mengenai dakwaan salah guna kuasa pihak penguasaan yang terlibat dalam aktiviti haram melibatkan nelayan telah dilaksanakan oleh pihak kementerian sehingga kini? Berapa ramaikah pegawai penguat kuasa yang telah dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan salah guna kuasa yang menyebabkan aktiviti haram nelayan asing semakin berleluasa ini?

Seterusnya, saya turut melihat antara punca yang mengakibatkan berlakunya aktiviti pencerobohan nelayan asing ini adalah akibat ketiadaan maklumat yang jelas mengenai batasan kawasan persempadanan maritim Malaysia dan Indonesia. Sebagai contoh di Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulawesi.

Untuk ini, saya ingin mendapatkan sedikit pencerahan dari pihak kementerian, apakah usaha atau inisiatif terbaru pihak kerajaan untuk mengemukakan secara jelas persempadanan kawasan maritim negara ini. Kesukaran untuk memuktamadkan batasan persempadanan maritim ini telah menjerumuskan kita kepada pelbagai masalah pencerobohan rentas sempadan dan satu langkah diplomatik oleh pihak kerajaan amat diperlukan dalam isu ini. Apakah bentuk rundingan yang akan diusahakan selepas ini bagi memperjelaskan isu ini meskipun kita akui akan terdapat kesukaran khususnya di kawasan tuntutan bertindih?

Tuan Yang di-Pertua, persoalan terakhir yang saya ingin kemukakan di sini adalah apakah pandangan dan komitmen pihak kementerian mengenai konvensyen antarabangsa seperti IMO, *Cape Town Agreement*, FAO, *Port State Measures Agreement*, dan *ILO Work in Fishing Convention* yang bertujuan untuk memberi perlindungan dan keselamatan kepada para nelayan? Adakah kerajaan akan meratifikasikan pada masa akan datang?

■1550

Saya mohon untuk mendapatkan sedikit pencerahan mengenainya. Akhir kata, demi kebaikan para nelayan kita saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Silakan.

3.50 ptg.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam Malaysia Baharu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Perikanan pada hari ini. Dalam mengukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya jangan terlepas pandang beberapa insiden yang tidak diingini yang telah berlaku di Sabah.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, memang ramai nelayan pantai dan laut di mana pendapatan mereka terancam disebabkan pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing yang menggunakan kapal pukat tunda hingga hampir ke persisiran pantai. Ada nelayan asing ditangkap dan dibebaskan secara membayar denda dan denda yang dikenakan terlalu rendah. Dari itu, pindaan rang undang-undang ini harus disokong untuk menaikkan denda setinggi-tingginya, kita harus menggubal undang-undang-undang baharu dengan menaikkan kadar saman mengikut keperluan semasa, dengan izin, *a deterrence sentence*.

Isu pencerobohan sempadan laut dan keselamatan daripada pantai timur Sabah menjadi kebimbangan penduduk di pantai timur. Mana tidaknya, beberapa insiden ancaman penculikan dan pembunuhan melibatkan nelayan tempatan masih berlaku. Kita mengimbau kembali tragedi pada 6 April lalu apabila seorang nelayan Malaysia yang menjadi tebusan kumpulan Abu Sayyaf sejak 6 Disember tahun lalu dilaporkan meninggal dunia. Mangsa 34 tahun dilaporkan meninggal dunia di sebuah hospital di bandar Zamboanga, Filipina akibat kecederaan parah terkena tembakan di dada dan kepala.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Jun baru-baru ini seramai 10 nelayan bajau laut diculik dipercayai oleh kumpulan bersenjata dan mempunyai kaitan dengan Abu Sayyaf di perairan Felda 9 Lahad Datu. Kesemua mereka diculik itu berusia di antara 17 hingga 80 tahun dan tiada dokumen pengenalan diri sebaliknya hanya memiliki surat lepa-lepa sebagai pengenalan diri untuk mereka tinggal di negara ini. Kesemua mereka telah dibawa ke negara jiran Filipina oleh penculik Abu Sayyaf.

Ancaman dan serangan kumpulan Abu Sayyaf yang dipercayai berpangkalan di Jolo, Filipina boleh berlaku pada setiap hari dan pada bila-bila masa sahaja. Ini kerana Sabah berhampiran dengan pulau-pulau di Filipina. Di sini saya ingin menyuarakan kepada kerajaan supaya memperbanyakkan aset pertahanan dan pemantauan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang selalu saya dengar bahawa nelayan-nelayan pantai banyak menghadapi macam-macam ancaman termasuk kemasukan dan pencerobohan nelayan-nelayan laut dalam kawasan mereka menyebabkan pendapatan tangkapan mereka merosot hari demi hari. Ini adalah disebabkan oleh pemberian lesen menangkap ikan laut dalam yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat yang tidak terkawal. Ini menyebabkan penangkapan ikan laut dalam secara besar-besaran yang tidak terkawal

dilakukan oleh mereka termasuk penangkapan secara haram. Ini telah menjejaskan sumber ikan dan marin di perairan misalnya di negeri Sabah. Sekali gus memberi impak yang tidak baik kepada nelayan tempatan.

Pencerobohan nelayan-nelayan beroperasi di laut dalam kampret persiaran pantai bukan sahaja memusnahkan kehidupan marin dengan menangkap ikan, menangkap tidak terkawal, menggalakkan penangkapan ikan secara haram. Saya juga difahamkan bahawa nelayan-nelayan Vietnam dan Thailand selalu mencerobohi lautan kita. Saya juga memaklumkan sebelum ini terdapat banyak lesen yang diberikan kepada kapal-kapal Vietnam dan Thailand. Walaupun terlepas pemberian lesen itu dibekukan oleh kerajaan, mereka menggunakan satu lesen sahaja tetapi mempunyai banyak kapal beroperasi di laut dalam.

Dengan masalah yang timbul dan dihadapi oleh nelayan laut dalam di Sabah ketika memohon dan membaharui lesen, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi kuasa penuh mutlak kepada kerajaan negeri terutamanya negeri Sabah untuk mengeluarkan dan membaharui lesen nelayan laut dalam demi kemudahan nelayan-nelayan laut dalam di Sabah. Ini bertujuan mengawal selia pengeluaran lesen nelayan laut dalam dan memastikan aspek kawalan penangkapan ikan dapat dilaksanakan dengan baik. Kita mahu sebarang kelulusan lesen yang diberi oleh Kerajaan Pusat haruslah mendapat persetujuan di peringkat negeri dahulu sebelum diluluskan. Ini kerana kita tahu mana nelayan yang ada kelebihan selain kemudahan kita membuat kawalan dari segi penangkapan ikan.

Kalau lesen yang dikeluarkan itu digunakan oleh orang lain untuk menangkap ikan di lautan negara tetapi menjualnya di tengah laut kepada kapal induk yang membawa ikan kita keluar dari negara lain. Ini bagi saya adalah satu kaedah membenarkan rompakkan terhadap hasil laut kita dengan cara yang begitu mudah. Kita perlu lebih tegas dalam menangani isu ini kerana ada kemungkinan pengusaha tempatan yang diberi lesen tangkapan ikan laut dalam berpakat dengan kapal-kapal asing untuk menjual hasil tangkapan mereka di tengah laut dan kemudian dibawakan ke negara lain. Kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri perlu dipertingkatkan demi memastikan sektor perikanan di Sabah dapat diurus dengan baik dan tersusun amat diharapkan. Sekali lagi saya menyarankan supaya pengeluaran lesen menangkap ikan laut dalam kelulusan di peringkat negeri, maka lengkaplah penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada kejadian di mana dua pelancong warga China dan jurulatih menyelam laut ketika menjalani aktiviti menyelam disebabkan oleh pengeboman ikan secara haram masih lagi dipraktikkan oleh nelayan tempatan walaupun nelayan luar. Adakah ini disebabkan oleh kelonggaran pemantauan oleh pihak-pihak berkuasa? Ini kerana kalau kita tidak mengawal pengeboman ikan ini Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali terjejas juga pelancongan di negeri Sabah kerana kalau sudah pun ada penculikan nanti ada kematian kerana bom ikan, tentu sekali ancaman kepada *tourism industry* di Sabah akan terancam. Jadi saya harap kementerian akan ambil serius perkara ini.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, kita ada menerima laporan mengenai tindakan pengusaha-pengusaha bot tempatan yang menggaji nelayan asing yang mendaratkan hasil tangkapan mereka di negara jiran. Kita harus mengkaji semua pengeluaran lesen bot dalam ini. Keadaan ini menyebabkan negara mengalami kerugian besar setiap tahun ekoran hasil laut yang dilarikan oleh nelayan asing tersebut.

Jika kerajaan terus memberi lesen berkenaan kepada mereka, ini seolah-olah memberi kebenaran kepada negara asing untuk mencuri hasil laut negara kita dengan menjual ke negara lain. Lesen ini yang kita berikan itu seolah-olah membenarkan khazanah dan kekayaan kita dipindahkan ke negara lain dan kita terpaksa membeli ikan milik kita sendiri dari negara berkenaan. Jadi, itu merupakan salah satu keresahan kita yang saya minta supaya pemberian lesen bot laut dalam dikaji semula. Pihak berwajib harus memandang serius perkara ini dan bertegas dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyingkirkan kegiatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 53,399 orang nelayan sudah pun berdaftar di bawah Skim Perlindungan dengan membayar harga premium yang dinamakan Premium RM100 satu tahun. Tambahan lagi, 353 nelayan di seluruh negara telah pun menerima manfaat daripada Skim Insurans Nelayan Berkelompok LKIM ini yang berjumlah RM1.5 juta sehingga Ogos 2018.

Jadi persoalan saya ialah apakah usaha Yang Berhormat Menteri agar setiap nelayan itu diwajibkan bagi mendaftar skim insurans? Sejauh manakah agaknya kementerian telah pun mengkaji bentuk mekanisme untuk membantu memperbaiki lagi tahap perlindungan insurans kepada golongan nelayan yang meredah laut lepas yang ada?

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, mengenai pindaan di bawah seksyen 8 menyentuh berkaitan dengan pemberian lesen kepada nelayan. Saya berharap ia akan mampu menyelesaikan isu berkaitan dengan pemberian lesen kepada mereka yang benar-benar layak, bukan yang menyamar menjadi tonto-tonto agaknya kepada mereka yang tidak bertanggungjawab yang mengambil alih pula peluang-peluang yang diberikan kepada nelayan yang ada di sana.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya harap dengan pindaan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri akan mampu merubah, membela nasib nelayan-nelayan tempatan yang ada terutama nelayan-nelayan di kawasan saya di Penampang dan di negeri Sabah amnya. Jadi dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Silakan.

4.04 ptg.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pindaan kepada undang-undang perikanan untuk meningkatkan saman lebih daripada 600 peratus terhadap kapal-kapal nelayan asing yang menangkap ikan dan mencerobohi perairan Malaysia. Sebenarnya pencerobohan nelayan asing khususnya nelayan Vietnam ini bukan sahaja berlaku di perairan Malaysia tetapi juga berlaku di perairan Indonesia.

Oleh yang demikian, adakah ada di kalangan nelayan-nelayan Vietnam tersebut menggunakan kapal-kapal yang ada pendaftaran di Malaysia? Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri untuk kita menangani isu ini supaya tidak berlaku di masa yang akan datang?

Seterusnya, saya ingin bangkitkan adalah berkaitan pembatalan lesen nelayan. Saya difahamkan bahawa daripada 1,263 pemilik lesen C2, sebanyak 426 lesen dibatalkan, 118 lesen digantung, 369 lesen diarah kemukakan tunjuk sebab. Apakah punca perkara-perkara ini? Mungkin Yang Berhormat Menteri, salah satunya sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas tadi, iaitu ketidakmampuan untuk mereka membeli bot itu adalah salah satu sebab kenapa lesen beliau dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, saya juga dimaklumkan bahawa aset-aset yang kita ada untuk menjaga sempadan maritim tidak cukup dan penyelenggaraan juga kurang. Ada aduan di mana bot-bot sekuriti yang kita ada dalam agensi itu ada yang rosak, ada yang tidak berfungsi, kalau ada yang berfungsi pun tidak dapat bergerak kerana tiada minyak. Ada juga dakwaan kononnya bahawa minyak yang dibekalkan dijual kepada pihak lain. Hal ini tidak seharusnya berlaku dan saya menggesa agar isu ini diselesaikan dengan siasatan harus dijalankan oleh pihak SPRM. Itu sekiranya berlakulah.

Kita juga dimaklumkan ada pihak pengusaha yang takut untuk menangkap ikan mereka kerana dikatakan nelayan asing tersebut memiliki senjata seperti parang ataupun senjata-senjata yang lain. Oleh itu, saya ingin mencadangkan pihak kementerian supaya mengadakan kerjasama dengan kementerian lain seperti Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri untuk menyelesaikan isu yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada maklumat yang saya terima daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, sehingga Januari 2019, terdapat seramai 53,399 orang nelayan yang sudah pun berdaftar di bawah Skim Perlindungan dengan hanya bayar premium yang dinamakan Premium RM100 setahun. Tambahan lagi, seramai 353 nelayan di seluruh negara sudah pun mendapat manfaat daripada Skim Insurans Nelayan Berkelompok LKIM ini yang berjumlah RM1.5 juta sehingga Ogos 2018.

Persoalan saya ialah apakah usaha Yang Berhormat Menteri agar setiap nelayan ini diwajibkan untuk mendaftar skim insurans? Sejauh manakah pihak kementerian telah mengkaji bentuk mekanisme untuk membantu menambahbaik lagi tahap perlindungan insurans kepada golongan nelayan yang meredah laut lepas yang ada?

Saya juga bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas tadi bahawa buat masa sekarang kerajaan perlu mengkaji supaya subsidi diberikan kepada semua nelayan sebab buat masa sekarang kehidupan mereka masih daif, apa lagi ketika menghadapi musim tengkujuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik juga hendak tahu projek berhubung dengan projek Agrobank di mana beberapa projek dirangka untuk membantu isteri-isteri nelayan. Difahamkan projek ini dimulakan di Kuala Kedah. Persoalan saya, sejauh manakah perkembangan projek Agrobank ini untuk membantu isteri nelayan di Kuala Kedah? Bilakah pula projek yang seumpama ini hendak diadakan di Kuala Perlis, di Kelantan, Terengganu, Perak, Johor dan semua keluarga-keluarga nelayan? Ini memandangkan, pada saya, projek ini adalah satu projek yang baik ke arah untuk menambah pendapatan keluarga nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran dahulu telah mengemukakan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2012-2020 dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan ia telah menyasarkan lebih kurang dalam 135 bot untuk ke laut dalam untuk membolehkan negara menjadi pusat pendaratan ikan tuna.

■1610

Persoalan saya ialah, kalau ada, berapa banyak kah jumlah bot laut dalam yang telah disediakan hingga kini? Adakah matlamat tersebut akan diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan?

Secara amnya, pindaan RUU- Akta Perikanan 1985 ini banyak menyentuh mengenai pemantauan dan pengawasan di Zon C3. Perluasan kawasan perairan ini menunjukkan kerajaan sudah bersedia untuk mengawal kawasan yang lebih luas. Persoalannya, sejauh manakah tahap persediaan kerajaan dalam memastikan masalah di Zon C2 seperti pencerobohan perairan oleh nelayan tempatan mahupun asing dapat ditangani?

Sebagai kesimpulan, akhir sekali, saya berharap dengan pindaan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri ini, ia mampu untuk merubah dan membela nasib nelayan-nelayan tempatan di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh. Sila.

4.11 ptg.

Tuan Nga Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang mengambil bahagian berbahas pindaan Akta Perikanan. Pada minggu yang lepas, apabila saya telah dapat keizinan berbahas dalam bahasa Inggeris, ada timbul teguran bahawa saya kurang menghormati bahasa. Itu memang tidak betul.

Seperti saya telah jelaskan, bahasa adalah jiwa bangsa. Kenapa kita mahu jadi bahasa mangsa dengan kegunaan yang kurang sempurna terutama oleh sebahagian Ahli Dewan Negara. Jadi, ada satu peribahasa Cina berbunyi, "Apabila kuda mati, terpaksa berjalan kaki." Memandangkan keizinan sudah diberi, masih kena dimaki. Teguran saya bahasa tidak menghormati, tidak benar sebab saya sebenarnya

mencintai dan menikmati bahasa. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya akan buat perbahasan yang ringkas.

Saya hendak sentuh fasal 9, berkenaan dengan penalti yang dinaikkan. Pada pandangan saya, menaikkan penalti terutama kepada anggota kru adalah tidak wajar. Kita pun telah dengar, biasanya apabila *the boat* nelayan negara asing ditahan dan dihukum, mereka enggan membayar denda, lebih suka masuk penjara, makan *free*, menjadikan beban kepada rakyat Malaysia. Lagipun, isu anggota, kita tahu mereka hanya pekerja yang menurut perintah nakhoda.

Keputusan hendak pergi mana menangkap ikan, bukan sesuatu yang anggota-anggota boleh putuskan. Itu terpulang kepada nakhoda. Jadi, kalau kita bagi hukuman yang lebih berat kepada nakhoda, adalah patut dan tanggungjawab sekiranya pergi penjara, satu orang sahaja. Kalau termasuk anggota kru, beban lebih berat kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu bersimpati sedikit kepada anggota kru. Kalau keluar menangkap ikan dan lama tidak pulang, itu akan menambah kesengsaraan keluarga mereka dan memberi lagi membanting tulang kepada kehidupan mereka. Oleh yang demikian, saya harap kerajaan akan bertimbang rasa sedikit penalti yang dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM600,000 terhadap anggota kru. Saya memang sokong kenaikan penalti atas nakhoda dan juga, lagi elok tindakan yang efektif, *deterrent* ialah merampas bot yang menceroboh perairan Malaysia. So, bila bot dirampas, nelayan asing tahu mereka akan menghadapi kerugian yang lebih banyak. Bukan sahaja boleh pergi penjara, makan tanpa bayaran beberapa bulan atau tahun, lepas balik.

Sebelum saya mengambil tempat saya, saya juga ingin menyokong isu-isu dan sentimen yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat Senator 'Tok Abah' berkenaan dengan nelayan-nelayan di negeri Perak terhadap pihak berkuasa akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjaga keselamatan kaum nelayan di negeri Perak.

Itulah sahaja saya hendak berbahas. Saya harap, pihak berkuasa akan ambil kira ucapan saya tentang anggota-anggota kru. Dengan itu, saya sokong pindaan yang dicadangkan iaitu pindaan Akta Perikanan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh telah dapat menyampaikan dengan baik, hujah-hujah yang baik ya. Padat dan ringkas. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong, silakan.

4.18 ptg.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang kepada semua. Sebenarnya sebelum saya bermula, saya ingin memuji Yang Berhormat Senator Tuan Nga, saudara saya kerana saya rasa bahasa dia okey. Kalau dia lebih pakai, buat latihan banyak, maka dia memang boleh

pakai bahasa Malaysia dan selepas ini, saya harap bahasa beliau akan lebih cantik dan dipertingkatkan. Mohon baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyambut baik tentang pindaan ini kerana tepat masa juga menunjukkan komitmen Jabatan Perikanan Malaysia dalam membanteras gejala mengaut ikan dan salah laku yang dilakukan oleh nelayan asing yang dikatakan mencuri hasil laut negara kita. Ini kerana mengikut statistik yang saya terima, sebanyak 980,000 tan metrik hasil laut negara yang bernilai di antara RM3 bilion sehingga RM6 bilion. Setiap tahun, kita mengalami kerugian yang besar kerana isu-isu pencerobohan yang berlaku. Mengikut statistik juga Tuan Yang di-Pertua, hanya 50 peratus hasil tangkapan itu didaratkan di negara kita dan di mana separuhnya telah pun hilang daripada hasil negara kita.

Saya ingin tahu daripada Kementerian yang bertanggungjawab mengenai *Vessel Monitoring System* (VMS), dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang telah dikatakan berjaya mengesan vesel asing yang menceroboh ke perairan Malaysia dan laporan itu dihantar secara setiap hari kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

■ 1620

Saya ingin tahu keberkesanan VMS itu dan selepas laporan harian yang dihantar daripada Jabatan Perikanan melalui sistem VMS itu, apakah tindakan susulan daripada itu oleh APMM?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga diberitahu pada bulan April tahun ini, Kementerian-kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Luar dan Kementerian Pertahanan telah menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk menangani masalah ini. Ia melibatkan lebih kurang tujuh agensi termasuklah SPRM. Saya ingin mengetahui daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani keberkesanan pasukan berkenaan dan juga pencapaian pasukan petugas khas sehingga hari ini.

Ini kerana terdapat satu koordinasi yang baik tetapi saya rasa pendedahan kepada para nelayan ataupun masyarakat kita adalah kurang. Mereka tidak berapa faham tentang wujudnya pasukan tersebut dan saya telah menerima banyak aduan bahawa nelayan-nelayan ini mengajukan aduan kepada APMM dan selepas itu mereka tidak tahu sebenarnya di bawah Akta APMM itu Tuan Yang di-Pertua, seseorang pengadu itu boleh menerima status penyiasatan selepas empat minggu mereka melaporkan kegiatan pencerobohan. Itu seperti akta, dengan izin, *Criminal Procedure Code* di mana polis harus memaklumkan status penyiasatan sesuatu kes selepas empat minggu dan kesedaran itu harus kita bersama-sama melalui pasukan sebegini mendedahkan kepada pengadu. Oleh sebab aduan yang saya terima ini, mereka mengadu kepada APMM selepas itu, itu sahaja yang mereka dapat dan tidak ada satu *update* daripada pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga dakwaan ataupun yang dikatakan pencerobohan ataupun nelayan asing ini didalangi, *mastermind* oleh orang tempatan. Saya ingin tahu dengan usaha risikan yang dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan yang dapat- adakah kita dapat mengenal pasti siapakah di belakang sindiket-sindiket sebegini yang melibatkan orang tempatan? Saya anggap mereka ini pengkhianat negara kerana

mereka mencero boh dengan bersubahat dengan orang asing, mencero boh dan mengaut hasil negara kita. Ini harus- perbuatan orang-orang ini dapat dikesan dan dibawa ke mahkamah. Bukan sahaja nelayan-nelayan yang ditangkap tetapi juga orang di belakang sindiket tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Senator Tuan Nga ada mengatakan mengenai pendakwaan, dimasukkan ke penjara kerana mereka memang tidak mampu membayar, mereka lebih sanggup duduk dalam penjara kerana penginapan yang baik, makanan yang baik daripada laut, kehidupan yang baik.

Akan tetapi, adakah negara kita akan menyenaraihitamkan mereka ini melalui biometrik dan sebagainya supaya mereka tidak masuk sekali lagi dan membuat aktiviti yang sama selepas mereka dipenjarakan, mereka balik ke negara Vietnam ataupun Thailand mungkin mereka masuk lagi kerana mereka mempunyai kemahiran di laut. Adakah awak-awak ini akan disenaraihitamkan oleh pihak imigresen? Itu yang saya hendak tanya.

Kalau ada pendakwaan di mahkamah, saya seorang peguam dan saya tahu, kita kena membekalkan perkhidmatan jurubahasa kepada mereka, 10 orang, 20 orang dan ini memang memakan masa. Saya mahu mencadangkan supaya adakah kita boleh menghantar mereka balik selepas dikenal pasti warga asing ini dan kita hantar balik seterusnya tanpa perlu melalui proses yang sebegitu panjang yang kadang-kadang tempat yang kecil, bandar yang kecil susah untuk kita hendak mencari jurubahasa Vietnam dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi usaha yang saya hendak mendapatkan pandangan ataupun sedikit sebanyak daripada Menteri adalah saya menerima baik ada usaha daripada Menteri dalam memodenkan sektor perikanan untuk melibatkan lebih banyak golongan muda ke sektor ini. Saya ingin tahu kerana sektor ini berpotensi besar dan ia juga bukan berpotensi di pasaran tempatan sahaja bahkan juga menembusi pasaran antarabangsa. Apakah usaha yang akan ataupun pendekatan dari segi pasaran, dari segi latihan dan kursus-kursus supaya kita dapat mendorong golongan muda untuk menceburkan diri dalam sektor perikanan?

Saya ingin tahu daripada kementerian, mengikut statistik yang saya terima ada seramai kira-kira 125,000 orang nelayan di negara kita yang berdaftar dengan LKIM. Daripada 125,000 orang itu, saya ingin tahu, ada berapa ramai yang terdiri daripada golongan berumur 40 tahun ke bawah daripada para nelayan yang berdaftar dengan LKIM. Saya memang menerima baik supaya kita mendorong orang-orang muda kita memasuki, menceburkan diri dalam sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itu sedikit sebanyak *observation* daripada saya. Saya memang berharap agar satu koordinasi yang lebih baik dapat dilaksanakan dan melalui pasukan khas yang ditubuhkan, maka hasil negara kita boleh dilindungi dan saya mohon untuk menyokong sepenuhnya rang undang-undang tersebut. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong. Hujah yang baik.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

4.27 ptg.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Yang Berhormat Senator sekalian.

Saya menyambut baik usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh dengan meminda undang-undang supaya denda yang lebih berat dikenakan kepada pihak-pihak yang melanggar undang-undang negara kita. Di samping itu saya agak sedikit risau tentang penggunaan bahan kimia iaitu *formaldehyde* itu sejenis bahan kimia yang digunakan untuk mengawet mayat yang digunakan saya rasa secara berleluasa untuk mengawet ikan di negara kita. Ini sudah menjadi *open secret* sebahagian besar daripada rakyat tahu hal ini.

Masalah yang paling ditakuti adalah di punca iaitu apabila nelayan laut dalam menangkap ikan, mereka pergi selama sepuluh hari, dua minggu mungkin ke laut dan untuk membawa ais yang banyak, saya rasa tentulah menjadi satu bebanan yang besar dan apa yang mereka lakukan ialah mereka menggunakan *formaldehyde* untuk mengawet ikan. Ini diakui sendiri oleh beberapa orang peniaga yang saya tanyakan sendiri kepada mereka.

Jadi masalah yang paling besar dalam *formaldehyde* ini boleh menyebabkan berbelas-belas perkara negatif ataupun efek yang negatif kepada kesihatan antaranya boleh menyebabkan kanser hidung dan mulut, menyebabkan penyakit kulit, boleh menyebabkan penyakit pernafasan dan bermacam-macam lagi. Jadi saya mohon pihak Jabatan Perikanan khususnya kerana apabila menjalankan rondaan mungkin salah satu perkara yang boleh dipantau ataupun yang mesti dipantau adalah penggunaan *formaldehyde* ini. Jadi apabila sudah sampai di pasar atau di kedai-kedai, saya rasa agak sukar tindakan untuk diambil kerana mungkin pencemaran ataupun penggunaan bahan kimia tersebut telah dilakukan di laut sebelum mendaratkan ikan.

■1630

Jadi ini saya rasa perkara serius, saya tidak tahu bagaimana pihak kerajaan boleh mengatasi perkara ini. Sebagaimana yang saya katakan mungkin kalau sudah sampai di kedai atau di pasar mungkin tanggungjawab Kementerian Kesihatan.

Akan tetapi kemungkinan semasa di laut, Jabatan Perikanan Malaysia boleh melakukan sesuatu usaha untuk mengelak perkara ini daripada berlaku. Jadi, saya rasa saya tidak mahu komen panjang, jadi saya menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang Akta Perikanan 1985 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

Dan sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Senator Professor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, dipersilakan.

4.30 ptg.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada untuk bercakap sedikit pada petang ini dan saya perhatikan rakan-rakan saya telah pun memberikan pandangan yang cukup baik. Bahkan saya patut mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Yang Berhormat Menteri kerana telah mengambil satu langkah yang cukup bijak dan cukup berani. Ini kerana kita kena pastikan bahawa hasil tangkapan-tangkapan sumber laut, khususnya ikan sewajarnya tidak menimbulkan masalah kepada kita, kepada negara dan kepada rakyat.

Ini kerana saya perhatikan yang sebenarnya, pengalaman saya sendiri penguatkuasaan cukup penting dalam akta ini. Pindaan nampaknya kita bercakap dari segi penguatkuasaan, ia mesti dikuatkuasakan dengan sepenuhnya tanpa tolak ansur, tanpa ada unsur-unsur penyelewengan, rasuah dan lain-lain. Jikalau tidak, perkara ini tidak akan dapat kita selesaikan, bahkan masalah hasil laut akan menjadi satu masalah yang cukup kronik pada masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan menurut data Perikanan Dunia- *World Fish Data*, bekalan ikan untuk negara kita di perairan kita telah menurun sebanyak 80 peratus hingga 90 peratus. Bahkan dikatakan hampir 50 jenis spesies ikan telah pun pupus ataupun hampir pupus, *this is serious*. Sebanyak 50 spesies ikan pupus ataupun hampir pupus dan saya ingin berkongsi pengalaman saya sendiri, saya bersyukur beberapa tahun yang lepas saya dilantik sebagai Pengerusi Majlis Pengguna Negara, di mana salah satu bidang yang memang saya hendak lihat ialah masalah kos sara hidup dan masalah rakyat, mendapatkan bekalan makanan sumber laut khususnya ikan yang mencukupi dan dengan harga murah.

Maka sebagai Pengerusi Majlis Pengguna Negara ini, saya telah dapat jugalah menjenguk beberapa persatuan nelayan, jeti-jeti seluruh negara. Bahkan saya menggunakan wang sendiri, bahkan saya bersyukur- salah satunya saya telah dapat bermesyuarat dengan pihak-pihak persatuan nelayan yang dihadiri oleh jabatan-jabatan kerajaan yang lain, LKIM dan lain-lain bahkan daripada universiti yang mempunyai bidang dari segi maritim.

Saya hendak mengulas sedikit iaitu telah pun dijelaskan oleh rakan-rakan saya tadi. Saya hendak perkukuhkan lagi, apakah masalahnya? Masalah pertama saya perhatikan rata-rata menekankan tentang masalah nelayan-nelayan asing. Itu betul, memang betul. Saya dengar ramai sahabat-sahabat saya Yang Berhormat tadi menerangkan bagaimana nelayan-nelayan asing ini bermaharajalela. Mereka bukan sahaja menangkap ikan di kawasan-kawasan di laut luas, tetapi mereka mencerobohi, apatah lagi mencerobohi kawasan persisiran lima kilometer daripada persisiran laut adalah tidak dibenarkan menggunakan tukun, menggunakan pukot sama ada pukot tunda ataupun pukot harimau.

Pukot tunda ini Tuan Yang di-Pertua, yang sebenar Yang Berhormat Menteri, cukup-cukup bahaya. Pukot tunda ini, apabila mereka menggunakan pukot tunda, pukot tunda ini *is more serious then* pukot

harimau. Pukat tunda ini mereka akan menggunakan dua bot ataupun tiga bot, dia tariknya sampai ke dasar laut. Dia tariknya apa yang ada di dasar laut sehingga dasar laut itu menjadi padang pasir, bayangkan padang pasir di dasar laut Tuan Yang di-Pertua.

Anak-anak ikan dan anak kerang, anak ketam semuanya habis, semuanya habis. Di luar negara, saya belajar di US, saya mendapat banyak *feedback*, di luar negara mereka cukup *strict* dari segi undang-undang iaitu saiz ikan, saiz ketam, saiz kerang itu ada saiz tertentu yang dibenarkan untuk diambil. Jikalau sekiranya saiznya tidak mencukupi yang telah ditetapkan, jangan tangkap, bahkan kalau tangkap mesti dibuang. Jikalau nelayan itu tertangkap, mereka akan dihukum dengan serius, ini contoh di luar negara.

Kita tidak, kita benarkan. Habis kita kaut dan kita kaut ini banyak masalah termasuk masalah sosial di kalangan ikan. Masalah sosial di kalangan ikan pula, macam mana kita hendak cakap. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, bayangkan pentingnya anak-anak ikan ini membesar. Apabila dia besar, mereka akan mengawan dan juga mereka akan mengeluarkan anak dan membiak. Bayangkan anak-anak muda ikan jantan sedang berkeliaran tetapi tidak ada anak-anak gadis ikan. Semua sudah mati, memang betul... [Disampuk] Itu saya kata *social problem of the fish [Ketawa]*

Kau petang-petang ini jangan buat hal lah. Itu realiti. Saya bercakap Tuan Yang di-Pertua, saya pun tahu perasaan ikan. Di rumah saya ada dua *pond*, satu saya bela ikan... [Disampuk] *Fish pond*, satu lagi *fish pond* khas untuk saya membiakkan. Saya ambil tidak banyak, ada kala saya ambil tiga pasang, tiga jantan, tiga betina. Hendak pilih jantan atau betina pun saya tahu, itu Tuan Yang di-Pertua kena belajar daripada sayalah macam mana hendak pilih.

Ambil tiga pasang sahaja dalam satu *pond*, ikan lain tidak boleh dan yang penting dalam *pond* itu saya kena sediakan rumah. Ikan pun macam manusia, kalau kita *open* macam itu, dia pun malu, dia tidak hendak, *open* sahaja dia tidak hendak. Saya kena sediakan pasu-pasu pecah, saya taruh dalam *pond* itu, di situlah mereka berasmara dana. Maka membiaklah beratus-ratus anak ikan. Sama juga perasaan ikan pun ada, iaitu saya katakan tadi apabila anak-anak ikan yang masih kecil masih belum baligh lagi, bukan sahaja telah dinodai, ditangkap bahkan dibunuh. Apa jadi dengan pemuda-pemudi ikan tadi? Itu sebab dia tidak ada hasil ikan, walaupun itu nampak macam *joke* Tuan Yang di-Pertua, itu realitinya.

Saya hendak katakan tadi daripada pukat tunda ini, saya tidak tahulah Yang Berhormat Menteri ada sesetengah negara yang telah pun mengharamkan penggunaan pukat tunda. Kita tidak mengharamkan, kita boleh benarkan selepas lima kilometer. Pada hari ini mereka masuk, tepi pantai pun mereka hentam dan tidak ada undang-undang. Minta maaf cakap undang-undang ada tetapi tidak ada penguatkuasaan yang betul-betul, *enforcement* yang *strict*, yang berkesan.

Sebab-sebab mengapa tidak berlaku, mungkin Yang Berhormat Menteri kena *check*-lah. Saya tidak mahu turunkan satu persatu mengapa ia tidak berlaku. Undang-undang ada tetapi tidak jalan, apa hal? Itu *a big question mark* Yang Berhormat Menteri kena *check*. Itu sebab saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri tadi yang ini kita kena lakukan cepat. Jikalau tidak ikan ini akan pupus dan menimbulkan masalah yang cukup besar kepada kita Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terangkan di sini ...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Boleh mencelah?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, sila.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, memang kita setuju pindaan kepada Akta Perikanan 1985 ini. Apa yang kita ceritakan Yang Berhormat Senator, kita cerita fasal pencerobohan di laut dalam yang persisiran pantai itu memang perompaklah. Kita tahu kadang-kadang dilakukan oleh nelayan-nelayan kita, soalnya tadi *enforcement*, penguatkuasaan.

■1640

Memang cantik Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani buat undang-undang, pinda undang-undang, naikkan denda tapi pelaksanaannya yang kita persoalkan.

Kementerian Pertanian tidak akan melaksanakan tanpa bantuan daripada khususnya sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang merupakan penguasa yang telah dibebankan dengan akta ini tetapi mereka tidak mempunyai aset yang cukup. Kalau ikut artikel-artikel itu menjaga 200 kilometer persegi kawasan perairan hanya ada lima buah kapal kecil. Ini tidak mencukupi.

Bagaimana Yang Berhormat Senator kalau kita ajukan sokongan supaya APMM juga dipertingkatkan? Sekurang-kurangnya ada kapal besar yang boleh bawa helikopter. Bila di lautan dalam sana di *open sea* dipanggil, dia boleh gunakan helikopter untuk membuat pemantauan dengan lebih efektif.

Kita jangan benarkan nelayan-nelayan itu masuk ke kawasan kita, kita sudah halau dia. Kalau dia sudah masuk sudah jadi satu masalah. Jadi apa pandangan Senator kita sokongan supaya pihak APMM juga dipertingkatkan asetnya? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih, saya memang setuju. Bukan sahaja sewajarnya pihak kerajaan melipatgandakan aset-aset yang sedia ada yang sebenarnya tidak mencukupi tetapi memperkukuhkan lagi penggunaan teknologi-teknologi terkini seperti GPS dan lain-lain.

Saya rasa ini penting. Kalau saya kata ini kita tidak berani buat saya rasa kita akan menghadapi masalah yang cukup besar. Akan tetapi di sebalik ini juga berkenaan dengan bot-bot nelayan asing yang besar ini pun kita mempunyai masalah yang besar kerana ada penyelewengan.

Pertama di kalangan orang kita pun yang mendapat lesen mereka mengalibabakan kepada nelayan-nelayan Vietnam contohnya dan nelayan-nelayan ini mengguna lesen kita. Pemunya lesen nama-nama kita tetapi pekerja di dalam itu *almost 100 percent* dia orang dan apabila kita hendak tangkap, dia kata ini Malaysia punya. Apatah lagi kalau kita tidak serius, *enforcement* tidak serius, apatah lagi dengan unsur-unsur rasuah. Saya tidak mahu bercakap lebih panjanglah. Saya harap Yang Berhormat Menteri faham apa yang saya perkatkan tadi.

Kedua seterusnya, masalah pukut tunda ini juga menjadi masalah yang lebih besar apabila kita mempromosikan penggunaan baja ikan, yang saya kata tadi kita hakis dasar laut kerana produk baja ikan sekarang ini cukup popular. Produk baja ikan maksudnya ikan kecil- nelayan kita untuk mudah yang pukut

tunda untuk mudah cari duit. Dia pergi tempat yang pesisiran lima kilometer sebelum laut luas tadi mereka tangkap apa yang ada, anak-anak ikan tadi dengan begitu banyak, cukup banyak dan digunakan untuk jadi baja ikan, untuk projek akuakultur dan cukup popular mendatangkan hasil cukup banyak kepada nelayan.

Ini pun saya rasa Yang Berhormat Menteri kena fikir. Betullah, saya tahu kita perlukan makanan untuk projek akuakultur, kita faham tetapi caranya tidak betul menyebabkan nelayan menjadi tamak kerana dengan cara yang lebih mudah akhirnya dasar laut kita telah terhakis menjadi padang pasir, padang terkukur.

Saya masih teringat pada satu ketika kita bincang dari segi harga ikan kembung. Saya pun tertanya macam mana ikan kembung masa saya kecil dua *Riyal* sekilo. Sekarang ini dekat 18 *Riyal*. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, apa sebabnya? Sebabnya yang saya katakan tadi.

Contohnya di dalam baja ikan ini, ikan kembung mereka memerlukan 900 ekor anak ikan kembung satu kilogram, 900 ekor. Bayangkan kalau 900 ekor ini matang, satu kilogram enam ekor. Tadi kita sudah tangkap 900 ekor anak dara yang belum akil baligh tadi, kita tangkap. Kalau dia jadi, sudah boleh mengawan, dia sudah matang, satu kilogram enam ekor. Bermakna kalau 900 ekor anak ikan kembung dibiarkan membesar jumlahnya ialah 150 kilogram. Apa yang kita jahanamkan tadi, kita telah kerugian 150 kilogram.

Itu sebab Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan- yang saya setuju tadi mesti ada undang-undang yang *strict* iaitu yang saya kata mengharamkan penggunaan pukot tunda di kawasan lima kilometer daripada pesisiran dan pastikan penguatkuasaan yang betul-betul berkesan, melaksanakan program pemuliharaan hutan bakau, terumbu karang dan kawasan-kawasan pembiakan ikan, memulihara dan membiakkan semula semua spesies ikan terutamanya yang menghadapi ancaman kepupusan.

Itu adalah beberapa cadangan, saya satu, dua, tiga saya cuma *off the cuff* ini. Keempat, membentuk undang-undang yang lebih tegas kepada mereka yang bersalah dan memastikan *enforcement* dijalankan dengan cekap.

Di samping itu juga, yang lebih besar pada saya, saya hendak mencadangkan kepada pihak kementerian mewujudkan kerjasama N-BOS bersama kementerian lain. Contohnya, dengan Kementerian Pertahanan apabila kita bercakap dari segi aset dan sekuriti, *enforcement* dan juga Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Luar Negeri.

Seterusnya menyelaraskan bantuan maklumat dan peruntukan melalui LKIM negeri dan daerah. Melalui usaha ini kerajaan seharusnya menjadi tempat rujukan kepada pihak-pihak nelayan yang kebanyakannya dari mereka adalah orang-orang kampung yang tidak terdedah dengan kemudahan yang sebagaimana mereka yang tinggal di bandar.

Dalam masa yang sama, pihak kementerian harus menyediakan kursus-kursus dan latihan yang berkaitan bagi memastikan warga nelayan dan juga masyarakat sekiranya mendapat input yang betul untuk rujukan dan bekalan mereka bagi masa mendatang. Sebagai contoh, kerajaan boleh melaksanakan kursus-kursus keusahawanan bagi membimbing golongan ini keluar daripada kepompong kemiskinan.

Bercakap dari segi ikan tuna, sahabat saya Yang Berhormat Datuk Razali, di Terengganu yang sebenarnya memang cukup banyak ikan 'air' ya, apa?...

Datuk Razali bin Idris: Ikan aya.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ikan aya. "Aya", ya. Kena *pronounce* itu betul-betul sikit.

Datuk Razali bin Idris [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Keropok lekor.

Datuk Razali bin Idris: Ikan tongkol.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Oh, ikan tongkol [*Ketawa*]

Ikan aya ini tuna yang sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat kita mempunyai pengeluaran yang lebih mencukupi hingga kita menjual ke Thailand untuk pengetahuan. Dalam satu ketika kerajaan telah memberikan peruntukan untuk membuat satu *factory*. *If you can recall? But* sampai hari ini *factory* itu saya pun tidak tahu apa jadi.

Akhirnya nelayan-nelayan terpaksa menjual ikan tuna dengan harga yang murah ke Thailand. Saya di beritahu nelayan-nelayan semua tempat saya pergi mereka mengatakan yang sebenarnya *supply of fish* di negara kita ini mencukupi. Yang Berhormat Menteri mencukupi kalau kita betul-betul menjalankan usaha kita dengan gigih dan serius, *in syaa Allah* boleh termasuklah saya cadangkan tadi sebab benda ini sudah berlaku, pemuliharaan.

Saya harapkan Yang Berhormat Menteri dapat melihat perkara ini pemuliharaan adalah penting supaya kita betulkan balik. Kita ambil kembali spesies ikan yang saya kata telah pupus tadi.

Seterusnya membantu nelayan membina perumah ikan bagi memperbanyakkan hasil laut yang baharu. Telah saya jelaskan rumah ikan penting. Rumah ikan Yang Berhormat Menteri, rumah ikan yang sebenarnya boleh di buat di atas tukun dasar laut. Tukun dasar laut ini pentingnya dua. Pertama ia boleh menjadikan juga sebagai satu rumah ikan, yang keduanya ia boleh menjadi satu cara untuk mempertahankan dasar laut iaitu bot-bot nelayan yang menjalankan pukut tunda ini, dia kalau masuk ada tukun dasar laut itu *net* mereka akan hancur...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, sikit lagi. jadi tidak boleh detil nampaknya.

■1650

Saya maksudkan Yang Berhormat Menteri, cuma tukun dasar laut ini memerlukan kos yang agak tidaklah berapa tinggi, saya diberitahu lebih kurang RM25,000 untuk rumah ikan. Cukup murah. Pada saya, *it is not much*. Jadi ini kalau kita buat saya kata dua maksud tadi, yang pertama untuk rumah ikan, kedua untuk mempertahankan dasar laut daripada dicerobohi oleh pukut-pukut tunda.

Juga, menyediakan dasar khas masa depan golongan nelayan di negara kita. Saya rasa sudah sampai masanya Yang Berhormat Menteri, kerajaan menyediakan satu pelan baharu atau merangka dasar

yang jelas mengenai hasil laut negara kita. Kerangka dasar ini adalah untuk memastikan hasil laut negara dapat terus diperoleh melalui aspek-aspek penjagaan, hala tuju dan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan oleh bukan sahaja pihak kementerian, bahkan pusat-pusat akademik, nelayan, golongan usahawan dan sebagainya bagi menambah baik sistem yang diguna pakai pada hari ini. Bahkan, saya rasa ada contoh-contoh dasar yang telah pun kita lakukan seperti Dasar Pertanian Negara (DPN) ataupun Dasar Agromakanan Negara telah pun berkait rapat dengan apa yang saya telah katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang dapat saya perkatakan. Saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Saya mengharapkan pihak kerajaan dapat betul-betul melihat masalah kita ini. Kalau ini dapat kita perbaiki, kita perbetulkan dalam masa jangka 10 tahun, saya rasa *in syaa Allah* kita akan dapat menebus kembali pengurangan hasil laut untuk kegunaan rakyat kita secara keseluruhannya. Sekian dengan itu, saya menyokong rang undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Saya pandang tadi, baru saya tahu Tan Sri ini dalam ilmunya tentang ikan ini iaitu kecekapan dia. Dia tahu mana ikan dara, yang mana bukan dara. Jadi, setiap patah yang Yang Berhormat Senator cakap itu saya nampak Yang Berhormat Menteri kita catat satu-satu. Tahniah. Terima kasih. Akhir sekali saya menjemput...

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Yang Berhormat Menteri pula dia tahu mana duda, mana janda ikan itu [*Ketawa*]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Akhir sekali saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif. Silakan.

4.52 ptg.

Puan Sopiah binti Sharif: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi ruang kepada saya untuk bahas rang undang-undang berkaitan tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak bercakap panjang. Hanya cuma ada beberapa perkara sahaja yang ingin saya sentuh. Antara pindaan yang menyentuh terutamanya seksyen 25 dan seksyen 31 yang memang menyebut menyambut baik pindaan kepada undang-undang perikanan ini untuk meningkatkan saman lebih daripada 600 peratus terhadap kapal nelayan asing yang dibuktikan memancing dan mencerobohi perairan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini amat perlu kerana akta ini tidak pernah diperbaharui sejak tahun 1981. Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan juga menjalankan Ops Naga dengan kerjasama beberapa agensi dan kementerian. Saya diberitahu semenjak Mei tahun ini, sebanyak 52 kapal asing dari Vietnam telah ditangkap. Soalan saya, adakah perancangan agar denda ini dipertingkatkan lagi dari semasa ke masa hadapan? Saya juga ingin tahu, adakah berlaku sebarang penyelewengan pihak kita iaitu antara rasuah dan kebocoran maklumat?

Ini kerana keuntungan yang diperoleh nelayan asing ini mencecah jutaan ringgit. Jadi kalau sekadar memberi rasuah beberapa ribu sahaja, tiada menjadi masalah. Saya ingin tahu, adakah tindakan segera diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan kerajaan negara kita kehilangan hampir RM7 bilion setahun kerana hasil laut kita disebabkan pencerobohan kapal-kapal nelayan asing. Ada juga kes di mana nelayan asing berjaya menjalankan aktiviti haram selama sepuluh tahun tanpa dikesan...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, sekejap. Maaf ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Puan Sopiiah binti Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung balik. Hendak kena atas balikkah. Saya dimaklumkan kerajaan kita kehilangan hampir RM7 bilion setahun kerana hasil laut kita disebabkan pencerobohan kapal asing nelayan. Ada juga kes di mana nelayan asing ini berjaya menjalankan aktiviti haram selama sepuluh tahun tanpa dikesan dan sebelum ini berjaya ditangkap pada tahun lepas.

Dan juga, bot-bot tersebut juga menggunakan jaring ikan gergasi di mana jika digunakan sekali gus, panjangnya tidak kurang 29 kilometer boleh ditangkap ikan. Jaring ini merupakan ancaman kepada laut sekitar kawasan tersebut iaitu laut pantai. Malah, ia mengakibatkan ketidakstabilan dan pencemaran kepada penghidupan ikan di laut kita.

Tuan Yang di-Pertua, situasi ini memerlukan kerjasama antara kementerian termasuk kerjasama daripada negara luar. Soalan saya, bagaimanakah hubungan kerjasama terjalin di antara penguasaan negara kita dengan penguasaan negara jiran? Sebagai contoh, Indonesia, Filipina termasuklah juga Vietnam kerana kita dapati ramai nelayan terdiri daripada warga Vietnam yang menceroboh di sempadan perairan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sedang kita berbahas rang undang-undang ini, saya tidak boleh lari daripada berbangkitnya mengenai masalah yang dihadapi, terutama sara hidup nelayan. Saya pun salah seorang yang duduk di dalam kampung nelayan iaitu Kampung Nelayan Sungai Udang, Nibong Tebal. Bab pukot tunda, pukot apolo, pukot harimau itu biasalah bagi saya di Nibong Tebal dan juga di kawasan Batu Kawan, Pulau Aman dan sempadan Tanjung Piandang. Itu kawasan-kawasan nelayan.

Ibarat nelayan kata, "Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Bila bot-bot pekerja-pekerja yang di sisir pantai yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali tadi, ini mengakibatkan sara hidup kepada nelayan. Hanyalah sesetengah itu bergantung kepada nelayan. Kalau seminggu tidak pergi nelayan, makanan pun kata orang Pulau Pinang, *miss* makan.

■1700

Jadi, dengan ini saya sebenarnya- saya dimaklumkan baru-baru ini Mesyuarat Dewan Rakyat di sini, ada rombongan daripada Pulau Pinang. Salam juga dari Pulau Pinang untuk Ahli Dewan Negara pada hari ini, yang mana mereka datang berhimpun merujuk kepada Ahli Dewan Rakyat dan juga kepada kakitangan kerajaan yang terlibat dengan pasang sepanduk, bawa ikan kering, bawa pekasam dan juga bawa *parcel*, menunjukkan apabila berlakunya keadaan seperti yang disebutkan tadi, musim tengkujuh- tetapi untuk maklum Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Nibong Tebal tidak ada lah musim tengkujuh.

Akan tetapi, bila *mai* musim hujan dan sebagainya, menyebabkan pencarian tidak dapat diurus dengan sempurna. Kadang-kadang menyebabkan anak hendak pergi sekolah pun tidak ada duit saku. Itu bukan main-main, kenyataan kata P. Ramlee.

Dengan ini, saya rasa kita perlu memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada saraan hidup terhadap kaum nelayan terutamanya hanyalah bertumpu- untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, kadang-kadang sudah beralih ubah. Memanglah kita tahu kalau dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, di Pulau Pinang ada kilang.

Isteri kerja kilang, suami duduk di rumah sebab suami tidak boleh bekerja menyebabkan anak tidak ada pengurusan, menyebabkan berlaku masalah yang tidak dapat diatasi oleh sebuah keluarga. Hanya ibu bagi duit tunai untuk belanja sekolah ataupun belanja di rumah, betulkah dia makan makanan yang sempurna? Atau duit itu dia guna hidu gam dan sebagainya. Ini banyak berlaku di kawasan daerah saya, minta maaf.

Saya rasa inilah yang perlu kita ambil perhatian terutamanya persatuan nelayan. Persatuan nelayan ini bila mesyuarat sekalipun, ada perkara dibincangkan, ada perkara-perkara yang dibawa yang boleh- biasalah, kaum nelayan ini bukan ada pelajaran sangat. Dia kata 'A', maka 'A' lah. Dia kata 'B', maka 'B' lah. Ini menyebabkan tidak dapat kita lihat kemajuan yang dibawa oleh kaum-kaum nelayan.

Oleh sebab itulah saya rasa, saya ingin menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019, disokong. Sekian. *Wabillahitaufik, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Usul?

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****5.03 ptg.**

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan DR.16/2019, Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019; dan DR.22/2019, Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 2019 seperti yang tertera di No.1 dan No.2, dan ucapan-ucapan penangguhan pada muka surat akhir di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga 10 pagi, hari Rabu, 31 Julai 2019.”

Tuan Yang di-Pertua: Siapa menyokong?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Saya bangun untuk menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan, Yang Berhormat Menteri Pertanian.

5.04 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]: Tuan Yang di-Pertua, berapakah masa saya diizinkan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Masa, masa?

Tuan Yang di-Pertua: Masa sehingga Yang Berhormat Menteri habis.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Okey, terima kasih.

Bismillahi Rahmani Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas sambutan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di Dewan Negara yang berjumlah seramai 19 orang yang berucap. Di Dewan Rakyat tempoh hari seramai 32 orang, yang membuktikan bahawa rang undang-undang ini sangat dekat dengan hati kita, dengan perjuangan kita.

Saya meneliti bersama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya setiap patah dan setiap ayat yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas; Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai; Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari; Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani; Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh; Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali; Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing; Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat; Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh; Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong; Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah; dan Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, yang mengambil bahagian dalam perbahasan yang penting ini.

Saya mendapati ada tiga bidang yang menjadi tumpuan kepada perbahasan ini yang semuanya mencakupi isu-isu di dalamnya iaitu, yang pertama- tentang isu pencerobohan *vessel* asing, khususnya *vessel* daripada negara Vietnam.

Kedua, menyentuh dan keprihatinan terhadap bagaimana kita harus menguatkuasakan *in terms of enforcement*, yang perlu kita lakukan dengan bersungguh-sungguh.

Ketiga, ya saya faham tentang kebijakan nelayan. Program-program, hala tuju kita dan juga menyentuh secara spesifik tentang elaun sara hidup nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas yang membangkitkan isu berkaitan dengan denda kepada nelayan asing, hukuman sebat dan pengurusan *vessel* yang dirampas. Saya ingin mengatakan di sini bahawa kita sebenarnya selepas pindaan ini pun, denda yang akan kita kuatkuasakan masih rendah jika dibandingkan dengan negara serantau seperti Indonesia yang memberikan denda USD1.5 juta; Thailand mengenakan denda USD1.0 juta; manakala pihak *European Union* (EU) juga telah mengatakan hal yang sama.

Justeru itu, dalam pindaan akta kepada kali ini, kita menaikannya supaya ia sesuai dengan instrumen antarabangsa. Sama ada mereka suka atau mereka merasa enak untuk tidur dalam penjara-penjara kita, itu adalah perkara yang lain yang boleh kita bincangkan.

Akan tetapi yang penting di sini adalah kita telah memberikan suatu isyarat yang jelas bahawa kita bersedia untuk menguatkuasakan segala denda. Sekiranya pindaan ini telah diluluskan nanti, Yang Berhormat Menteri diberikan kuasa untuk melakukan apa-apa peraturan. Setelah mahkamah memberikan keputusan untuk melucutkan hak, maka di sini saya ingin mengatakan kita akan *in syaa Allah*, melupuskan *vessel* asing ini. Sama ada kita tenggelamkan- saya sedang berbincang dengan pihak keselamatan dalam negeri dan pihak alam sekitar, sekiranya boleh kita letupkan sebagai satu tanda dan isyarat kepada dunia luar bahawa kita bersedia untuk menguatkuasakan sepenuhnya dan memelihara sumber ikan kita, *in syaa Allah*, dengan penguatkuasaan yang lebih tegas.

Saya juga ingin mengatakan di sini bahawa Artikel 79, *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) jelas juga tidak membenarkan hukuman penjara kepada pesalah di bawah undang-undang perikanan. Oleh itu, hukuman sebatan juga tidak boleh dilaksanakan ke atas pesalah selaras dengan UNCLOS tersebut.

■1710

Jadi, ada pandangan untuk kita sebat dan seumpamanya. Kita mengamalkan *rule of law* dan juga kita terikat dengan undang-undang seperti UNCLOS ini. Maka, kita akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya yang tidak berlaku apa yang dinamakan kezaliman terhadap mereka.

Pada masa ini, kerajaan tidak lagi membuat lelongan *vessel* asing yang disita bagi mengelakkan *vessel* tersebut dijual semula kepada nelayan asing. Oleh sebab itu, saya sudah tegaskan tadi, kita tidak bercadang untuk melelongkannya kembali kerana ada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengatakan tadi mungkin ada unsur-unsur pengkhianatan di kalangan kita yang kita rasakan perlu untuk kita elakkan kerana kita perlu untuk memastikan tidak berlaku pengkhianatan di antara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sukarnya kita dengan isu pengkhianatan ini, "*You know the saddest thing about betrayal, it never comes from your enemy.*" Ia datang daripada kalangan kita juga. Oleh itu, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tadi yang bersyarah adakah ia datang daripada kita, di kalangan kita sendiri? Maka, menjadi tanggungjawab kerajaan yang ada pada hari ini untuk menguatkuasakan sepenuhnya tanpa kompromi pada masa akan datang tentang kesalahan-kesalahan yang melibatkan pencerobohan *vessel* asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2006 hingga kini, sejumlah 331 *vessel* asing telah dilupuskan sebagai tukun tiruan. Maknanya sebelum ini pun kita telah menguatkuasakan. Akan tetapi saya ingin menyatakan dalam masa tempoh tiga bulan Operasi Naga dikuatkuasakan dengan sepenuhnya yang melibatkan empat kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan, dalam tempoh tiga bulan setakat hari ini, kita telah menahan 70 buah *vessel* dan 50 buah adalah *vessel* Vietnam dan yang selebihnya adalah *vessel* tempatan yang menceroboh kawasan mungkin *vessel* daripada kawasan 'B' atau 'C' yang masuk dalam kawasan 'A'. Ini kita akan kuatkuasakan sepenuhnya.

Kerajaan juga telah melaksanakan *Ecosystem Approach Fisheries Management* (EAFM) yang merupakan suatu kaedah pendekatan pengurusan perikanan yang berasaskan ekosistem. Konsep ini telah dilaksanakan di Badan Makanan Dunia (FAO) yang telah menganggarkan bahawa pada tahun 2050, sumber perikanan dunia akan menghadapi cabaran yang besar kerana peningkatan penduduk dunia akan menambah tekanan terhadap sumber perikanan kita. Oleh itu, kita bertanggungjawab bersama untuk memulihkan isu ini.

Dalam mesyuarat saya yang mewakili kementerian dan negara bersama dengan Menteri Kelautan dan Perikanan Indonesia, Ibu Susi Pudjiastuti- tadi ada Yang Berhormat Senator Prof. Tan Sri mengatakan bahawa kita mungkin sepuluh tahun untuk melihat kembalinya sumber kita pulih. *In syaa Allah*, Yang

Berhormat Senator Tan Sri, jangan tunggu sepuluh tahun, kalau kita kuatkuasakan sepenuhnya, tidak ada lagi *vessel* asing yang mampu masuk dalam perairan kita dan kita kuatkuasakan semua pukat-pukat dan bot-bot yang melanggar peraturan, Ibu Susi mengatakan sekarang tempoh empat tahun, ikan tuna mereka telah berenang-renang di pantai Indonesia.

Nelayan Indonesia pada hari ini hanya menggunakan bot-bot kecil sahaja iaitu di bawah 10 GRT. Bot kecil, mungkin lesen 'A'. Tidak ada bot pukat tunda, tidak ada bot besar. Kerana apa, dengan bot kecil sahaja, nelayan Indonesia telah mendapat pendapatan yang lumayan kerana sumber itu dipelihara. Ini adalah di antara tumpuan yang, *insya-Allah*, akan saya berikan sepenuhnya terhadap tanggungjawab ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili telah menyebut tentang *vessel* tempatan yang bersubahat dalam aktiviti *vessel clone*. Bagi membanteras bot klon ini, kerajaan melalui Jabatan Perikanan Malaysia sedang meningkatkan ciri-ciri pengenalan dan keselamatan *vessel* tempatan dengan menggunakan QR bar kod *Radio Frequency Identification* (RFID) selain sistem pelesenan ketat menggunakan pengesanan melalui satelit iaitu *mobile tracking unit* serta syarat-syarat lesen yang lain.

Kementerian juga melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil tindakan sewajarnya dengan membangunkan SOP yang ketat dan telus bagi memastikan tidak ada unsur-unsur rasuah dan campur tangan dalam urusan pelesenan.

Semasa kami berbahas isu ini di Dewan Rakyat, masa itulah timbul beberapa akhbar tempatan yang telah berjaya membongkar isu pengklonan yang dikatakan berlaku di Vietnam. Saya dengan segera telah mengarahkan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan untuk mengadakan pertemuan dengan akhbar tersebut dan sekarang Jabatan Perikanan sedang mengenal pasti kerana dalam fakta-fakta yang dikemukakan, ada terdampar nombor-nombor plat ataupun nombor-nombor pendaftaran *vessels* tersebut. Saya sedang menunggu laporan dan sekiranya benar, tuan punya bot-bot ini, sebagaimana yang disyorkan tadi di kalangan Yang Berhormat Senator, saya tidak teragak-agak untuk menamatkan lesen mereka.

Itu untuk kita memastikan pemain-pemain ini adalah benar-benar mereka yang terlibat dengan industri perikanan. *No more rent-seeker*. Tidak ada lagi ya yang datang kepada saya dan kementerian untuk hanya dapat lesen dan mengalibabakan lesen ini. Ini, *in syaa Allah*, doakan saya punya kekuatan untuk menghadapi cabaran-cabaran yang bukan mudah ini, *in syaa Allah*.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail bin Yusop meminta penjelasan kerjasama antara negara dalam isu perikanan. Di sini saya menyatakan bahawa di peringkat ASEAN, kita telah melaksanakan apa yang dikatakan *ASEAN Sectoral Working Group on Fisheries* di bawah platform AMAF iaitu *ASEAN Ministerial in Agriculture and Forestry* di mana Jabatan Perikanan merupakan *contact point* untuk *working group* ini. Selain daripada kerjasama teknikal, *working group* ini membincangkan *Regional Plan of Action* (RPOA) dan *IUU fishing*.

Selain daripada platform ASEAN, Malaysia turut serta mengadakan kerjasama secara bilateral dengan negara-negara ASEAN yang lain seperti Indonesia, Vietnam dan Thailand. Semasa saya

menghadiri mesyuarat bersama dengan Menteri-menteri Pertanian ASEAN, saya telah secara berdepan mengemukakan isu pencerobohan *vesse/* Vietnam di hadapan Menteri Pertanian Vietnam. Mereka ini Vietkong ya. Jadi, saya telah berikan dan menyatakan pendirian tegas Malaysia dan di hadapan kita, mereka menyatakan mereka akan membuat kerjasama. Akan tetapi, tiga bulan kita buat Operasi Naga, kita tahan lagi 50 buah *vesse/* daripada Vietnam. Itu akan kita selesaikan secara kemudian.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail bin Yusop, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani dan Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat meminta saya untuk menyatakan tentang isu-isu berkaitan kebajikan nelayan, elaun sara hidup, kriteria pemutihan, isu manipulasi *seaman book*, pas pelaut dan seumpamanya.

Ingin saya menyatakan bahawa bagi terus menjaga kebajikan dan meningkatkan pendapatan nelayan, Jabatan Perikanan Malaysia telah memperkenalkan program MyKomuniti Perikanan (MyKP) iaitu satu konsep pendekatan pengembangan secara berkumpulan yang dibangunkan bersama kumpulan sasaran dan diguna pakai oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Sebanyak 73 MyKP yang melibatkan 2,100 individu terdiri daripada komuniti nelayan pantai dan darat. MyKP akan digalakkan melaksanakan aktiviti ekonomi bagi tujuan menjana pendapatan tambahan kepada ahli yang bernaung di bawahnya.

Semalam saya berada di Kuala Kedah bersama dengan LKIM dan bersama dengan Agrobank. Agrobank telah mengemukakan satu skim Agro Nisaa'.

■1720

Semalam kita sudah mendaftarkan hampir 500 isteri-isteri nelayan dengan kita memberikan pinjaman mudah sebanyak RM5,000 di peringkat permulaan, untuk isteri-isteri nelayan sama ada membantu menjual hasil-hasil tangkapan suami mereka ataupun membangunkan industri asas tani. Jadi, dengan pinjaman RM5,000 ini, Agro Bank dan kepakaran kita, akan memantau dan membantu mereka. Sekiranya mereka berjaya, kita tambah lagi kepada RM10,000, RM15,000, RM30,000 dan hingga boleh RM50,000.

Saya ingin menyatakan di sini, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, mengikut kajian bank-bank dunia dan daripada Bank Negara kita dan juga kajian yang dibuat oleh Dr. Muhammad Yunus di Bangladesh, *alhamdulillah*, peratusan wanita membayar balik kredit ini adalah 99.9 peratus. Tahniah kepada wanita... [Tepuk]

Puan Hajah Sabani binti Mat: Yang Berhormat Menteri, boleh hendak minta sedikit? Saya hendak tanya berhubung dengan tadi Agro Bank, berhubung dengan yang diperkenalkan mulanya di Kuala Kedah. Yang Berhormat Menteri, memandangkan projek itu saya rasa sebagai satu yang *in shaa Allah* cukup berjaya, bilakah projek yang serupa itu ataupun program yang serupa itu akan diperkenalkan di kawasan-kawasan nelayan yang lain? Terima kasih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya akan mohon peruntukan yang lebih daripada Agro Bank. Sekarang kita mula dengan RM3 juta. Saya akan melihat *progress* tentang program ini. Sekiranya ia mendapat sambutan dan wanita-wanita kita berjaya menjadi usahawan, *in shaa Allah*, kita akan lakukan

program ini di seluruh negara. Doakan bahawa kita dapat bekerja keras untuk memulihkan ekonomi-ekonomi negara kita dan banyak lagi wang ini akan kita gunakan kepada golongan sasaran kita, *in shaa Allah*.

Memang saya suka melihat. Bila saya pergi kepada Hari PeladangNita yang diadakan di Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia, saya pergi gerai ke gerai, ada wanita atau usahawan wanita yang menjual serunding ikan, serunding daging mendapat pendapatan RM14,000 satu bulan bersih. Gerai yang paling sikit pendapatan yang saya lawati, pendapatan bersih adalah RM3,000 satu bulan. Ini membuktikan bahawa sekiranya kita memberikan tumpuan atau fokus ini kepada golongan sasaran, *in shaa Allah* kita akan berjaya.

Kemudian tentang elaun sara hidup. Saya telah perjelaskan banyak kali, juga saya *in shaa Allah* akan bekerja keras untuk meyakinkan kerajaan. Cita-cita saya- saya ingin tender, nyatakan saya sudah sebut dalam Dewan Rakyat, sekarang saya sebut dalam Dewan Negara- saya akan berusaha dan cita-cita saya adalah paling tidak pun untuk bajet tahun hadapan, kita kembalikan elaun sara hidup ini sebanyak RM300, *in shaa Allah*. Itu perjuangan yang saya akan teruskan. Di samping isteri mereka kita bantu. Isteri mereka yang ingin menjadi usahawan, kita akan bantu dengan banyak lagi skim-skim yang akan kita peroleh dan *in shaa Allah*, pendapatan mereka akan dapat kita tingkatkan.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop dan Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat yang menyatakan penglibatan belia dalam sektor perikanan dan penubuhan pusat latihan khas. Kita sudah ada sebenarnya Yang Berhormat Senator pusat latihan kita iaitu Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Lumut, Perak dan Akademi Perikanan Malaysia di Chendering, Terengganu. Kedua-duanya melahirkan graduan di peringkat diploma. Cuma satu Yang Berhormat yang saya sudah sembang, saya sudah turun padang dan sudah bincang, tahan kah kita hendak pergi ke laut ini? Hendak pergi ke *high sea* ataupun *deep sea* ini selama dua minggu, tiga minggu dan seterusnya.

Kenapa kita hari ini terpaksa bergantung pada awak-awak asing ini adalah kerana faktor ini. Jadi, bukan mudah Yang Berhormat Senator. Kapasiti kolej kita, *alhamdulillah*. Kalau di bidang teknikal, anak muda kita sudah ada diploma dalam bidang perikanan yang dalam banyak sektor ini, kita sudah ada tenaga separuh mahir yang cukup kompeten.

Akan tetapi, masanya. Masa yang mereka akan berikan ataupun kemampuan mereka ataupun adakah mereka sanggup pergi ke laut-laut lepas ini, itu satu isu yang lain. Akan tetapi dari segi kelengkapan, kolej-kolej kita telah dapat untuk melahirkan graduan-graduan yang tidak mengecewakan dari segi kepakaran.

Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari tentang pembangunan akuakultur. Pada masa ini, kerajaan sedang mempergiatkan aktiviti pembangunan akuakultur bagi mengimbangi kebergantungan negara kepada perikanan. Yang Berhormat Senator boleh melawat beberapa hab yang boleh kita jadikan contoh. Kalau ada masa pergilah ke Balik Pulau, Pulau Pinang dan kalau ke selatan, singgahlah di Kukup Laut. Di sana, kita akan melihat bagaimana pesatnya pembangunan akuakultur ini. *Marketing*, tidak ada

masalah. Bela sahajalah. *Singapore*, Taiwan, China, sangat minat dan sentiasa membeli dan ketidakcukupan *supply* untuk kita eksport ke luar negara.

Jadi, bidang akuakultur ini menjanjikan sesuatu yang penting dan inilah antara rancangan kita bagi nelayan-nelayan kita yang di kawasan perairan pantai ini supaya kalau boleh kita mengalih mereka secara perlahan-lahan untuk masuk pada bidang akuakultur bagi menambahkan pendapatan mereka, *in shaa Allah*.

Kemudian, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa kita telah memantapkan ladang sinergi melalui pengukuhan projek sedia ada dan penambahan projek iaitu kawasan baharu. Sebanyak tiga buah ladang sinergi akan ditambah dengan sistem ternakan baharu iaitu di Pulau Aman, Pulau Pinang, Pulau Pangkor dan juga di Tasik Temenggor di Perak. Ini projek-projek yang sedang dalam *progress*.

Memperkasakan estet ikan dengan mengekalkan produktiviti sedia ada serta menambah aset-aset baharu. Sehingga kini, terdapat empat buah estet telah dibangunkan di Pahang, satu buah estet di Negeri Sembilan dan sasaran pengeluaran daripada estet-estet ini adalah sebanyak 710 tan metrik pada tahun 2020. Ini unjuran kita.

Kita juga mengukuhkan sistem kluster ternakan dan pembenihan dengan mewujudkan program pembenihan ikan seperti siakap, kerapu, tilapia dan udang laut serta memberikan khidmat sokongan melalui sistem penyampaian dan khidmat sokongan akuakultur. Kementerian menyasarkan jumlah benih ikan marin yang akan dihasilkan pada tahun 2020 adalah sebanyak 1.1 bilion ekor. Manakala, bagi ikan air tawar ialah sebanyak 643 juta ekor.

Saya dalam merangka Yang Berhormat untuk hadir satu Persidangan Perairan di Bali pada 1 hingga 5 September. Saya difahamkan ada suatu kawasan di Bali yang sangat berjaya dalam *breeding*-dalam menternak spesies ikan kerapu ini. Saya bercadang untuk membawa kepakaran kita dan *players* kita yang berminat untuk bersama dengan rombongan ini, dan *in shaa Allah*, kita perkasakan lagi sektor ini.

Kemudian, kita juga mewujudkan program yang bertujuan untuk memberikan sokongan kepada komuniti dan pengusaha ikan hiasan seperti beta, *guppy* dan udang hiasan. Melalui program ini, bantuan bagi peningkatan kemudahan dan peralatan turun kita sediakan. Ikan hiasan ini Yang Berhormat Senator, kalau kena caranya, ikan pelaga yang kecil itu pun masa kecil dahulu kita main di parit itu, harganya boleh mencapai yang spesies paling baik, sampai RM300 satu ekor. Jadi, ini satu sektor yang saya rasa boleh menggamit anak-anak muda untuk mereka memastikan sektor ini dapat kita bangunkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, pembangunan penggunaan bahan letupan dalam aktiviti menangkap ikan iaitu pemasangan alat *Automatic Identification System* (AIS) menggunakan letupan dalam aktiviti menangkap ikan di laut adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985. Dari tahun 2015 sehingga kini, sebanyak 156 kes menggunakan bahan letupan telah ditangkap dan didakwa di mahkamah.

■1730

Penguatkuasaan kita serahkan kepada KDN pihak polis. Kementerian melalui Jabatan Perikanan mewajibkan pemasangan ais pada semua *vessel*/pukat tunda Zon 'B'. Pemasangan alat ini adalah bagi tujuan pemantauan pergerakan *vessel*/pada zon yang telah ditetapkan. Sehingga kini sebanyak 2,098 unit *vessel*/pukat tunda Zon 'B' telah dipasang oleh alat ais. Daripada jumlah keseluruhan yang akan dipasang adalah sebanyak 2,630 unit.

Saya setuju Yang Berhormat, alat boleh kita pasang daripada *headquarters* kita nampak *vessel* ini pergi mana, dia keluar ke mana, dia pergi ke zon mana. Akan tetapi akhirnya adalah *enforcement*. Kalau dia lama tengah laut itu, apa kerja dia. Dia menangkap ikan ataupun dia jual ikan kita di tengah laut. Itu adalah memerlukan satu tindakan yang lebih tegas di mana kita telah memastikan lesen-lesen yang kita berikan kepada *vessel*/ini mendaratkan ikan di semua jeti-jeti LKIM kita.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, sikit hendak mencelah. Hendak minta pencerahan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri. Merujuk kepada *statement* Yang Berhormat Menteri sebut ada yang jual ikan di tengah laut ini. Anggarannya agak-agak berapa tahunan jumlah jualan yang dibuat di atas laut? Ada tidak angka tersebut? Tadi Yang Berhormat Menteri sebut tadi jualan di tengah laut itu. Bermakna wujud senario pemilik-pemilik *vessel*/ ini tidak bawa ikan itu, jual ke tempat turun ikan tapi transaksi berlaku mungkin melibatkan pembeli daripada luar negara yang menawarkan harga yang jauh lebih tinggi. Jadi anggarannya berapa tahunan kehilangan ataupun transaksi tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat, mengikut data umum saya tidak ada spesifik tetapi data umum yang melibatkan kerajaan rugi kehilangan hasil adalah sebanyak RM5 bilion. Itu umum kita hilang hasil.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Hasil itu maksud dia apa Tuan Yang di-Pertua? Hasil itu bermakna dalam bentuk cukai kah apa?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Hasil itu nilai ikan.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Nilai ikan. RM5 bilion besar, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Oleh sebab itu kita melihat bahawa kadang-kadang mereka tidak hairan untuk mereka melepaskan kalau mereka ditangkap ini, mereka boleh bayar. Hatta kadang-kadang kalau di Indonesia, mereka boleh hantar peguam sebagai contoh kerana hasilnya lumayan. Jadi kalau pergi dua minggu, tiga minggu, sebulan ke tengah laut, jadi maknanya hasil yang ditangkap itu maknanya sangat lumayan.

Ikan-ikan kelas 'A' kita, yang ini yang dilaporkan kepada saya yang hilang, yang banyak hilang daripada yang sepatutnya didaratkan di jeti-jeti kita yang masuklah hasil negara kita, kita hilang. Oleh itu Yang Berhormat faham dan bersamalah dengan saya mendukung hasrat kerajaan baharu untuk benar-benar dapat menguatkuasakan dan saya pun faham kadang-kadang *vessel*- pemilik *vessel* ini adalah

merupakan orang-orang tertentu yang kalau hendak tahu spesifik, boleh minum kopi dengan saya setelah saya dapatkan maklumat, *in shaa Allah*.

Jadi ini semua memerlukan komitmen. *I must have a courage. I must have a guard to do this, please support me. In shaa Allah* kita akan dapat secara perlahan-lahan mengembalikan hasil negara kita ini, *in shaa Allah*.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dato' Haji Yahaya bin Mat Ghani dan Yang Berhormat Senator Haji Abidullah bin Salleh, *vesse/* terpakai lebih 20 tahun, pembangunan tukun, takrifan laut lepas, tempoh sah permit. Pada masa ini kerajaan hanya membenarkan pelesenan *vesse/* yang mengikut garis panduan pemodenan *vesse/*. Dasar sebelum ini yang membenarkan *vesse/* terpakai lebih 20 tahun tidak lagi sesuai atas faktor-faktor keselamatan, *seaworthy* ataupun tidak layak.

Bagi menambah dan mengurus stok ikan negara secara mampan, kerajaan telah membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Perikanan Tangkapan 2015-2020 yang menggariskan berkenaan enam isu cabaran iaitu:

- (i) pemeraksanaan pengurusan sumber perikanan;
- (ii) peningkatan kapasiti pemantauan kawalan dan pengawasan;
- (iii) infrastruktur logistik;
- (iv) modal insan;
- (v) perkongsian maklumat perikanan; dan
- (vi) peningkatan peralatan ikan laut dalam.

Selain itu kerajaan juga telah membangunkan sebanyak 215 tapak tukun sejak 2006 hingga kini dengan kos keseluruhan berjumlah RM65 juta di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut sebanyak 124 tapak tukun merupakan tukun konservasi yang dibangunkan bagi tujuan pemeliharaan dalam membantu mengatasi masalah kekurangan sumber ikan di perairan Malaysia.

Kita juga sedang bincang dengan Petronas untuk kita boleh jadikan platform ataupun bekas-bekas pelantar minyak yang tidak lagi beroperasi untuk kita letakkan di lokasi strategik untuk kita jadikan tukun. Ini sedang dalam perbincangan dan *in shaa Allah* ini antara usaha kita untuk meramaikan lagi mahligai-mahligai ataupun kondominium ikan di dasar laut.

Laut lepas ditakrifkan sebagai laut yang di luar daripada bidang kuasa Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) iaitu 200 batu nautika ke atas laut wilayah atau perairan kepulauan sesebuah negara. Manakala laut dalam bermula daripada perairan negara sehingga Zon Ekonomi Eksklusif yang terletak di antara 30 hingga 200 batu nautika. Itu *deep sea* yang lebih daripada 200 itu adalah kita namakan *high sea* ataupun nama senangnya adalah laut dalam sampai EEZ, yang lepas itu adalah lautan. Pergi ke Lautan Hindi ataupun esok kalau kita mampu, kita pergi ke Lautan Pasifik ataupun Lautan Atlantik.

Tempoh sah permit ataupun tempoh perolehan *vesse/* baru adalah diberi selama atau 12 bulan. Namun pelanjutan tempoh maksimum boleh diberi sehingga satu setengah tahun dengan syarat ada kemajuan dalam proses pembinaan dan perolehan. Yang Berhormat Senator yang bertanya tadi, *insya-*

Allah Jabatan Perikanan tidak zalim. Kita pantaulah, pantau, tengok *progress*, tanya apa masalah, apa yang perlu dibantu dan tidaklah maknanya secara kejam tidak cukup setahun, rampas lesen, tidak begitu. Jadi kita ada *discretion*, ada timbang tara yang boleh kita- demikian juga saya perlu melihat keseluruhan secara holistik dasar-dasar baru yang diperlukan. Ini kerana hendak tunggu ataupun hendak ikut *spec* atau buku pada hari ini, hendak bina satu *vessel*/ besi baru dalam negara saya difahamkan paling kurang pun RM2 juta.

Jadi saya berfikir setelah saya melihat semua senario itu, *why not* kalau kita tidak mampu beli kereta baru, ada pilihan kereta *recon*. Baru juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh tahan juga. Kadang-kadang *mileage*-nya pun rendah juga macam kereta baru. Jadi kita *unregistered* di negara asal, masuk dalam negara kita. Itu mungkin satu kaedah yang boleh kita berikan kerana kalau kita mahu kita lebih laju untuk merebut industri ini, dasar-dasar yang mengekang kita itu harus kita lihat kembali.

Ini dalam proses untuk saya melihat secara holistik tentang dasar-dasar lama dan pembaharuan dasar-dasar yang boleh menguntungkan dan memudahkan, *make things easy*. Itu yang saya- konsep yang saya ingin lakukan dalam kementerian. Kalau ada isu-isu birokrasi yang menyulitkan, kita cuba permudahkan, *in shaa Allah*.

Kemudian Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Yahaya bin Mat Ghani dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh tentang pemantauan dan pengawalan *vessel*, penguatkuasaan. Malaysia sedang memajukan surat pada tahun 2015 kepada negara-negara serantau mengenai larangan *vessel* perikanan tangkapan tempatan mendaratkan ikan di pelabuhan luar negara melalui platform *the regional plan of action* (RPOA) dan IUU *Fishing*. Pada masa ini kerajaan telah membangunkan *vessel monitoring system* (VMS) bagi memantau *vessel* C2 dan C3. Pada masa ini kerajaan telah menetapkan salah satu syarat pembaharuan *vessel* C2 adalah harus mempunyai keaktifan alat VMS.

Sistem VMS di Jabatan Perikanan Malaysia dapat mengesan pergerakan *vessel* termasuk keluar perairan negara. Tindakan yang tegas terhadap *vessel* ini sekiranya didapati pergi ke luar perairan negara. Ini saya sebut tadi ialah memerlukan penguatkuasaan sepenuhnya dan saya akan bincang dengan agensi-agensi yang terlibat. Pada masa ini Jabatan Perikanan mempunyai 40 aset peronda bagi menjalankan rondaan. Kerjasama Jabatan Perikanan dengan agensi penguatkuasaan maritim yang lain seperti APMM, polis marin dan TLDM dalam Ops Naga dalam menangani isu pencerobohan *vessel* yang asing terutamanya *vessel* asing Vietnam.

■1740

Ops Naga memasuki hari yang 96 hari ini. Jumlah tangkapan setakat ini adalah 70 *vessel*, 602 krew manakala 1,277 pemeriksaan *vessel* telah dibuat. Daripada jumlah tangkapan, 50 *vessel* adalah merupakan *vessel* Vietnam. Dari tahun 2006 hingga tahun 2018, sejumlah 1,206 *vessel*/penangkapan ikan asing melibatkan 10,061 nelayan asing telah ditahan. Manakala bagi tahun 2019 sahaja, sebanyak 103

vesse/ penangkapan ikan asing dan 777 orang nelayan asing telah ditahan melalui operasi penguatkuasaan oleh pihak kerajaan, pihak APMM dan Jabatan Perikanan Malaysia.

Kita ada dua operasi. Satu operasi Ops Naga yang lebih hebat iaitu di antara APMM dengan TLDM. Bagi yang kecil sedikit kita lancarkan Operasi Gelora. Itu adalah di antara Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan. Ini termasuklah bubu-bubu naga yang dipasang secara haram ini yang memusnahkan kehidupan ini akan dibuat di bawah operasi ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, persijilan kompetensi nakhoda kapal. Pada masa ini, kerajaan masih dalam proses penelitian iaitu *manning regulation* iaitu mengenai persijilan kompetensi nakhoda kapal.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang membangkitkan isu penguatkuasaan yang tidak tegas. Saya rasa telah saya jawab secara panjang lebar tadi dan yang paling penting ialah penguatkuasaan bagaimana kita harus lebih serius, lebih tegas dan kita tidak boleh bertolak ansur lagi.

Saya difahamkan banyak jenis pukot yang masih berleluasa digunakan. Ini termasuklah satu zon yang saya difahamkan di utara Perak yang masih diizinkan menggunakan pukot *double tanker* ini...

Seorang Ahli: Kenka.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Pukat *tanker* ini yang saya...

Seorang Ahli: Kenka.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Pukat?

Seorang Ahli: Kenka.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Kenka- kenka dua bot. Ini diputuskan dalam satu *once upon a time*. Saya tak nak cerita pasal dahululah tetapi sangat memusnahkan. Jadi ini juga memerlukan suatu yang tegas untuk kita ambil beberapa tindakan.

Kemudian saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Mohon Kerajaan Pusat memberi kuasa mutlak kepada Sabah dalam pengeluaran lesen Skim Insurans Nelayan. Proses permohonan permit laut di Sabah telah diseragamkan sebagaimana dilaksanakan di negeri Sarawak. Kerajaan menerima baik cadangan untuk menambah baik skim insurans nelayan. Pada masa ini kerajaan sedang mengkaji cadangan skim insurans kepada nelayan yang boleh memanfaatkan lebih ramai nelayan.

Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, dengan izin, saya dalam masa setahun telah melawat tiga kali di Sabah, tiga kali di Sarawak. Saya sentiasa berbincang mewujudkan hubungan dua hala yang baik dan cuba untuk meringankan ataupun memendekkan kerenah birokrasi. Apa yang penting saya mahu Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan, Sabah dan Sarawak termasuklah hal perikanan kita dapat bincang dengan baik. Paling penting isu rakyat kita dapat selesaikan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat pembatalan dan penggantungan lesen nelayan C2 apa puncanya. Dari tahun 2011 sehingga kini, sebanyak 583 lesen laut C2 yang telah dibatalkan. Di antara sebab-sebabnya adalah *vesse/* didapati bukan *vesse/* asal. Itu kena faham. Keluar negara tanpa kebenaran, ada sebab itu. Bukan saja-saja keluar negara tanpa kebenaran itu. Mana ikan

dia hendak laburkan, siapa atas bot itu. Tidak mencapai syarat minimum pendaratan, tidak memperbaharui lesen tiga tahun berturut-turut, tidak dapat syarat LOV, melakukan kesalahan yang serius di bawah Akta Perikanan 1985, terlibat dengan kesalahan dan jatuhkan hukuman oleh mahkamah. Jadi banyak sebab ini yang menyebabkan kita tarik balik lesen ataupun kita merampas lesen.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat, kerajaan dalam usaha untuk kita meningkatkan kompetensi persijilan, saya sudah jawab tadi. Kita telah ada beberapa institut yang kita rasakan boleh melatih tenaga-tenaga muda kita untuk menceburi industri ini pada masa yang akan datang. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua saya telah menjawab beberapa persoalan yang penting.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Yang Berhormat Menteri, boleh celah sedikit? Yang Berhormat Menteri, apa tentang memasukkan bidang baru dalam pengurusan perikanan berdasarkan ekosistem dalam akta ini? *Then* yang kedua adalah tidak ada apa-apa fasal tentang larangan tetingkap pengangkut atau *trolling window band*. Ini akan melebihi dalam tempoh enam bulan hingga tujuh bulan kalau kita tidak pergi ke laut.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang balik.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ada dua isu lagi. Satu ialah tentang memasuki pengurusan perikanan berdasarkan ekosistem.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Lagi satu.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Kedua ialah tentang larangan tetingkap pengangkut atau *trolling window band* yang sedang diamalkan oleh negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua: So, adakah kita akan mengamalkan?

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ya.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya rasa saya sudah sebut tadi bahawa kerajaan telah juga melaksanakan *Ecosystem Approach to Fisheries Management* (EAFM) yang merupakan satu kaedah pendekatan pengurusan perikanan berasaskan ekosistem. Konsep ini telah dilaksanakan di Badan Makanan Dunia (FAO). Saya pun pergi ke Rome bulan lepas untuk menghadiri mesyuarat ini dan perkara ini dibincangkan secara terperinci di peringkat pegawai. Jadi kita akan mengikut tentang sistem ini. Selain itu juga kita sudah menganggarkan pada tahun 2050 sumber perikanan dunia akan menghadapi cabaran besar. Dalam maklumat di Rome saya diberitahu bahawa *European Union*, masyarakatnya telah beralih daripada makan daging kepada memilih ikan sebagai sumber protein mereka.

Jadi ini Yang Berhormat satu cabaran besar bagi kita. Oleh sebab itu, saya melihat tadi bahawa kalau kita benar-benar serius untuk kita *commit* kepada EAFM ini, masa depan industri ini sangat menguntungkan sebenarnya dan Malaysia boleh menjadi sebuah negara di samping mencukupkan SSL kita dalam bidang perikanan ini. Kita mampu mengeksport *insya-Allah* Yang Berhormat dan kita perlu kepada satu komitmen yang lebih serius dalam perkara ini. Terima kasih.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang berbahas. Setiap apa yang dibahaskan terlalu bernilai bagi saya dan rakan-rakan di sini. Selain itu juga, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat bersara kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang bakal meninggalkan Dewan Negara ini. Akan tetapi ingat, apa pun kita perjuangan masih belum selesai. Cuma kita mungkin berada di rumah berbeza, di padang berbeza, di tempat berbeza tetapi kita ada satu matlamat demi Malaysia, demi rakyat Malaysia kita mesti berjuang untuk negara tercinta ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

■1750

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (Tuan Sim Tze Tzin) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PENYEMAKAN
UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2019**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.53 ptg.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Penyemakan Undang-undang 1968 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pelantikan Jemaah Menteri iaitu daripada Perdana Menteri, Menteri dan Timbalan Menteri dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong selaras dengan Perkara 43, dan 43A Perlembagaan

Persekutuan manakala fungsi Menteri dan Timbalan Menteri ditetapkan melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 [Akta 2].

Pada masa ini, sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 4 Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 dan subseksyen 8(2), Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388], apa-apa rujukan kepada nama jawatan seseorang Menteri dalam mana-mana undang-undang bertulis merujuk kepada Menteri yang pada masa itu diberi fungsi atau dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara itu di bawah undang-undang bertulis itu, atau kepada Menteri yang pada masa itu diberi nama jawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 2019 ini adalah digubal susulan daripada penyusunan semua agensi dan fungsi kementerian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan 2019, P.U.(A) 132/2019 yang disiarkan dalam Warta pada 14 Mei 2019.

Terdapat beberapa pertukaran nama kementerian yang telah menyebabkan pertukaran nama jawatan seseorang Menteri dan pemindahan tanggungjawab seorang Menteri kepada Menteri yang lain. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk menangani sebutan dalam undang-undang sedia ada tentang nama jawatan Menteri yang telah bertukar dan fungsi setiap satu tanggungjawab yang telah dipindahkan kepada Menteri yang lain.

Melalui pindaan yang dicadangkan ini, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang diberi kuasa di bawah Akta Penyemakan Undang-undang 1968 [Akta 1] untuk membuat undang-undang perubahan dalam mana-mana undang-undang bertulis untuk menunjukkan apa-apa pertukaran nama jawatan atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab seseorang Menteri atau pertukaran nama sesuatu kementerian dari semasa ke semasa. Huraian mengenai Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 2019 adalah seperti yang berikut.

Fasal 1 ia mengandungi tajuk ringkas dan permulaan tarikh kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 1 untuk memasukkan suatu perenggan baharu iaitu (xvii) ke dalam subseksyen (1) untuk memberi Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang kuasa untuk membuat apa-apa perubahan dalam mana-mana undang-undang bertulis untuk menunjukkan apa-apa pertukaran nama jawatan atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab seseorang Menteri atau pertukaran nama mana-mana Kementerian dari semasa ke semasa mengikut Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan yang dibuat di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 [Akta 2].

Tuan Yang di-Pertua dengan pindaan yang dicadangkan ini, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang boleh membuat perubahan yang perlu dalam mana-mana undang-undang bertulis dari semasa ke semasa supaya selaras dengan Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda subseksyen 14(2) yang berbangkit daripada pindaan seksyen 6. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang akan mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa perubahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam fasal 2 yang dicadangkan melalui cetakan semula undang-undang.

Fasal 4 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa perubahan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pertukaran nama jawatan, atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab mana-mana Menteri, atau pertukaran nama mana-mana kementerian itu, yang dibuat menurut kuasa sebagaimana yang dicadangkan di dalam fasal 2 dan 3, hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pertukaran nama dalam jawatan, atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab mana-mana Menteri, atau pertukaran nama mana-mana kementerian itu.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Perenggan 6(1) (xvii) Akta 1, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang hanya mempunyai kuasa untuk membuat perubahan tentang bentuk, tentang nama, tempat, jabatan, pejabat, nama jawatan dan selainnya sebagaimana yang perlu untuk menyesuaikan mana-mana undang-undang dengan hal keadaan Persekutuan daripada tarikh bila undang-undang dalam bentuk yang disemak itu boleh berkuat kuasa.

Pindaan yang dicadangkan ini akan menjelaskan lagi kuasa sedia ada Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perenggan 6(1) (xvii) Akta 1 untuk membuat apa-apa perubahan nama jawatan, atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab, seseorang Menteri, atau pertukaran nama mana-mana kementerian dalam badan undang-undang bertulis dari semasa ke semasa tanpa perlu membuat akta pindaan untuk dibentangkan di Parlimen bagi menyemak penyelarasan dengan Perintah Menteri-menteri melalui semakan dan cetakan semula undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah di hadapan Majlis suatu akta untuk meminda Akta Penyemakan Undang-undang 1968 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.

5.59 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk berbahas pada petang yang dingin ini. Saya tertarik dengan cadangan untuk meminda akta ini kerana dengan adanya pindaan ini maknanya fungsi-fungsi kementerian dan sebagainya akan lebih mudah dipindah-pindahkan. Ini kerana kita dapati bahawa sekarang ini, banyak fungsi yang bertindih di antara kementerian.

Contoh yang paling jelas ialah dari segi aspek komuniti getah. Getah ada di bawah Kementerian Industri Utama, ada di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu RISDA dan juga bahagian yang produk-produk hilirannya ada juga di bawah MITI.

■1800

Jadi, tiga atau empat kementerian ini seolah-olah macam berebut untuk melaksanakan suatu fungsi yang lebih kurang sama. Jadi, diharapkan pindaan ini dapat diselaraskan supaya hanya satu atau dua kementerian yang sesuai untuk memastikan bahawa apa-apa yang dibuat itu diselaraskan. Contoh yang paling jelas, kita dapati bahawa sebelum ini kita ada bantuan untuk penoreh getah, bantuan musim tengkujuh dan sebagainya. Ada yang kompelin mengatakan bahawa pekebun kecil di bawah RISDA dapat bantuan, pekebun kecil yang lain getah juga tetapi tak dapat bantuan. Jadi kalau diselaraskan, itu akan menjadikan pekebun-pekebun kecil tak ada yang tertinggal.

Ini sama juga dengan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Jadi, kita dapati bahawa masing-masing agensi, masing-masing jabatan cuba menjadi juara kepada penduduk setempat. Ada yang bagi macam-macam bantuan. Usahawan kecil di bawah RISDA pun ada, usahawan di bawah kementerian pun ada.

Jadi, setiap agensi ini akan berebut pelanggan. Penghujungnya, kadang-kadang kita dapati ada pelanggan yang mendapat dua atau tiga bantuan daripada dua atau tiga sumber yang untuk fungsi yang sama. Contoh yang paling jelas yang saya pernah lihat ialah apabila ada usahawan kecil yang di luar bandar yang agak berjaya memohon bantuan daripada pelbagai sumber, jadi jabatan ini biasanya akan bagi keutamaan kepada usahawan yang telah berjaya pada suatu tahap tertentu, akan memberi bantuan. Jadi, masing-masing buat kertas kerja bagi bantuan kepada usahawan yang sama.

Jadi contoh yang saya jumpa ialah apabila usahawan kecil ini memohon mesin untuk buat cili sos, tiga mesin dia dapat kerana masing-masing jabatan bagi kerana tidak ada penyelarasan. Jadi, saya harap pindaan ini akan membantu untuk kerajaan mengasingkan fungsi-fungsi mengikut jabatan atau kementerian yang sesuai.

Satu perkara lagi yang saya harap dengan pindaan ini ialah untuk mengelak daripada Menteri berebut-rebut untuk mendapatkan penyokong. Kementerian yang berkaitan dengan orang luar bandar mungkin ada peluang untuk dapat ramai penyokong walaupun di luar kawasannya, tetapi yang kesiannya ialah Menteri Luar Negeri. Jadi kerjanya pergi ke luar negeri, ke sana ke mari tetapi tidak ada peluang untuk membantu orang-orang kampung. Jadi, mungkin dia tidak popular.

Jadi saya harap dengan pindaan ini, bolehlah kita selaraskan supaya Menteri tidak pilih bulu, pilih kawasan dia sahaja ataupun memilih orang-orang dia sahaja. Jadi dengan itu, setiap orang yang sepatutnya mendapat bantuan tidak tertinggal oleh sebab Menteri cuma ingin menjadi popular kepada segolongannya sahaja. Saya bagi contoh yang paling jelas yang pernah saya temui ialah masyarakat Siam di luar bandar, kadang-kadang mereka rasa mereka tertinggal dari bantuan daripada jabatan. Ini kerana seolah-olah macam oleh kerana bilangan mereka kecil, tumpuan tidak diberikan walaupun benda itu diperlukan oleh mereka.

Saya harap jabatan-jabatan pertanian contohnya ataupun FAMA dapat turun padang *instead* bukannya menunggu pelanggan datang. Kalau kita tengok contoh sering kita dengar, kita puji industri

pertanian di Thailand adalah maju. Salah satu sebab yang kita dapati ialah aktifnya pegawai-pegawai *extension*, pegawai-pegawai yang memberi khidmat nasihat ini turun padang berjumpa dengan pelanggan mereka, bukannya menunggu pelanggan datang untuk bertanya. Jadi bila mereka turun, mereka dapat belajar, mereka dapat bagi maklum balas dan sebagainya. Dengan cara itu, kita dapat membangunkan industri pertanian kita, sama juga dengan sektor-sektor lain.

Jadi saya harap dengan adanya pindaan ini, kerajaan lebih selesa untuk meminda fungsi-fungsi jabatan, kementerian dan sebagainya selaras dengan kehendak kerajaan yang baru kita lantik. Dengan itu, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

6.04 ptg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Penyemakan Undang-undang 1968.

Akta ini dengan jelas adalah akta untuk membuat peruntukan semak, cetak semula Akta Ibu dan perundangan subsidiari untuk digunakan di seluruh negara. Saya dapati dalam Akta Penyemakan Undang-undang ini cuma adalah untuk membuat perubahan dalam jawatan dan tanggungjawab mana-mana Menteri atau penamaan kementerian.

Oleh yang demikian, memberikan kuasa kepada *law reform commissioner* untuk, dengan izin, untuk membuat pindaan dan akta-akta ibu dan subsidiari. Ada juga menyatakan implikasi kewangan yang akan ditimbulkan. Saya cuma hendak penjelasan, apakah implikasi kewangan yang akan dikenakan di dalam rang undang-undang ini?

Setelah semakan dibuat, ia menyatakan ia bermula 1 Ogos 2019, lagi dua hari atau tiga hari. Adakah tempoh ini mencukupi untuk ikut proses undang-undang iaitu hari ini sudah 29 Julai dan jika diluluskan, ia mesti mendapat kelulusan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu akan diwartakan. So, adakah tiga hari ini cukup untuk rang undang-undang ini dikuatkuasakan ikut rang undang-undang ini?

Fasal 2 ada menyebut daripada semasa ke semasa pertukaran nama boleh dibuat. Dicadangkan untuk tindakan kerajaan untuk suatu masa tempoh yang munasabah. Ini dicadangkan untuk menjimatkan kos dan juga penting kepada rakyat sebab tidak dikelirukan. Rakyat yang selalu kenal kementerian atau nama subsidiari atau agensi kementerian ingin berurusan dengan agensi-agensi dan kementerian tidak akan dikelirukan.

Fasal 4 menyatakan, "*mana-mana Menteri*", hanya disebut "*Menteri*" sahaja. Jika baca Perlembagaan, ayat yang digunakan ialah "*Jemaah Menteri*". Perkara 43 dalam Perlembagaan menyebut ayat "*Jemaah Menteri*". Dalam 43A ialah "*Timbalan-timbalan Menteri*" dan "*Jemaah Menteri*". Maknanya, 43B menyebut "*Setiausaha-setiausaha Parlimen*" dan 43C menyebut "*Setiausaha Politik*". Maknanya,

empat jawatan ini adalah anggota pentadbiran iaitu Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik. Oleh itu adalah pendapat saya, “*mana-mana Menteri*” dipinda kepada apa yang dikatakan dalam perkara 43A, 43B, 43C Perlembagaan ialah “*Jemaah Menteri*”.

Selain daripada itu, saya tidak ada apa-apa hendak bahas, cuma *clarification* sahaja. Oleh yang demikian, saya memohon untuk menyokong penuh rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

6.08 ptg.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi izin kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Penyemakan Undang-undang 1968.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan fasal 2 pindaan pada seksyen 6 dengan memasukkan perenggan baharu yakni (xviii) bagi memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang bagi melakukan perubahan sesuatu akta atau perundangan agar semua undang-undang ini diselaraskan dengan penukaran nama, jawatan Menteri Kabinet dan fungsi atau tanggungjawab Menteri terbabit. Sejak Kabinet baharu Kerajaan Pakatan Harapan diwujudkan sejak Julai 2018, terdapat banyak perubahan dan penyusunan semula fungsi kementerian dan jabatan kerajaan.

■1810

Bagi menyesuaikan dengan hala tuju semasa kerajaan baharu, oleh itu pindaan dan penyesuaian yang dilakukan menyebabkan terdapat beberapa kekangan operasi yang mungkin berlaku dan ini sudah tentu menjejaskan kelangsungan kecekapan jentera kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan perubahan dan fungsi kementerian ini banyak melibatkan kawal selia, penguatkuasaan dan juga perubahan aset-aset kerajaan. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, pertama, berapa banyakkah jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dalam proses susun semula selaras dengan pembentukan Jemaah Kabinet pada Julai 2018?

Kedua, sejauh manakah pemurnian yang dilakukan ke atas penyemakan undang-undang yang dilakukan di bawah akta yang dipinda ini akan menterjemahkan kelangsungan kecekapan jentera kerajaan melaksana agenda operasi dan pembangunan negara? Ketiga, berapakah jumlah peruntukan yang terlibat dalam proses pindaan dan migrasi jabatan-jabatan kerajaan dan penyesuaian semula dilakukan apabila sesuatu akta atau siri perundangan Malaysia disemak dan disusun semula mengikut fungsi dan tanggungjawab Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan Akta Penyemakan Undang-undang 1988 ini agar kelangsungan dan keberkesanan operasi Kerajaan Persekutuan disempurnakan. Harapan saya, semoga dengan pindaan Akta Penyemakan Undang-undang ini akan meningkatkan keupayaan prestasi jentera kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun kenapa?

Tuan Alan Ling Sie Kiong: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat *[Ketawa]*

6.11 ptg.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Saya takut Tuan Yang di-Pertua terlupa sebab esok cuti umum ni. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya sebagai pembahas terakhir tetapi belum lagi, Yang Berhormat Menteri kena menggulung.

Saya cuma ada sedikit pemerhatian daripada pindaan ini. Sebenarnya saya memang menyokong sepenuh-penuhnya kerana, dengan izin, *the amendment is to smoothen* ataupun menambahkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan akta tersebut.

Saya memerhatikan dari laman web Jabatan Peguam Negara, ada wujudnya satu bahagian iaitu Bahagian Penyemak dan Pembaharuan Undang-undang. Di bawah bahagian tersebut, saya nampak ada jawatan Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-undang dan juga wujudnya dua jawatan timbalan pesuruhjaya iaitu timbalan I dan timbalan II.

Akan tetapi di bawah akta ibu ini, saya rasa sedikit kekeliruan, *confusion* sebab, adakah bahagian ini *is to supplement the main body*? Oleh sebab di seksyen 3, “Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik seorang Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang dan timbalan pesuruhjaya penyemak undang-undang untuk menyediakan dan menerbitkan undang-undang yang disemak dan cetakan semula sebagaimana yang difikirkan sesuai manfaat oleh Pesuruhjaya”.

Selepas itu, seksyen 4 Tuan Yang di-Pertua, Ketua Hakim Negara yang melantik pesuruhjaya-pesuruhjaya itu. Di seksyen 4(3), Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan hendaklah menjadi setiausaha kepada jawatankuasa itu. *So, for me, I think* ini adalah satu *main body*, dengan izin, tetapi yang wujud di laman web Jabatan Peguam Negara adalah bahagian.

So, this confusion I hope- mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan. Kenapa suruhanjaya ini diletak di bawah Jabatan Peguam Negara? Bahkan pelantikan itu dilakukan oleh Ketua Hakim Negara. Sepatutnya kalau ikut akta ini, suruhanjaya terletak di bawah Suruhanjaya Kehakiman. Mungkin ini dua unit yang berlainan di mana unit bahagian di Jabatan Peguam Negara itu adalah satu bahagian untuk tambahan, *supplement* suruhanjaya *main body* ini. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri menjelaskan sedikit sebanyak untuk pengetahuan kita semua.

Seterusnya saya ingin mengetahui, siapakah Ahli-ahli Pesuruhjaya yang dilantik? Ini kerana saya cari *Google*, saya tidak nampak senarai mereka. Siapakah mereka? Apakah kriteria seseorang itu dilantik oleh Ketua Hakim Negara? Apakah kriteria untuk seseorang itu dilantik?

Tuan Yang di-Pertua, soalan seterusnya adalah berkaitan dengan- ini ada hubung kait dengan Akta Penyemakan Undang-undang dan saya juga haraplah mungkin pada masa yang terdekat, satu akta baharu iaitu untuk menubuhkan Suruhanjaya Pembaharuan Undang-undang (*Law Reform Committee*) dapat dipercepatkan. Ini supaya sekarang banyak usaha pembaharuan undang-undang yang dijalankan oleh kerajaan baharu.

Maka dengan adanya suruhanjaya tersebut, maka kita dapat mengambil pandangan daripada pihak berkepentingan dan pandangan mereka itu boleh diambil kira dan memudahkan laporan terperinci disediakan untuk dipertimbangkan. Itu adalah sedikit sebanyak berkaitan dengan akta tersebut. Susulan daripada itu, saya harap akta baharu untuk menubuhkan Suruhanjaya Pembaharuan Undang-undang boleh dipercepatkan.

Itu sahaja sedikit sebanyak daripada pemerhatian saya. Sekian, terima kasih. Saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.16 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada empat orang pembahas yang telah membahaskan rang undang-undang pindaan ini iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim dan juga yang terakhir Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

Saya pertamanya ingin menjelaskan, kenapakah- mungkin saya rasa kita kurang memahami kenapakah rang undang-undang dibawa untuk pindaan. Untuk makluman semua, rang undang-undang ini ibarat macam akta payung. Kalau kita tidak buat pindaan ke atas rang undang-undang sekarang ini iaitu kita memansuhkan peruntukan terbaru, antaranya seksyen 17(a) itu, kita mungkin terpaksa akan perlu meminda lebih kurang 28 akta yang berbeza, akibat daripada berlakunya perubahan kerajaan, perubahan kerusi Menteri dan sebagainya.

Sebagai contoh, saya hendak beri contoh kita ambil Akta Taman Negara [*Akta 266*]. Kalau kita lihat kepada akta ini, asalnya akta ini memperuntukkan di bawah seksyen 5, Majlis Penasihat Taman Negara adalah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut. Ada (a), (b), (c), (d) dan (e), "*Seorang wakil Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri*", itu yang asal ya. Apabila kita pinda akta yang sekarang ini, Akta Penyemakan Undang-undang sekarang ini kita tidak boleh lagi kekalkan wakil Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri lagi sebab Unit Perancang Ekonomi telah diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri pada asalnya tetapi kita telah bertukar kepada Unit Perancang Ekonomi iaitu di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, berlakunya perubahan fungsi. Jadi terpaksa kita

meminda, kita perlu meminda (e) tadi, “*Daripada seorang wakil Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri kepada seorang wakil Unit Perancang Ekonomi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi*”.

Jika kita tidak buat pindaan ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita terpaksa pergi ke Parlimen ini untuk buat pindaan kepada Akta Taman Negara ini. Bayangkan kalau 28 akta, kita kena pergi 28 *separate* undang-undang untuk bawa ke Parlimen dan ia memerlukan proses daripada Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Yang di-Pertuan Agong.

Jadi prosesnya memakan masa yang panjang. Jadi *alhamdulillah*, hasil daripada kreativiti pegawai-pegawai kita yang komited di dalam Jabatan Peguam Negara, mereka telah berjaya mencari satu formula bagaimana nak menyelesaikan masalah ini. *Instead of* kita pergi kepada 28 akta itu, kita buat satu pindaan sahaja iaitu Akta Penyemakan Undang-undang. Jadi itulah hasilnya pada hari ini, kita telah berjaya meringkaskan lagi proses yang rumit itu. Oleh sebab itulah kita membuat pindaan ini. Itu sebagai mukadimahlah.

■1820

Jadi kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook tadi, secara spesifiknya saya tengok tidak ada berkaitan sangat dengan yang ini. Walaupun beliau membuat suatu peringatan yang saya rasa amat baik untuk kita ambil perhatian tetapi secara spesifik saya hendak mengatakan bahawa apa yang dibangkitkan itu tidak secara langsung merujuk kepada pindaan ini. Beliau bertanya sama ada kerajaan lebih selesa untuk pindah fungsi kementerian dari semasa ke semasa dengan pindaan ini.

Jadi saya hendak beritahu Yang Berhormat, berdasarkan rang undang-undang ini, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa perubahan dalam mana-mana undang-undang bertulis untuk menunjukkan apa-apa pertukaran nama jawatan, atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab mana-mana menteri atau pertukaran nama mana-mana kementerian melalui cetakan semula undang-undang terlibat. Jadi pertukaran nama tersebut, pertukaran nama kementerian kepada kementerian sedia ada, kementerian baharu.

Yang Berhormat mengatakan tadi ada sesetengah, mungkin selepas pindaan ini, Yang Berhormat mengatakan bahawa contohnya dia kata Menteri-menteri berebut untuk dapatkan penyokong dan sebagainya. Bagi saya, itu mungkin tidak begitu timbul dalam pindaan ini secara langsung. Akan tetapi apa Yang Berhormat bangkitkan itu, bagi saya, kita akan ambil perhatian. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara-perkara yang saya rasa walaupun tidak secara spesifik merujuk kepada pindaan ini tetapi kita akan ambil perhatian.

Seterusnya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas yang membangkitkan tentang dua isu- lebih kurang ya. Iaitu, pertama, isu tentang apakah kos yang terlibat. Untuk makluman Yang Berhormat, apabila kita membuat pindaan ini, apa yang berlaku sekarang ialah pindaan ini apabila dibuat, beberapa pihak bahagian pindaan undang-undang, mereka akan buat pindaan-pindaan itu di dalam portal internet. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, portal itu kalau kita *print*, tak boleh digunakan di mahkamah sebagai bukti sahih, seperti Yang Berhormat pun tahu. Sebab itu kita kena cetak balik, cetak semula rang

undang-undang yang berbeza. Contohnya Akta Taman Negara ini, kita kena cetak balik supaya dahulu kalau dia kata Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri- kena ubah itu.

Jadi, kos itulah melibatkan proses pencetakan akta-akta yang mungkin kita kena buat bergantung kepada kementerianlah berapa banyak yang mereka buat. Jadi, itu melibatkan kos. Mungkin kosnya tidaklah begitu *massive*, dengan izin, tetapi ia melibatkan kos. Sebab itulah kita mengatakan pindaan ini memang melibatkan kos. Cuma, kita tidak boleh butirkan terperinci berapakah jumlah kos yang akan terlibat. Jadi, saya berharap Yang Berhormat boleh faham tentang perkara itu.

Seterusnya Yang Berhormat berkata tentang isu "*Menteri*" dengan "*Jemaah Menteri*". Untuk makluman Yang Berhormat, isu ini juga telah dibangkitkan dalam Dewan Rakyat oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Arau. Dia punya hujah lebih kurang hujah Yang Berhormat. Yang membezakan, beliau bukan *lawyer*, Yang Berhormat ialah *lawyer*. Itu sahaja yang bezanya.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan seksyen 3, Akta Tafsiran 1948, dan 1967, perkataan "*Menteri*" ditakrifkan sebagai Menteri Kerajaan Malaysia termasuklah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk membuat pindaan kepada perkataan "*Menteri*" dalam undang-undang ini. Maknanya Yang Berhormat kata kena pergi "*Jemaah Menteri*", bukan? Bagi kami, tidak perlu sebab berdasarkan Akta Tafsiran ini sudah cukup untuk kita hanya meminda kepada fungsi Menteri sahaja, bukan maknanya kita perlu letak "*Jemaah Menteri*". Jadi saya rasa itu tidak timbul.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya Yang Berhormat merasakan bahawa mungkin tafsiran yang kami berikan ini tidak betul ataupun Yang Berhormat merasakan ini mungkin salah, sebenarnya Yang Berhormat, dalam undang-undang negara kita, kita tidak ada masalah untuk kita *challenge* benda ini di mahkamah dan sebagainya. Saya hendak katakan ini proses dia lah. Cumanya, kami berpendapat tidak perlu sebab berdasarkan tafsiran, kita memang ada ruang untuk kita buat pindaan ini tanpa memerlukan pindaan kepada "*Jemaah Menteri*". Saya rasa itu isu yang Yang Berhormat bangkitkan yang saya nampak wajar untuk saya jawablah.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Beliau membangkitkan berapa banyak jabatan yang terlibat dengan penyusunan semula dalam pindaan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, lebih kurang 28 kementerian yang terlibat dan akan melibatkan pindaan yang *massive* juga jika pindaan dibuat kepada setiap akta yang terlibat.

Jadi, sebab itulah saya kata tadi, kita buat pindaan ini sahaja *instead* kena pergi 28 itu. Angka 28 itu, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak tahu 28 kementerian itu, saya ada angka di sini dan juga dia punya butiran tetapi mungkin saya boleh beri jawapan bertulis kalau Yang Berhormat hendak. Sebab, saya takut nanti terlalu panjang pula. Lagipun ini sudah pukul 6.30 petang dan sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan pun selepas ini ada satu usul lagi. Akan tetapi *in syaa Allah*, saya akan beri kepada Yang Berhormat ya. Kita janji kita akan beri. Angka 28 itu adalah, antaranya, melibatkan Jabatan Perdana Menteri dua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar empat dan lain-lain.

Seterusnya, tentang Yang Berhormat mengatakan tentang kos dan sebagainya ini, saya tidak ada jawapan pada waktu ini Yang Berhormat, sebab itu merupakan satu soalan yang spesifik. Saya rasa kita mungkin perlukan notis yang mencukupi. *In syaa Allah*, segala yang Yang Berhormat bangkitkan, pegawai-pegawai saya ada di belakang ini, mereka mencatatkan. *In syaa Allah* Yang Berhormat, kita akan berikan secara bertulis ya, Yang Berhormat. Boleh ya? Baguslah Dewan Negara ini, mereka baik [Ketawa] [Disampuk] Tak. Ada sesetengah kalau di Dewan Rakyat bagi jawapan bertulis, dia mengamuk selalunya itu. Dewan Negara ini baik, tak lawan [Ketawa]

Seterusnya, Yang Berhormat yang juga seorang *lawyer* iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong yang membangkitkan isu yang agak saya rasa penting juga iaitu apakah Jawatankuasa Penyemak Undang-undang ini berbeza dengan Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang. Tadi Yang Berhormat bangkitkan tentang pembaharuan dalam undang-undang. *Law reform* dan juga *revision*.

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta 1 ini juga memperuntukkan penubuhan suatu Jawatankuasa Penyemak Undang-undang (JKPUU) yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara. JKPUU terdiri daripada hakim dan orang yang sesuai dan kebanyakan walaupun orang itu bukan seorang peguam. Penubuhan JKPUU merupakan suatu kaedah *check and balance* bagi memastikan Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang bertindak dalam had kuasa yang dibenarkan oleh undang-undang. Apa yang Yang Berhormat panggil tadi sebenarnya ada kelainan sedikit ya. Itu yang tadi, Yang Berhormat, melibatkan lagi *law reform* dan sebagainya.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Minta penjelasan sedikit sebab kurang faham. Lagi *confuse* lagi sekarang [Ketawa]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya ingat *lawyer* lagi faham, rupanya *lawyer* lagi tak faham. Okey, tak apalah.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: *Sorry*. Maksudnya dia ada bahagian di bawah *Attorney General Chambers*, bahagian itu, lain daripada suruhanjaya di bawah akta ibu ini. Betul atau tidak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Minta maaf, Yang Berhormat. Saya rasa pegawai saya sedang sediakan jawapan. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, setakat yang saya faham, *law reform* yang Yang Berhormat maksudkan itu dia lebih luas lagi, bukan yang ini ya. Saya rasa ada perbezaan dua itu ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat maksudkan tadi *law reform* dan juga pembaharuan undang-undang, bukan? Yang kita melibatkan segala undang-undang itu kita akan buat kajian...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia berkenaan dengan Suruhanjaya yang sepatutnya berasingan dari Peguam Negara. Itu maksud dia. Kenapa pejabat itu di dalam pejabat bangunan Peguam Negara? Itu sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, saya pun hairan, bila saya dapat ini, dia pun bukan tulis jawapan, dia tulis soalan balik. Saya punya pegawai ini [Ketawa] Saya hendak jawapan, dia beri soalan buat apa? JKPUU suatu jawatankuasa yang berasingan daripada pesuruhjaya. Itu

sahajalah. Jawapan yang dia beri pun saya pun- Yang Berhormat, tapi saya hendak kata Yang Berhormat, betul, Yang Berhormat, sememangnya memang berasingan. Berasingan, bukan sama. Jadi, Yang Berhormat tak perlu risaulah, memang berasingan.

Cumanya, yang saya faham, mungkin pegawai saya tidak memberikan jawapan tapi yang saya faham, Yang Berhormat, yang Yang Berhormat bangkitkan itu kuasanya lebih luas lagi. Ia melibatkan *law reform* dan sebagainya. Sedangkan yang ini, Yang Berhormat, kuasanya lebih kepada sebagai penyemak undang-undang dan ada fungsi-fungsi tertentu dalam- Yang Berhormat tengok dalam seksyen 6 ya. Itu yang saya rasa akta ini.

Memang akta ini, Yang Berhormat, saya akui akta yang tidak popular. Kalau Yang Berhormat sebagai seorang *lawyer*, saya rasa ini mungkin kali yang pertama Yang Berhormat lihat akta ini. Kemungkinanlah. Sebab akta ini akta yang jarang dirujuk oleh mana-mana peguam dalam mana-mana mahkamah. Jadi, akta ini akta yang agak unik sedikit dari segi dia jarang dibaca oleh pengamal undang-undang. Sebab itu saya tidak pelik kalau sekiranya pengamal undang-undang pun tidak faham dan juga orang-orang awam lagilah susah hendak faham. Jadi, saya berharap Yang Berhormat boleh memahami benda itu. Selepas ini tidak *confuse* lagi sudah, Yang Berhormat ya. Sudah boleh tidak keliru lagi.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Bagikan senarai pesuruhjaya boleh? Senarai pesuruhjaya, boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Yang itu kita beri secara bertulis, Yang Berhormat.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat hendak supaya senarai itu dimasukkan ke dalam *website* ataupun tidak? Hanya setakat minta sahajalah?

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Minta sahaja sebab itu lain, entiti yang lain. So...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *What I mean is you want the names to be given to you?*

Tuan Alan Ling Sie Kiong: *Yes. Because you* tak boleh masukkan laman web sebab dia entiti lain. Tadi sudah dijelaskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *Another website* lah, bukan *website* itulah. *Website* lain.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Boleh juga. Terima kasih. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Ketawa]* Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat tentang nama-nama itu, *in syaa Allah*, kita akan beri. Pegawai saya ada membuat catatan. Sebarang yang kita tak dapat sediakan, kita akan beri jawapan bertulis, Yang Berhormat.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu lebih kurang isu-isu yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas hendak meminta ada tinggal dua hari lagi, akta berkuat kuasa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Oh, itu. Yang Berhormat ...

Tuan Yang di-Pertua: Ada atau tidak, dengan izin, *retrospective effect*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sebenarnya untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, yang ini mungkin saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa kita tidak memerlukan perkenan Yang di-Pertuan Agong. Ini disebabkan fungsi Menteri telah pun diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, jadi rang undang-undang ini setelah Dewan Negara ini, kita boleh laksanakan dengan cepat.

Ia berbeza dengan- kalau kita bawa rang undang-undang yang 28 itu, kita buat *separate* itu, kita kena buat prosesnya Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi yang ini, kelebihanannya ialah selepas kita sudah selesai ini, kita terus boleh kuat kuasa- 1 hari bulan Ogos. Maknanya masa kita sempat, *in shaa Allah...*

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat boleh...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya saya memang ada jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Pegawai-pegawai ...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ini jawapan yang kita bagi- dalam Dewan Rakyat pun benda itu dibangkitkan. Memang masa perbahasan itu juga sudah dibahaskan iaitu boleh atau tidak kita mulakan perbahasan, kita boleh laksanakan dalam 1 hari bulan Ogos, dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat di Dewan Rakyat.

Jadi apa Yang Berhormat bangkitkan, sebenarnya itulah jawapan saya iaitu memang kita- sebab kita laksanakan seberapa segera yang boleh. Ini disebabkan fungsi-fungsi Menteri telah pun diwartakan dalam fungsi-fungsi Menteri, memang ada. Yang Berhormat boleh balik baca dalam- kalau Yang Berhormat hendak, kita boleh bagikan fungsi-fungsi Menteri itu. Jadi Yang Berhormat, tidak perlu sebenarnya.

Tarikh kuat kuasa- sebagai tarikh kuat kuasa rang undang-undang dibuat untuk memastikan jentera kerajaan boleh bertindak dengan serta-merta setelah diluluskan. Ini kerana pelantikan Perdana Menteri- telah pun dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong selaras dengan Perkara 43, dan 43A Perlembagaan Persekutuan dan fungsi Menteri. Jadi Yang Berhormat, itulah jawapan saya. Saya harap Yang Berhormat boleh faham ya. Ia beza sikit kalau kita buat *separate* undang-undang-undang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu saja, melainkan ada soalan-soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada [*Ketawa*] Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[*Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui*]

[*Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa*]

[*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*]

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa***]

[*Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa*]

[***Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada undang-undang***]

[*Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang*]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesihatan (Dr. Lee Boon Chye) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan Usul Penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

Tuan Eddin Syazlee Shith: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Kanak-kanak Merogol Kerana Pengaruh Media Sosial

6.36 ptg.

Puan Asmak binti Husin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk menyertai ruang ucapan penangguhan ini, di bawah tajuk, "Kanak-kanak Merogol Kerana Pengaruh Media Sosial". Sebagai seorang Ahli Parlimen wanita dan ibu, saya cukup terkesan dengan kes yang telah dilaporkan dalam akhbar pada 2 Julai 2019 mengenai kes pelajar sekolah rendah 12 tahun merogol anak asuhan ibunya kerana terangsang dengan video yang dilihat melalui telefon bimbit.

Ini hakikatnya bukan kes pertama dan secara peribadi, saya juga menemui kes yang sama membabitkan peniruan ingin mencuba atau ketagihan kes akses terhadap video porno secara mudah oleh kanak-kanak. Oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia, tentang isu akses mudah video porno oleh kanak-kanak dan remaja.

Sejauh mana keberkesanan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak Dalam Dunia Siber 2015 dan penyertaan ibu bapa dan masyarakat dalam pelan ini? Sejauh mana tindakan dan gerakan advokasi telah dijalankan oleh SKMM, yang boleh menyekat laman-laman web atau aplikasi yang merosakkan masyarakat khususnya kanak-kanak, bilangan tindakan yang telah diambil dan peratusan pencapaian? Apakah SKMM telah menjalankan kerjasama atau penyelarasan dengan Kementerian Pendidikan,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan lain-lain untuk mewujudkan suasana pendidikan tidak formal yang baik untuk kanak-kanak di Malaysia?

Apakah dasar kewartawanan dan pemberitaan mengambil kira kesan kepada pendidikan sekeliling? Contohnya dalam kes video Haziq yang dibicarakan setiap hari pada waktu perdana, sedangkan gambar muka sahaja yang disamarkan. Justeru, sangat penting program penempatan pegawai JAKIM atau daripada kementerian lain mengikut keperluan di SKMM diperkukuhkan bagi memperkasakan program pembangunan kandungan islamik advokasi dan pemantauan.

Saya juga ingin mencadangkan insentif seperti hadiah latihan, kemudahan fizikal, pembiayaan membangunkan kandungan positif, potongan cukai zakat dan lain-lain, untuk memperbanyakkan kandungan positif di alam maya. PAS juga bersedia bekerjasama untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran ibu bapa berkenaan isu ini melalui instrumen yang kami ada terutamanya institusi-institusi pendidikan di bawah PAS bermula pada TASTI, PASTI, SRITI, SMITI dan pendidikan tinggi iaitu KUIZM.

Sekian terima kasih, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Menteri.

6.38 ptg.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak Dalam Dunia Siber Tahun 2015-2020 merupakan satu pelan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Ia telah digubal dengan menekankan empat aspek yang utama iaitu advokasi, pencegahan, intervensi dan khidmat sokongan. Pelan tindakan ini merangkumi program dan tindakan bersepadu oleh semua pihak dalam melindungi kanak-kanak di dalam dunia siber. Antara pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan pelan tindakan itu termasuklah KPWKM sendiri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), *CyberSecurity Malaysia* (CSM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga seperti Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia.

■1840

Manakala, syarikat swasta seperti *Digi, Facebook dan Google* turut memainkan peranan yang penting dalam memastikan kanak-kanak di negara ini dapat melayari Internet dengan selamat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator selanjutnya, di peringkat KKMM keutamaan yang diberikan adalah pendekatan secara advokasi dan kawalan sendiri. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kementerian ini bagi memberi kesedaran untuk mengupayakan pengguna bagi melindungi diri mereka dari risiko berkaitan dengan kandungan Internet. Di antaranya adalah program klik dengan bijak, *Child Online Protection in ASEAN Seminar* yang dianjurkan bersama oleh *United Nations International Children's*

Emergency Fund (UNICEF), Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

Program advokasi melalui kerjasama strategik dengan pihak Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Jabatan Agama Islam aplikasi saringan sendiri kandungan atau *parental control tools* dengan kerjasama pihak penyedia perkhidmatan Internet ataupun *internet service provider* (ISP), program sukarelawan ICT Malaysia dan lain-lain lagi. Selain itu, program JAKIM juga turut ditempatkan di SKMM untuk memberikan khidmat nasihat berdasarkan perspektif agama bagi isu-isu komunikasi dan multimedia.

Untuk makluman Yang Berhormat, ini wakil JAIM di dalam SKMM ini dah pun berkhidmat dalam tahun yang keempat selama empat tahun, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. KKMM melalui SKMM telah melaksanakan *CyberSAFE, CyberSecurity, Awareness for Everyone* bagi memberi kesedaran mengenai kepentingan keselamatan siber masa kini serta memupuk amalan terbaik dalam kalangan warga digital Malaysia terutama remaja dan kanak-kanak mengenai penggunaan media sosial secara beretika, bertanggungjawab dan berintegriti. Program ini akan terus diperkemas dan dimantapkan lagi untuk dilaksanakan dengan lebih meluas di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kebanyakan kanak-kanak yang telah didedahkan dengan gajet pada usia yang muda dan kecil dengan tujuan perkembangan minda mereka. Namun, yang lebih mengusarkan adalah pengawal seliaan penggunaan gajet tersebut secara menyeluruh sangat-sangat membimbangkan. Menurut *Internet Users Survey 2018*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang telah dijalankan oleh SKMM, sebanyak 62.4 peratus golongan ibu bapa menyedari dan mengetahui tentang aplikasi saringan bagi maksud kawalan sendiri kandungan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa.

Walau bagaimanapun, hanya sebanyak 12.2 peratus daripada ibu bapa yang menggunakan perisian tersebut pada peranti anak-anak mereka. Justeru itu, kesedaran perlu bermula dari keluarga itu sendiri. Ibu bapa perlu memantau aktiviti anak-anak agar tidak mudah dipengaruhi untuk melayari laman-laman web yang tidak membawa faedah kepada mereka. Perkara sebegini perlu menjadi tanggungjawab bersama kerana peranti yang digunakan untuk mengakses Internet itu adalah di bawah pengawal seliaan individu dan keluarga masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), berdasarkan aduan awam, tindakan boleh diambil terhadap pihak yang terlibat dalam memberikan kandungan berunsur lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiaya, mengugut atau mengganggu orang lain yang berlaku dalam laman sesawang, dalam laman blog dan Internet. Di bawah peruntukan Akta 588 juga, jika seseorang itu disabit dengan kesalahan, individu ataupun orang tersebut boleh didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya sekali.

Selain dari pendakwaan, tindakan undang-undang seperti penyekatan akses kepada laman web yang terlibat juga boleh dilakukan. Antara tahun 2015 sehingga Jun 2019, sejumlah 403 laman berkaitan pedofilia, dengan izin, dan pornografi kanak-kanak telah disekat melalui kerjasama SKMM, PDRM dan

Interpol, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Bagi dasar kewartawanan dan pemberitaan, agensi pelaporan, berita yang berada di bawah seliaan KKMM hanya melaporkan berita dan rencana yang benar, adil dan tidak prejudis menggunakan pendekatan yang bersifat umum dan sentiasa menghindari siaran berita atau rencana yang bersifat perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila serta budaya masyarakat majmuk di Malaysia. KKMM juga sentiasa mengamalkan dasar terbuka dalam menerima maklum balas dan masyarakat dari mana-mana pihak berkaitan kaedah atau cadangan-cadangan penambah baikkan ke atas gerak kerja yang telah dilaksanakan selama ini.

Ini bermakna Yang Berhormat Senator, cadangan-cadangan dan pendekatan-pendekatan Yang Berhormat Senator sebutkan sebentar tadi sangat dialu-alukan. Yang Berhormat Senator boleh sama ada berhubung dengan pegawai ataupun datang berjumpa saya sendiri untuk kita teliti dan kaji adakah cadangan-cadangan tersebut sesuai untuk kita buat, kita laksanakan bagi kita sama-sama bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan gejala-gejala yang tidak sihat sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Timbalan Menteri walaupun kurang sihat, tetapi datang juga ke Dewan yang mulia ini untuk menjawab.

Isu Birokrasi Pembukaan Klinik Swasta

6.49 ptg.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang kedua untuk menyertai ruang Ucapan Penangguhan di bawah tajuk Isu “Birokrasi Pembukaan Klinik Swasta.”

Saya berhasrat untuk mewakili pihak pengamal perubatan swasta atau GP bagi membangkitkan isu kesukaran pembukaan klinik swasta sedangkan ada keperluan mendesak. Secara purata tempoh kelulusan klinik baharu ialah enam hingga lapan bulan, manakala Pusat Hemodialisis antara 18 hingga 24 bulan.

Oleh kerana faktor administrasi dan pematuhan, secara purata doktor memerlukan modal sebanyak RM150,000 hingga RM250,000 untuk membuka sebuah klinik swasta.

■1850

Manakala RM800,000 hingga RM1 juta untuk sebuah premis pusat hemodialisis. Kos akan lebih meningkat apabila melibatkan kawasan bandar. Oleh itu saya ingin bertanya, berapa lama KPI proses kelulusan pembukaan klinik oleh pihak UKEP kerana aduan mengatakan enam bulan ke atas sedangkan beban kos sedang berjalan. Apakah tindakan Kementerian Kesihatan untuk mengurangkan birokrasi yang membebankan seperti UKEP mensyaratkan untuk urusan kontrak sewa premis, membeli ubat-ubatan, fasiliti teknikal, pengambilan staf sebelum sesuatu permohonan itu boleh diproses sedangkan prosesnya

memakan tempoh berbulan-bulan apatah lagi untuk memanggil UKEP memakan masa. Selesai satu isu, timbul isu pematuhan lain dan mesyuarat CKEP juga berlangsung sebulan sekali sahaja.

Selain itu, klinik swasta juga menghadapi beberapa kekangan seperti makmal dan pusat farmasi. Ada pusat farmasi dan makmal swasta mengambil alih tugas pegawai perubatan dengan membuat diagnosis dan memberi rawatan serta membuat ujian darah sendiri yang diambil oleh *lab technician* sahaja sedangkan akta hanya membenarkan doktor yang membuat prosedur dan rawatan berkaitan. Ini menjejaskan pendapatan kerana pelanggan akan ke makmal dan farmasi atas faktor kosnya yang lebih murah. Apakah pihak kementerian bercadang membenarkan klinik swasta untuk mengamalkan perubatan alternatif seperti bekam kerana ada doktor yang mempunyai kepakaran ini dan dalam masa yang sama doktor lebih mengetahui tentang masalah kesihatan serta kesesuaian pesakit, kaedah pensterilan dan lain-lain.

Berbanding sekarang, bekam dibuat di premis perniagaan oleh pengamal yang tidak mempunyai kemahiran perubatan seperti seorang doktor. Mohon perhatian pihak kementerian terhadap isu yang disebutkan dan penjelasan untuk mengatasinya. Sekian, wassalam.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Menteri- tujuh minit.

18.51 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta di Malaysia termasuk klinik perubatan swasta dan pusat hemodialisis swasta adalah di bawah kawal selia Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Penubuhan sesebuah klinik swasta perlu mematuhi keperluan pendaftaran ditetapkan di bawah Akta 586 tersebut manakala penubuhan sesebuah pusat hemodialisis swasta atau mana-mana fasiliti lain yang disenaraikan di bawah seksyen 3 akta tersebut perlu juga memenuhi keperluan pelesenan yang ditetapkan di bawah akta yang sama. Secara dasarnya terdapat perbezaan antara proses dan prosedur pendaftaran klinik dengan proses dan prosedur pelesenan bagi fasiliti-fasiliti yang perlu dilesenkan.

Kementerian ambil maklum dan memandang serius aduan dan keluhan di pihak pengamal perubatan swasta berkenaan kesukaran dalam pembukaan sesebuah klinik perubatan swasta. Oleh itu, kementerian sentiasa meneliti dan menambah baik prosedur kerja sedia ada bagi memastikan kerenah-kerenah birokrasi ditangani dengan sewajarnya terutamanya dalam memastikan sektor jagaan kesihatan swasta dapat berkembang seiring dengan aspirasi perkembangan ekonomi negara. Walaupun demikian, pihak kementerian tidak akan sesekali berkompromi dengan apa-apa perkara yang melibatkan ketidakpatuhan perundangan dan pengabaian keselamatan pesakit serta kualiti jagaan kesihatan yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, proses pendaftaran klinik swasta secara relatifnya adalah mudah dengan syarat pihak pemohon mengemukakan permohonan yang lengkap dan mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh undang-undang berkaitan. Berdasarkan rekod CKEP iaitu agensi pelaksana, terdapat permohonan pendaftaran klinik swasta yang berjaya diperakukan dalam tempoh hanya dua bulan dari tarikh permohonan diterima di peringkat negeri sehingga perakuan pendaftaran dikeluarkan kepada pemohon. Bagi permohonan-permohonan yang tertangguh, faktor-faktor utama yang dikenal pasti sebagai penyumbang kelewatan pemprosesan permohonan adalah seperti berikut:

- (i) permohonan yang tidak lengkap dan atau tidak mematuhi keperluan;
- (ii) pengubahsuaian ataupun *renovation* dengan izin, bangunan mengambil masa yang lama biasanya adalah kerana kontraktor yang tidak mengetahui perundangan yang ditetapkan;
- (iii) surat saranan penambahbaikan tidak difahami oleh pihak pemohon menyebabkan maklum balas lambat dikemukakan dan atau mengemukakan maklum balas yang masih tidak mematuhi keperluan; dan
- (iv) kekangan sumber manusia dalam mengendalikan bilangan permohonan yang semakin meningkat di pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada penubuhan sebuah pusat hemodialisis swasta pula ia melibatkan prosedur pelesenan yang terdiri daripada tiga proses asas iaitu:

- (i) permohonan kelulusan pra penubuhan iaitu *zoning requirement*;
- (ii) permohonan kelulusan untuk membina fasiliti yang dicadangkan iaitu selepas kelulusan *zoning*; dan
- (iii) permohonan lesen operasi dikemukakan setelah fasiliti siap dibina serta dilengkapi dengan kemudahan dan personel yang berdekatan.

Dari segi rekod, terdapat permohonan yang berjaya diproses melibatkan ketiga-tiga prosedur dalam tempoh hanya enam minggu. Bagi permohonan-permohonan yang tertangguh, faktor penyumbang utama yang dikenal pasti adalah ketidakhahaman pemohon dalam mematuhi keperluan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu yang lain yang dibangkitkan, kementerian juga prihatin dengan amalan-amalan terkini yang berlaku di makmal-makmal swasta *standalone* dan pusat-pusat farmasi *retail* yang bercanggah dengan peruntukan-peruntukan perundangan profesion yang berkaitan. Bagi mana-mana kes yang jelas melanggar ketetapan akta yang berkenaan, tindakan penguatkuasaan telah, sedang dan akan dijalankan sewajarnya oleh entiti-entiti penguatkuasaan yang berautoriti terhadap pelanggaran tersebut.

Berkenaan dengan perubatan tradisional dan *complimentary medicine*. Kementerian tidak pernah berhasrat untuk mengekang perkembangan perubatan tradisional dan *complimentary* di negara ini. Malah, kementerian melalui implementasi Akta Perubatan Tradisional dan Komplimentari 2016 [Akta 775] telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memastikan cabang perubatan ini diiktiraf sebaris dengan

perubatan *allopathic* sama ada dari segi etika pengamalannya yang berdaftar mahupun keselamatan dan kualiti perkhidmatan yang disediakan.

Selepas Majlis Perubatan Tradisional dan Komplimentari bermula, proses pendaftaran pengamal (PTNK), sesiapa yang ingin menyediakan perkhidmatan perubatan tradisional atau *complimentary* ini contohnya bekam perlulah berdaftar dengan majlis PTNK. Perkhidmatan tersebut boleh disediakan di mana-mana premis kecuali di premis-premis yang berdaftar atau berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 iaitu kalau klinik swasta tidak boleh, buat sementara waktu tidak boleh memberikan perkhidmatan sekali gus dengan TCM.

Pada masa yang sama, kementerian juga telah mula membincangkan mengenai kemungkinan untuk integrasi kedua-dua cabang perubatan tersebut tetapi ia perlukan kajian lanjut yang teliti dan terperinci bukan sahaja membabitkan hal undang-undang tetapi lebih penting adalah dari segi keselamatan dan keberkesanan sesuatu rawatan kepada seseorang pesakit. Kajian dan penelitian secara ilmiah dan menyelidikan yang rapi amat diperlukan sebelum kementerian membuat sebarang keputusan muktamad mengenai perkara tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 31 Julai 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 petang]